

Bil. 20

**Rabu
7 Disember 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH ENAM ORANG AHLI	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalu-alukan Pelantikan Enam Orang Ahli Baru	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2017	(Halaman 25)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
3. “ Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim
4. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Datuk Haji Abidullah bin Salleh
7. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
10. “ Puan Hajah Azizah binti Harun
11. “ Puan Bathmavathi Krishnan
12. “ Datuk Seri Boon Som A/L Inong
13. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
14. “ Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah (Selangor)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. “ Datuk Chin Su Phin
18. “ Datuk Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
19. “ Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
20. “ YM. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
21. “ Dato' Fahariyah binti Md Nordin
22. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman
23. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
24. “ Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat
25. “ Dato' Indera Hoh Khai Mun (Pahang)
26. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung
27. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
28. “ Tuan Isa bin Ab Hamid
29. “ Datuk Jamilah Sulaiman
30. “ Dato' Jaspal Singh
31. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
32. “ Datuk Haji Kadzim M.Yahya (Sabah)

33. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
34. “ Dato’ Sri Khairudin Samad
35. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
36. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)
37. “ Dato’ Lee Chee Leong (Perak)
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
38. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
39. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
40. “ Datuk Dr. Lucas Umbul (Sabah)
41. “ Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit
42. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin
43. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor
44. “ Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
45. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
46. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
47. “ Dato’ Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
48. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff
49. “ Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai
50. “ Datuk Ng Chiang Chin
51. “ Dato’ Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
52. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim
53. “ Datuk Paul Low Seng Kuan
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
54. “ Datuk Rabiyah binti Ali
55. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris
56. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad
57. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
58. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal
59. “ Puan Shanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
60. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian
61. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
62. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam
63. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader
64. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong
65. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
66. ” Datuk Yoo Wei How
67. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus
68. “ Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
69. “ Datuk Zali bin Mat Yasin

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara

Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Suriyani binti Mohd. Noh

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nurul Atikah binti Basrudin

Nor Effazimmah binti Maliki

Cik Nur Annisa binti Hamid

Cik Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Nurul Fadhilah binti Ibharim

Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Rabu, 7 Disember 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH ENAM ORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali
- Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat
- Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris
- Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff
- Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun
- Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Md Nordin

[Upacara Angkat sumpah tamat]

■1010

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN ENAM ORANG AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris; Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff; Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun; dan Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Md Nordin sebagai Ahli Dewan Negara.

Lafaz ikrar taat setia yang baru sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat lafazkan sebentar tadi supaya taat pada Malaysia dan mempertahankan Perlembagaan negara bukanlah perkara baru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berharap semoga perangai dan perwatakan serta keperibadian tinggi, beradab dan bersopan santun akan menjadi contoh atau teladan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Sekarang ini saya berasa risau kerana terdapat segelintir bilangan Ahli Yang Berhormat yang tidak menghormati kemuliaan Dewan Parlimen dan melanggar peraturan mesyuarat serta Perlembagaan negara. Saya memperingatkan diri saya dan menarik perhatian semua Yang Berhormat supaya kita semua hendaklah memahami segala peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan negara dan peraturan-peraturan mesyuarat.

Sebagai contoh fasal-fasal Perlembagaan yang wajib difahami serta dihayati adalah seperti berikut, Fasal 3 dan 11, berkaitan dengan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan di samping itu semua agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni. Kita semua generasi sekarang mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin lama serta nenek moyang kita yang telah membangunkan negara begitu berjaya sehingga sekarang ini berpandu kepada semangat dan prinsip bersatu padu, bekerjasama serta memegang prinsip-prinsip Rukun Negara sehingga menentukan keamanan dan kesejahteraan negara tetap terpelihara. Pada masa-masa kebelakangan ini, saya dapati banyak tindakan yang tidak bertanggungjawab melanggar Perlembagaan negara dan tidak menghormati undang-undang yang telah dibuat melalui wakil rakyat di Parlimen Malaysia ini.

Kebebasan bercakap, sungguhpun ada kebebasan tersebut mengikut Perlembagaan fasal 63(4) tetapi ada batasannya seperti peruntukan Akta Hasutan 1948, Ahli-ahli Yang Berhormat sila baca dan fahami kes, dengan izin, '*Public Prosecutor vs Mark Koding*', dan kes '*Lim Guan Eng vs Public Prosecutor*', di mana kekebalan Ahli-ahli Parlimen ada batasan-batasannya sungguhpun berucap di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya berharap, semoga rakyat Malaysia yang cinta akan negara dan bangsa, mestilah menghormati segala peruntukan dalam Perlembagaan serta undang-undang negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Hajah Azizah binti Harun** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, langkah terkini yang diambil oleh kerajaan dalam menangani pencemaran sungai sehingga menyebabkan loji rawatan air terpaksa berhenti operasi beberapa kali.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada keenam-enam Ahli Dewan Negara yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bersekali dengan pertanyaan berkaitan isu-isu pencemaran air dan loji rawatan air yang dibangkitkan oleh yang pertama Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun pada 7 Disember 2016; Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng pada 13 Disember 2016; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah pada 13 Disember 2016; dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omdardin.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi perundangan mana-mana pihak yang melakukan kesalahan mencemarkan sungai boleh diambil tindakan di bawah seksyen 25(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dengan hukuman denda tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih dari lima tahun atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, denda tambahan tidak lebih daripada RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui jabatan alam sekitar sedang menyemak dan akan meminda termasuk menggubal peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan yang berkaitan sebagai penambahbaikan selaras dengan perkembangan semasa, teknologi kawalan pencemaran dan kaedah pengurusan alam sekitar yang semakin dinamik dan kompleks. Buat masa ini penyelesaian secara total bagi isu pencemaran sungai perlu melibatkan banyak pihak agar penyelesaian secara holistik dapat dicapai.

■1020

Antara pihak-pihak yang perlu dilibatkan dalam operasi penyiasatan, penguatkuasaan dan pemantauan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi kawal selia air negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan banyak lagi.

Justeru, pendekatan yang dilakukan oleh kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar ialah penyiasatan secara bersepadu melalui konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun NBOS yang dianggotai oleh agensi kerajaan negeri seperti pihak berkuasa tempatan, pejabat tanah dan daerah, agensi pengurusan air negeri dan lain-lain agensi yang berkaitan bagi membolehkan komunikasi yang cepat dan tindakan siasatan yang pantas.

Bagi memantapkan kerjasama tersebut, penyelarasan skop tugas antara agensi yang terlibat dengan pengurusan sungai dan sumber air turut akan diperkemas melalui pembangunan *standard operating procedure* dalam menangani kes pencemaran sungai daripada berulangi. Operasi bersepadu seperti *river survey* yang dianggotai oleh agensi berkaitan bertujuan pengesanan punca di sepanjang sungai dengan menjalankan pensampelan dan juga pemantauan secara in situ. Ini juga secara tidak langsung melengkapkan inventori punca di bawah kawalan agensi berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, panjang sedikit kerana menjawab beberapa persoalan tadi. Minta maaf. Bagi insiden penutupan loji rawatan air di Selangor pada 2016 ini, satu Kertas Siasatan telah dibuka. Pertuduhan terhadap sebuah premis yang beroperasi secara haram di negeri Selangor telah disiapkan dan dalam semakan unit pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama juga, kementerian dalam proses menggubal Rang Undang-undang Sumber Air Negara bagi memantapkan pengurusan sumber air secara menyeluruh di Malaysia termasuk hulu sungai. Antara elemen utama yang terkandung dalam draf rang undang-undang tersebut adalah untuk memperkenalkan keseragaman undang-undang dan dasar dalam pengurusan sumber air di seluruh negara selaras dengan Perkara 76 Perlembagaan. Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar juga menggunakan pendekatan untuk mengadakan *guide self-regulation* atau pun GSR kepada semua industri. Pengenalan terhadap konsep GSR ini sedang giat dilaksanakan melalui sesi ceramah, seminar, dialog dan mesyuarat.

Akhirnya, dalam kes pencemaran air di Selangor, operator pengendali loji rawatan air ini juga turut digesa untuk meningkatkan tahap kecekapan loji masing-masing yang mampu merawat air mentah yang tercemar. Pihak kementerian juga ingin menyarankan semua pihak perlu lebih proaktif dalam menjaga dan mengawal pencemaran daripada punca-punca yang berada dalam tanggungjawab masing-masing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

Puan Hajah Azizah binti Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan saya dengan baikny.

Tuan Yang di-Pertua, air merupakan sumber keperluan utama bagi seluruh rakyat Malaysia. Apabila air terjejas, seluruh kehidupan turut terjejas. Soalan saya ini lebih merujuk kepada pencemaran sungai di Selangor. Masalah ini bukan sahaja menyebabkan kehidupan rakyat terjejas, malah syarikat-syarikat, restoran-restoran dan juga pihak industri turut terjejas. Saya tidak faham kenapa loji rawatan air di Selangor sejak kebelakangan ini sering berlaku henti operasi. Apabila loji rawatan air ini berhenti beroperasi, maka air tidak disalurkan kepada beribu-ribu, malah berjuta-juta akaun pengguna.

Saya lihat perkara ini seolah-olah telah menjadi satu kebiasaan berbanding dengan pentadbiran dahulu. Soalan saya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, selain daripada langkah-langkah yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan sesi turun padang dan menggunakan segala media yang sedia ada untuk menerangkan kepada rakyat terutamanya kepada rakyat Selangor mengenai apa yang telah Kerajaan Pusat telah buat dan telah laksanakan untuk mengatasi masalah pencemaran sungai ini? Ini kerana Kerajaan Persekutuan sedia ada, kerajaan yang berjiwa rakyat.

Seterusnya, adakah kerajaan benar-benar sudah kenal pasti siapa pelaku dan mereka yang bertanggungjawab yang menjadikan punca kepada masalah pencemaran sungai terutamanya sungai di Selangor hingga menyebabkan loji rawatan berhenti beroperasi. Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Panjang soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: So, okay.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi saya tahu Yang Berhormat Menteri suka panjang.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tidak tahu hendak komen.

Tuan Yang di-Pertua, saya memahami tentang luahan rasa Yang Berhormat tadi, tentang kebimbangan masa depan sumber air kerana isu yang berbangkit tentang bekalan air baru-baru ini di Selangor.

Justeru, pihak kementerian sangat memandang serius isu pencemaran tersebut. Maka sebab itulah, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sendiri telah mengadakan perbincangan dengan pihak Yang Berhormat Menteri Besar Selangor dan telah mencapai kesepakatan, maknanya kita buat kerjasama. Pertama, meneruskan pemantauan bersama sebagai satu pasukan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan seperti yang saya sebutkan tadi, antara semua agensi termasuklah Lembaga Urus Air Selangor itu sendiri.

Saya hendak tegaskan di sini bahawa Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) itu sendiri mempunyai akta yang komprehensif. Maknanya, selain ada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kerajaan Selangor atau Selangor sendiri mempunyai akta khusus untuk memantau, untuk menguatkuasakan kualiti ataupun perkara yang berkaitan dengan kualiti punca air sebelum dirawat. Tadi saya sebutkan juga dengan Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan. Ini penting. Maknanya, pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang serius ke atas mana-mana kilang haram termasuklah kilang haram yang menyebabkan pencemaran sumber air, termasuklah pencemaran sumber air sungai.

Kedua, bantuan teknikal, khidmat nasihat diberikan kepada pihak LUAS untuk mempermudah penyelesaian pencemaran ini. Ketiga, semua hasil siasatan yang dijalankan, diselaraskan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan penyediaan kertas siasatan yang lebih komprehensif sebab masuk mahkamah bukan perkara mudah dan untuk diambil tindakan yang tegas di bawah undang-undang terhadap pihak yang bertanggungjawab. Maknanya, kita gabungkan semua sekali dapatan daripada hasil siasatan untuk tindakan pendakwaan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat yang kedua tadi, setakat ini, saya tumpukan kepada dua jenis situasi pencemaran. Pertama, pencemaran Sungai Semenyih disebabkan oleh kilang haram tersebut seperti yang saya sebutkan tadi.

Kedua, pencemaran air Sungai Semenyih juga yang disebabkan oleh aktiviti pencemaran di peringkat hulu khususnya dia Sungai Buah, Negeri Sembilan.

Bagi pencemaran disebabkan oleh kilang haram tersebut, Kertas Pendakwaan dalam proses dimurnikan untuk diambil tindakan supaya tindakan kita benar-benar tepat. Maknanya, pendakwaan itu tepat, tidak boleh dipersoalkan di mahkamah.

Itu ada tindakan tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ini, yang disebabkan oleh pencemaran di peringkat hulu sungai khususnya di Sungai Buah, saya fikir Yang Berhormat sedia maklum, yang menyebabkan pencemaran bau yang serius. Yang ini, Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang siasatan secara menyeluruh dan terperinci sedang dijalankan termasuklah dengan kerjasama pihak polis menggunakan kaedah forensik kerana kita belum dapat mengenal pasti siapakah pihak, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja menyebabkan pencemaran termasuklah yang tadi saya sebut, dengan izin, *illegal dumping*, pembuangan secara haram, pembuangan sisa toksik dan sebagainya, pembuangan yang boleh menyebabkan pencemaran secara sengaja, secara haram.

■1030

Kedua, sumber-sumber kilang yang kita sedang siasat di semua tempat, termasuk juga di Negeri Sembilan yang boleh dapat lagi dikenalpasti. Ini satu perkara yang serius. Yang Berhormat tadi menyebut tentang penjelasan dan sebagainya. Saya fikir penjelasan yang dibuat oleh pihak media dan sebagainya, cukup terang. Maknanya kita bekerjasama, kita beri penjelasan dan pihak kementerian bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak untuk memberikan penjelasan tentang fakta-fakta yang sedia ada bagi kesedaran ramai.

Saya fikir semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sumber air tidak mudah tercemar bagi tujuan rawatan dan seterusnya untuk kegunaan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Norliza.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tetapi bukan mengenai pencemaran sungai tetapi sedikit mengenai penambakan laut. Jadi, di Pulau Pinang ini saya difahamkan usaha untuk menambak sebuah kawasan laut di Pulau Pinang dan menyebabkan 1,500 orang nelayan kehilangan punca pendapatan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, di manakah peranan kementerian? Adakah kelulusan untuk menambak laut di Pulau Pinang ini perlu mendapat kelulusan daripada pihak Persekutuan atau hanya sekadar kelulusan daripada pihak negeri? Di mana peranan kementerian untuk memastikan setiap penambakan laut itu tidak memberikan kesan pada punca pendapatan kepada rakyat, nelayan di kawasan tersebut? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu saya ingat di luarlah. Akan tetapi terpulang kepada Menteri.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di mana ada kaitan dengan air *[Ketawa]* Air laut, saya jawab sedikit secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, secara ringkas.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terpakai kepada semua negeri, khususnya di Semenanjung Malaysia ini. Di situ diperuntukkan Kajian Impak Alam Sekitar ataupun EIA. EIA ini sebenarnya sangat serius dan sangat tegas. Malah baru-baru ini pun, satu peraturan telah dipinda iaitu semua kerja tanah melebihi 20 hektar, dahulu 50 hektar, sekarang 20 hektar dan semua kerja penambakan laut mestilah mendapat kelulusan EIA. Bagi jawapan spesifik, kalau yang berkaitan dengan soalan tadi, setakat ini EIA masih belum lagi dimajukan kepada pihak kementerian dan kita sedang menunggu sekiranya mereka memajukan. Sebab ini kerja-kerja ini projek yang dalam perancangan yang sedang dibincangkan oleh semua pihak, terutama oleh pihak media massa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Adam.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berbalik kepada soalan asal.

Sumber air, pencemaran sungai. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bahawa kita di Malaysia mendapatkan bekalan sumber air kita kebanyakannya semua dari sungai. Akan tetapi kita juga berhadapan dengan isu, misalnya saya bagi contoh yang terbaru di Kelantan, Orang Asli membuat halangan supaya jangan ditebang hutan. Oleh sebab dari hutan itu akan mengalirkan sumber air ke sungai tetapi ada tindakan sebaliknya oleh kerajaan negeri yang memaksa Orang Asli terpaksa beralah. Ini dilihat oleh seluruh masyarakat Malaysia dan juga mungkin saya rasa di peringkat antarabangsa.

Jadi, soalan saya ialah pertama, adakah kita hanya hendak mencari sumber bekalan air kita hanya dari sungai sahaja ataupun kita membuat perancangan secara jangka panjang dari sekarang. Satu, dalam soal membina empangan.

Kedua, menggunakan air hujan kerana iklim kita tropika dan yang ketiga, daripada air bawah tanah. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di samping itu, saya hendak bertanya untuk pengetahuan Dewan, bagaimanakah kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri? Oleh sebab saya perhatikan sepuluh tahun dari sekarang, mungkin tidak sampai sepuluh tahun, lima tahun daripada sekarang, sumber bekalan air ini akan menjadi satu isu yang kritikal bagi Malaysia. Melaka misalnya, menghadapi masalah itu. Pulau Pinang, bergantung kepada air dari Kedah. Johor, dengan pembangunan yang pesat, kita pun juga tidak cukup air. Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Menteri akan jawab.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih. Saya kemukakan soalan tambahan.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Senator Dato' Adam Hamid.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kementerian mencadangkan Rang Undang-undang Sumber Air Negara. Walaupun rang undang-undang ini rang undang-undang *template* untuk diterima pakai oleh semua negeri tetapi kesannya kepada sumber air peringkat kebangsaan sangat penting. Umpamanya, sekiranya berlaku persoalan ataupun isu ataupun pertelagahan sumber air antara dua buah negeri atau misal kata sungai melibatkan lebih daripada satu buah negeri, maka di situlah peranan Yang Berhormat Menteri NRE sebagai *mediator*. Walaupun tidak ada kuasa, tidak boleh buat keputusan, sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri boleh menasihatkan negeri-negeri yang terlibat untuk berkongsi air ataupun berkongsi tanggungjawab tentang air.

Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, akan memperundangan kesemua panduan ataupun peraturan yang berkaitan dengan sumber air yang sekarang telah pun diperkenalkan oleh pihak JPS, umpamanya Manual Saliran Mesra Alam (MSMA). Di mana peraturan tersebut atau panduan tersebut berkaitan dengan mengurus sumber air, sumber air daripada hujan sampailah kepada sungai, masuk ke laut. Begitu juga *National Water Balance Management System* (NAWABS) di mana sumber air daripada hujan sepatutnya kita urus dengan sempurna sebab air hujan ini 40 peratus *evaporate*, terwap, 20 peratus ia dengan izin, *retain* di dataran sama ada dalam tasik ataupun dalam pokok itu sendiri. Pokok juga berfungsi sebagai *water retention* dan juga dalam tanah. Akan tetapi selebihnya, lebih kurang 40 peratus atau lebih, terus masuk ke laut.

Maknanya, daripada segi pengurusan, kita lemah. Jumlah air yang kita terima di peringkat kebangsaan adalah lebih kurang 2,900 milimeter setahun ataupun lebih kurang dengan dekat-dekat 1,000 bilion meter padu. Kalau berbanding dengan Korea, Korea cuma 1,000 milimeter setahun. Kita 2,900 milimeter. Korea tidak ada masalah. Jadi, isu ini kelemahan pengurusan air sebab itu rang undang-undang ini sangat penting, merangkumi semua perkara yang berkaitan dengan pengurusan sumber air. Termasuk lah yang disebutkan tadi, air bawah tanah, air hujan dan sebagainya. Termasuk juga Yang Berhormat, kerjasama daripada semua negeri untuk memelihara sepenuhnya, setegas-tegasnya lembangan sungai, di mana sewajarnya dan semestinya pokok-pokok hutan tidak ditebang dalam kawasan lembangan sungai.

■1040

Perkara ini sangat serius kerana bila lembangan sungai dibotakkan misalnya air tidak dapat diperangkap oleh pokok dan jumlah air dalam sungai akan berkurangan. Inilah antara sebab utama air tercemar kerana kuantiti airnya sedikit, termasuklah boleh tercemar dengan sebab kemasukan air laut yang boleh menyebabkan air masin dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bila bertanya soalan tambahan tolong ringkaskan kerana sekarang sudah pukul 10.40 dan kita baru dalam soalan 1. Kalau hendak juga jawapan yang panjang, bangkitkan dalam perbahasan.

2. **Datuk Jamilah Sulaiman** minta Menteri Kewangan menyatakan, pencapaian Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) semenjak diperkenalkan pada tahun 2009. Apa cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan strategi tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Saya bagi pihak kementerian juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada enam orang Senator yang baru mengangkat sumpah pada hari ini dan selamat datang menjalankan tugas di Dewan Negara. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2009 bagi menyokong dan mempercepatkan Program Transformasi Nasional ataupun *National Transformation Program*.

ia merupakan satu strategi transformatif dalam sistem pentadbiran kerajaan menggunakan konsep yang kreatif, inovatif dan berintegriti dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan berasaskan kepada tiga prinsip berikut, iaitu *high impact*, dengan izin, *low cost* dan juga dapat dilaksanakan dengan mudah serta ia boleh *sustainable*.

Pelaksanaan program NBOS ini telah membantu kerajaan menjimatkan perbelanjaan dengan perkongsian sumber antara pelbagai agensi yang terlibat. Contohnya kerajaan telah menjimatkan sebanyak RM1.5 bilion dengan menggunakan kaedah NBOS bagi penyediaan lima belas buah pusat transformasi bandar di seluruh negara setakat ini. Manakala melalui pelaksanaan inisiatif kolaborasi NBOS antara pasukan Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia membolehkan kerajaan menjimatkan sebanyak RM700 juta bagi berkongsi pusat-pusat latihan di antara polis dan tentera serta meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam dengan rondaan bersama antara kedua-dua pasukan polis, dan juga tentera. Penugasan semula anggota beruniform PDRM dan anggota awam dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan daripada segi pengambilan perjawatan yang baru, melakukan latihan serta menyediakan kemudahan tambahan sekiranya kita hendak ambil kakitangan baru. Penugasan tersebut telah menjimatkan kerajaan sebanyak RM1.3 bilion.

Berbalik kepada UTC yang ditubuhkan iaitu *Urban Transformation Centre* ini, antara kejayaannya sehingga kini kita telah pun melayan sebanyak 31 juta orang rakyat yang berurusan di UTC di seluruh negara.

Untuk tahun 2016 sahaja, sebanyak 11.5 juta telah pun pergi berurusan di UTC-UTC berkenaan. Kita juga memperkenalkan *Mobile CTC* ataupun *Community Transformation Centre* yang bergerak ini di mana pelbagai agensi menggunakan bas, van dan sebagainya turun ke padang, ke bawah terutama di kawasan luar bandar untuk memberi layanan dan perkhidmatan kepada rakyat. Sehingga kini, antara tahun 2013 sampai tahun 2015 seramai 1.9 juta orang rakyat telah pun menerima sumbangan ataupun perkhidmatan tersebut.

Bagi tahun 2016 sahaja 1.58 juta orang rakyat telah pun terlibat. Merujuk kepada cabaran yang ditanya ini cabaran dalam pelaksanaan NBOS, ia merupakan satu kolaborasi merentasi struktur organisasi di kalangan jabatan dan agensi kerajaan. Walau bagaimanapun, cabaran ini diatasi menerusi kaedah *fair process*, iaitu semua pihak yang terlibat berbincang bersama dan bersetuju tentang cadangan dan objektif inisiatif sebelum ia dilaksanakan.

Selain itu, permintaan untuk memperluaskan lagi inisiatif yang popular seperti UTC. UTC ini dan juga RTC juga dilihat sebagai satu cabaran di mana ia merupakan memerlukan peruntukkan di luar bajet tahunan. Namun, kerajaan terus komited bagi memastikan inisiatif ini dapat dibangunkan di seluruh negeri. Termasuk juga dalam Bajet 2017, kita telah bersetuju untuk membina empat lagi UTC baru. Selain daripada itu, cabaran yang berkaitan adalah untuk memperluaskan lagi promosi iaitu pendedahan kepada rakyat untuk mengetahui apa yang dilaksanakan oleh program-program NBOS iaitu kita perlu menguar-uarkan melalui media massa dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini terdapat 104 inisiatif NBOS yang telah dilaksanakan oleh kira-kira lapan puluh kementerian, agensi dan pelbagai jabatan di seluruh negara. Terima kasih.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab. Soalan tambahan saya ialah bagaimana NBOS dapat dimanfaatkan secara optimum ke arah mencapai pencapaian negara maju dan berpendapatan tinggi iaitu *high income nation* pada tahun 2020 tatkala negara berhadapan dengan suasana ketidakpastian ekonomi global? Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Kita melihat bahawa inisiatif yang diambil oleh kerajaan melalui NBOS ini adalah untuk meningkatkan *delivery system* ataupun sistem perkhidmatan kepada rakyat. Jadi berkait dengan soalan tambahan yang diberikan dengan masalah kelembapan ekonomi dan sebagainya sudah tentulah NBOS ini akan dapat menjimatkan kos kepada rakyat. Contohnya dalam konteks *Mobile CTC* yang diturunkan sampai ke kampung-kampung di luar bandar, di Sabah, di Sarawak termasuk di Semenanjung. Kita turun ke bawah membawa semua agensi yang terlibat seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, JPJ dan juga lain-lain agensi kerajaan yang terlibat untuk membolehkan rakyat mendapatkan perkhidmatan.

Sama ada hendak memperbaharui lesen, hendak buat kad pengenalan baru dan sebagainya tanpa perlu pergi ke bandar. Sebab kita tahu, hendak pergi ke bandar ini kadang-kadang sudah tentulah ia akan memakan masa, meningkatkan kos dan sebagainya lah.

Jadi kita berusaha sepenuhnya untuk memastikan *delivery system*, perkhidmatan kepada rakyat untuk agensi dan jabatan-jabatan tertentu yang popular yang diminta, permintaan yang tinggi di kalangan rakyat ini kita turun ke bawah. Dalam masa yang sama juga kita dapat mengembelengkan contohnya di UTC. Di UTC ini kita cuba buka di bandar-bandar utama dan kita akan kembangkan pula di bandar-bandar seterusnya dalam negara ini untuk kita gabungkan semua, menempatkan semua agensi ini di bawah satu bumbung dan apabila mereka pergi itu, mereka boleh melaksanakan pelbagai transaksi, urusan-urusan harian ini di bawah satu bumbung tanpa perlu pergi ke agensi-agensi yang terletak di pelbagai tempat yang menyebabkan perlunya ada *parking problem* dan sebagainya. Jadi itu adalah antara contoh-contoh yang saya kira boleh membantu rakyat dalam keadaan ekonomi yang memerlukan pelbagai pengorbanan di semua pihak. Terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimanakah prospek dan hala tuju NBOS dalam pengurusan defisit fiskal negara dan pemantapan pengurusan awam? Terutama berkaitan dengan kawalan sempadan, jaringan keselamatan sosial dan kawalan keselamatan dan ketenteraman awam dalam tahun 2017 sehingga menjelang tahun 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Senator Shahanim. Contoh antara yang kita sudah pun buat dalam konteks nak jimatkan belanja ini ialah kerjasama yang dibuat oleh KKLW atau Kementerian Kemajuan Luar Bandar, dan dengan juga Kementerian Pertahanan, kita buat jalan di luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Kemudian kita bercakap soal kawalan sempadan. Walaupun kita tahu kawalan sempadan ini kita ada AKSEM atau Agensi Kawalan Sempadan yang baru diwujudkan, kita ada Imigresen, kita ada Kastam, kita ada polis dan sebagainya. Kita juga sedar sempadan ini merupakan satu buah tempat di mana adanya aktiviti penyeludupan. Seludup ini ada dua cara. Satu, masuk dalam tak bayar cukai. Yang kedua, seludup keluar, contohnya minyak masak dan sebagainya. Itu pun ia boleh mengambil kesempatan di atas- contohnya, minyak masak yang bersubsidi itu dijual ke negara luar yang mendapat keuntungan yang berlebihan.

Jadi kita gunakan, *insya-Allah*, kita baru sahaja buat satu seminar di mana empat atau lima buah jabatan utama di sempadan ini kita gabungkan, kita cari jalan bagaimana nak atasi isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan. Contohnya, kita tahu macam kastam ada aktanya, macam polis ada aktanya, imigresen ada aktanya, kemudian AKSEM pun ada aktanya, begitu juga SPRM pun ada aktanya.

Jadi mungkin akta-akta ini juga bertindih dan juga kadang-kadang bercakap soal sempadan kerja, *territory*, kita bercakap soal hak jabatan dan sebagainya, ini kita perlu atasi supaya penggabungan kolaborasi antara semua jabatan ini akhir sekali menjurus kepada peningkatan *efficiency* dari segi mengatasi masalah *cross border* ataupun menyeberang sempadan yang melibatkan masalah-masalah yang berkaitan dengan penyeludupan dan sebagainya.

Jadi, saya yakin kita dapat tingkatkan kutipan cukai yang nak bawa masuk, cukai import dan sebagainya, tapi dalam masa yang sama juga kita boleh atasi berkaitan dengan penyeludupan minyak masak, minyak diesel yang kerjasama antara APMM dan sebagainya, dengan kastam yang boleh mengurangkan dan seterusnya menghapuskan ketirisan hasil kepada kerajaan. Terima kasih.

3. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, apakah usaha yang telah dijalankan untuk meningkatkan bilangan bumiputera dalam jumlah pemilikan persijilan halal yang sekarang ini lebih banyak dimiliki oleh bukan bumiputera.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang dilaksanakan sekarang ini adalah bersifat sukarela dan terbuka kepada semua pemohon tanpa mengira status agama mahupun bangsa.

Walau bagaimanapun, hanya pemohon yang memenuhi syarat dan mematuhi segala prosedur yang telah ditetapkan sahaja layak untuk diberikan SPHM. Pemohon yang layak akan diberikan sijil dan kebenaran menggunakan logo halal pada produk dan perkhidmatan yang dinyatakan dalam Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

Pensijilan halal Malaysia yang dilaksanakan oleh JAKIM dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) mengikut prosedur, standard dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa. Setiap keputusan sama ada sesebuah syarikat layak atau tidak layak mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia perlulah mengikut proses kerja yang ditetapkan.

Berkaitan dengan bilangan yang kurang di kalangan syarikat bumiputera memperolehi pensijilan halal, dimaklumkan bahawa ia juga terkait dengan soal faktor penguasaan syarikat bumiputera dalam sektor pembuatan yang lebih rendah berbanding pengusaha bukan bumiputera yang merupakan antara sebab mengapa berlaku jurang perbezaan yang ketara dalam hal ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan terus meningkatkan usaha ke arah menambahkan jumlah bilangan syarikat pemegang sijil halal Malaysia khususnya syarikat milik bumiputera. Kerajaan melalui JAKIM sentiasa meningkatkan usaha menjalankan pelbagai bentuk promosi sama ada dalam bentuk ceramah, seminar, khutbah Jumaat, dialog industri dan galakan serta pameran serta siri-siri penerangan bagi menarik lebih ramai pengusaha-pengusaha bumiputera untuk mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

Penggemblengan dan penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan swasta sebagai agensi pembimbing seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Lembaga Zakat Selangor berserta agensi pembangunan industri seperti *Halal Development Corporation* (HDC), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), SME Malaysia dan juga persatuan-persatuan industri seperti dewan-dewan perniagaan dan Dewan Perniagaan Islam Malaysia dan lain-lain mampu meningkatkan jumlah pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia di kalangan bumiputera. Hasil usaha yang berterusan tersebut diharap dapat mempertingkatkan bilangan bumiputera dalam memperolehi Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membangkitkan soalan ini kerana saya melihat dalam RM40 bilion *business* halal ini, bumiputera hanya terlibat sebanyak 6 peratus- 6 peratus sahaja daripada RM40 bilion. Dan daripada 6,458 tahun lepas, angka tahun lepas yang diiktiraf sebagai syarikat halal ini, hanya 29 peratus sahaja bumiputera. Kita faham bahawa daripada angka SSM 1.1 juta buah syarikat yang berdaftar, hanya 29.8 peratus sahaja syarikat bumiputera.

Kebimbangan ini saya timbulkan dalam soalan ini kerana saya melihat daripada satu kajian bahawa menurut kajian ini, masalah yang dihadapi dalam *business* halal ini kerana tidak cukup kakitangan yang merupakan faktor menyebabkan pihak JAKIM dan JAIN tidak dapat menampung permintaan untuk kelulusan sijil itu.

This is not an excuse, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ini yang menjadi masalah, saya rasa kementerian perlu mengambil satu inisiatif yang lebih untuk diperkuatkan dan diperkukuhkan lagi. Saya juga terdengar bahawa RISDA ada meminta supaya diberikan kelonggaran kepada mereka untuk mereka juga memberi kelulusan kepada halal ini. Saya dapat tahu bahawa JAKIM juga telah melantik beberapa buah agensi di luar negara untuk beri sijil halal ini. Jadi, kenapakah tidak diberi kepada agensi-agensi ini? Saya juga melihat kalau diberi kepada mereka ini, mungkin masalah kakitangan ini dapat diselesaikan.

Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada ruang *business* yang begitu besar, saya rasa penumpuan patut diberikan kepada syarikat-syarikat yang membawa *value* yang lebih. Yang ada sekarang ini pun syarikat yang orang kata, hidup segan mati tidak mahu sudah, yang tidak cukup modal, dan sebagainya.

Saya nak bertanya, adakah pihak JAKIM pernah berbincang dengan syarikat-syarikat GLC, contohnya Tabung Haji, contohnya Lembaga Angkatan Tentera? Kerana, sekarang kalau kita tengok syarikat yang berdaftar yang membawa *value* yang tinggi seperti *Cadbury, Nestle*, ini syarikat-syarikat besar yang mampu untuk mengikuti kriteria yang dibuat oleh pihak halal tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, agak panjang sedikit.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan kepada saya ini selalunya panjang-panjang, banyak sangat dimensi.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ucapan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sahabat saya Yang Berhormat Dato' Suhaimi ini memang seorang tokoh pidato sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi ini mustahaklah.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Betul, betul, saya setuju. Soalan ini penting. Pertama sekali, saya kena betulkan fakta dulu berkenaan dengan jumlah syarikat bumiputera dan bukan bumiputera dalam statistik yang terkini. Tahun 2014, jumlah keseluruhan syarikat yang mendapat pensijilan Sijil Pengesahan Halal Malaysia sebanyak 4,985 dan daripada jumlah itu, 69.8 peratus merupakan bukan bumiputera iaitu sebanyak 3,482 manakala sebanyak 1,508- bumiputera. Tahun 2016 setakat November, ini yang terkini, setakat November 2016, sebanyak 4,692 secara keseluruhan yang mana bumiputera hanya 26.4 peratus iaitu sebanyak 1,244 dan selebihnya bukan bumiputera.

■1100

Pertama sekali penting untuk saya sebutkan di sini perkara yang berkaitan dengan sama ada JAKIM boleh memberikan kuasa kepada badan-badan lain seperti RISDA. Yang ini sebenarnya JAKIM tidak ada kuasa. Kita terikat dengan Akta Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang mana melalui akta ini, JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri-negerilah yang hanya mempunyai kuasa. Kalau kita hendak memberikan kuasa kepada orang lain, kita kena pinda akta tersebut kerana ini jelas.

Berkeenaan dengan luar negara. Soal luar negara ini bukan JAKIM yang menubuhkan ataupun JAKIM sewenang-wenangnya memberikan pengiktirafan. Kita mempunyai kerjasama dengan badan-badan pensijilan antarabangsa. Mereka ini merupakan badan-badan pensijilan yang memang sudah pun *established* dengan izin, sudah pun ada dan wujud di negara-negara yang kita mempunyai hubungan sebanyak 33 buah negara. Daripada 33 buah negara ini, ada 56 buah badan-badan pensijilan antarabangsa yang mengiktiraf dan juga diiktiraf oleh JAKIM.

Sebenarnya hari ini Tuan Yang di-Pertua, banyak sekali permintaan-permintaan daripada badan-badan pensijilan antarabangsa dan juga negara-negara yang mahu mendapat kerjasama dengan JAKIM kerana sijil halal Malaysia ini untuk pengetahuan semua, merupakan satu yang amat diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh negara-negara maju kerana standard ataupun piawai kita adalah amat tinggi sekali. Kita bukan hanya berpandukan kepada konsep halal sahaja. Kita mengambil pendekatan Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 168*] Antaranya bernaksud, makanlah makanan berasaskan panduan al-Quran yang disebut halal dan *toyyiba*.

Apakah maksud halal? Halal ini kita tahu benda yang mesti patuh syariah, cara penyembelihan dan sebagainya. Akan tetapi satu aspek yang merupakan satu tanda aras yang meletakkan sijil halal Malaysia ini pada tahap yang tertinggi kerana kita meletakkan standard piawai *toyyiba*. *Toyyiba* ini maksudnya Tuan Yang di-Pertua, adalah baik. Baik maksudnya mesti berkualiti, mesti selamat, tidak memudaratkan, mesti bersih daripada segala-galanya. Standard apa yang kita guna pakai? Kita mengguna pakai standard-standard ataupun piawai-piawai antarabangsa. Contohnya *Good Manufacturing Practice* (GMP) yang memang diiktiraf di peringkat antarabangsa bukan sahaja oleh Jabatan Standard Negara dan juga Kementerian Kesihatan, bahkan di peringkat antarabangsa.

Jadi mana-mana syarikat yang berhasrat untuk mendapatkan pengesahan sijil halal, nak dapatkan logo halal JAKIM lah dengan bahasa yang mudah. Ia tidak bersifat wajib. Kita tidak mempunyai- saya perlu memberikan pencerahan dalam Dewan yang mulia ini. JAKIM tidak mempunyai kuasa pergi ke mana-mana syarikat mengatakan ini haram, itu haram, tidak ada, seperti mana andaian-andaian yang selalu diwujudkan dalam persepsi masyarakat hari ini.

Seolah-olah kita sewenang-wenangnya nak mengharamkan mana-mana syarikat, mana-mana restoran dan sebagainya, tidak. Ia sebab prinsip ataupun urus tadbir halal dalam konteks negara kita bersifat sukarela.

Kebanyakannya mahu memohon kerana rakyat dan masyarakat hari ini mempunyai kesedaran yang tinggi. Mereka mahu makan di restoran, mereka mahu produk bukan sahaja makanan tetapi kosmetik daripada segi bidang kesihatan dan sebagainya yang mempunyai logo halal JAKIM kerana adanya kepercayaan dan keyakinan. Jadi kalau mereka hendak memohon daripada JAKIM, kita mempunyai standard yang telah pun diiktiraf di peringkat antarabangsa. Bukan sahaja negara-negara biasa, negara-negara yang kita tahu bahawa negara-negara ini amat ketat daripada segi pengiktirafan, daripada segi perincian soal kebersihan dan kesucian. Negara seperti Australia, Kanada, Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan dan sebagainya. Mereka ini bukan mudah untuk sesuatu produk untuk masuk ke dalam negara mereka kerana mereka akan memperhalus aspek-aspek kebersihan, kesucian dan pelbagai aspek.

Akan tetapi kalau syarikat itu mempunyai logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM dan majlis-majlis agama Islam negeri-negeri, mereka akan mudah untuk menerimanya kerana kita meletakkan satu tanda aras yang tinggi bukan sahaja halal daripada segi syariah, daripada segi agama tetapi juga suci, bersih, selamat dan berkualiti dalam pelbagai aspek. *The whole supply chain*, dengan izin, adalah memenuhi standard dan piawai ini.

Jadi sebab itulah untuk JAKIM merendahkan standard adalah tidak mungkin. Akan tetapi kita harus membangunkan kapasiti untuk bagaimana kita boleh merencanakan ataupun meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat bumiputera yang rata-ratanya syarikat-syarikat bersifat mikro, sederhana dan kecil. Terima kasih.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak ucapkan tahniah kepada enam orang rakan yang baru mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara yang baru. Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Cuma jawapan kepada soalan saya ini dah dijawab. Saya pula dah terhantar nota awal kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak sangka soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi merangkumi sekali soalan yang saya hendak tanya. Namun demikian tidak apa Tuan Yang di-Pertua, saya cuma nak menyampaikan...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau macam itu tidak payah tanyalah, duduk.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Tanya juga Tuan Yang di-Pertua, dah bangun [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang nak tanya soalan lain.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Yang ini berkait juga Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, dalam lawatan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini ke Poland dan Rusia, kita berjumpa dengan beberapa orang rakan di Poland khususnya, Yang Berhormat juga hadir, bertemu dengan Mufti Negara Poland sendiri. Saya akui bahawasanya pensijilan yang dikeluarkan oleh JAKIM ini cukup tinggi nilainya di peringkat antarabangsa. Cuma menjadi kerisauan rakan-rakan di sana ialah setelah JAKIM membuat hubungan dengan mereka, JAKIM telah membuat semakan dan sebagainya tetapi sehingga hari ini mereka masih lagi menunggu pihak JAKIM untuk membantu bekerjasama dengan mereka bagi mengeluarkan pensijilan itu.

Diakui bahawasanya telah ada urusan awal yang dibuat. Namun agak terbantut disebabkan katanya pihak JAKIM akan turun ke sana untuk membuat semakan. Akhirnya setelah berbincang, pensijilan ini akan dikeluarkan. Cuma dalam kerisauan kita di situ ialah sebab banyak negara sebenarnya, Rusia dan juga Poland khususnya memang mengharapkan pensijilan JAKIM. Jadi, apa langkah yang hendak dibuat oleh JAKIM supaya tindakan itu tidak akan membantutkan usaha-usaha negara-negara yang berkehendakkan dan mendapatkan pensijilan daripada JAKIM. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Senator yang bertanya. Saya kira isu ini spesifik. Saya perlu mendapatkan jawapan kenapa ada sedikit kelewatan di Poland. Yang ini saya akan hantar sebagai jawapan bertulis. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang mungkin saya boleh sebutkan juga, tadi pun ada disebutkan berkenaan dengan *manpower*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pun nak tanya sedikit. Tadi Dato' Suhaimi ada minta, taraf sijil kita Yang Berhormat Menteri dah beritahu tetapi yang syarikat-syarikat bumiputera yang lain ini tarafnya tidak mengikut nak bagi sijil.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Oh! Maafkan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu dia cakap peratus bumiputera 26 peratus. So, syarikat-syarikat ini tidak memenuhi syarat kah?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Bukan, yang tadi 26 peratus itu yang memiliki sijil.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang lain?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Oleh sebab saya katakan tadi mereka perlu memohon, yang lain-lain ini tidak memohon.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Okey.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Itu isunya. Salah satu faktor mengapa mereka tidak memohon ataupun mereka merasa takut untuk memohon kerana persepsi seolah-olah mahal. Walhal Sijil Halal ini bagi syarikat-syarikat kecil di bawah RM500,000 ini sebenarnya RM100 setahun sahaja. Itu sahaja kosnya, itu sahaja kos yang harus dibayar oleh syarikat yang memohon dan syarikat yang hendak mendapatkan sijil tetapi persepsinya seolah-olah sukar.

Akan tetapi tidak dinafikan antara faktor-faktor yang besar kenapa syarikat-syarikat bumiputera ini apabila memohon mempunyai masalah untuk mendapatkan sijil juga kerana aspek kebersihan tadi, aspek kesucian tadi. Ia kerana dalam konteks saya bagi contoh mudah sahaja, kebanyakan syarikat kecil ini, mereka berniaga ataupun memproses makanan di dapur yang sama untuk dapur rumahnya itulah dapurnya, itu juga dapur untuk memproses keropok lekor umpamanya. Akan tetapi dalam konteks standard GMP, dia perlu ada *separate kitchen* dengan izin, maknanya dapur yang berasingan.

Ini mungkin kosnya bukan RM100, kos untuk mereka mencapai tahap supaya mereka mendapat pengesahan sijil halal itu mungkin kosnya RM4,000 ke RM5,000. Inilah yang saya maksudkan apabila kerajaan mewujudkan Majlis Halal Malaysia mengambil kira aspek ini. Bagaimana kita boleh menggembelng semua agensi pembimbing dan agensi-agensi *facilitating fund* umpamanya supaya kita boleh membangunkan kapasiti. Ini yang lebih mustahak daripada kita hanya memfokuskan secara umum soal kesedaran dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kita. Saya bertanya ini ringkas sahaja. Pertama, tadi kita lihat ramai orang yang takut kerana persepsinya mahal. Sebenarnya bukan mahal sijil itu, mahalnya hendak buat tempat *separate* itu mahal. Itu menjadi kekangan kerana dia tidak ada modal. Jadi kerana itu, saya rasa perkara ini perlu dilihat sebagai perkara yang serius jugalah kerana kita tidak mahu orang makan ini, makanan yang tidak jelas halal haram.

Soalannya lagi ialah masih ada lagi kah pihak yang berkenaan, yang menggunakan logo halal sendiri di dalam meletak label mereka halal. Sedangkan mereka tidak mendapat halal daripada pihak berautoriti seperti JAKIM. Logo halal JAKIM ini dengan negeri ada perbezaan, ada persamaan atau logo halal yang sama? Kalau didapati orang yang meletakkan logo halal di tempat-tempat mereka, dan ia tidak mendapat sijil yang sebenar, apa tindakan yang telah diambil dan hukuman yang ada dalam undang-undang.

Setakat ini kalau boleh saya tanya yang terakhir ialah apakah sebenarnya kesan kepada peniaga-peniaga atau pengeluar produk apabila mereka gagal memohon untuk dapat Sijil Halal, kesan. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya sebutkan tadi sekarang ini hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri sahaja yang mempunyai kuasa, diberikan kuasa di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Logonya satu sahaja. Oleh sebab itu dia tidak sebut logo halal JAKIM. Ia disebut Halal Malaysia. Itulah standard.

Kalau boleh saya tunjukkan gambar di sini... [Menunjukkan logo "Halal" Malaysia] Ini standard. Jadi kalau ada logo halal selain daripada Halal Malaysia ini, itu tidak diiktiraf. Bahkan boleh diambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang ini.

Kedua, berkenaan dengan apa kesannya kalau mereka yang tidak mendapat logo halal ini. Sebenarnya kesannya tidak ada. Kesan daripada segi perundangan tidak ada. Maknanya kita hanya boleh mengambil tindakan bagi mereka yang ada sijil halal tetapi tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti apabila kita lakukan audit kawasan ataupun lapangan, kita dapati mereka tidak memenuhi apa yang telah dipersetujui di peringkat awal. Jadi kita boleh ambil tindakan dalam konteks itu. Oleh sebab ia bersifat suka rela.

Akan tetapi daripada segi umumnya sudah tentu apabila kesedaran masyarakat dan rakyat secara umumnya meningkat bahawa mereka hendak pergi kepada ataupun hendak membeli produk-produk yang ada Sijil Halal Malaysia ini. Sudah tentu ia memberi kesan kepada syarikat-syarikat. Hari ini memang ada kesan daripada segi peningkatan jumlah syarikat-syarikat yang ingin mendapatkan pensijilan Halal Malaysia kerana faktor pasaran.

Maknanya pasaran yang menentukan bahawa sama ada satu buah syarikat itu akan mendapatkan pensijilan ataupun pengesahan Sijil Halal ini ataupun tidak kerana ia bersifat sukarela. Terima kasih.

4. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan pelancong yang masuk ke Malaysia tetapi tidak keluar dan gagal dikesan mengikut negara. Apa tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mulai 1 Januari 2015 hingga 30 November tahun ini, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merekodkan seramai 46,633,723 orang warga asing telah masuk ke Malaysia dan seramai 45,590,836 orang warga asing keluar pada masa yang sama. Jumlah perbezaan warga asing yang masuk dan keluar ialah seramai 1,042,957 orang. Ini berlaku kerana terdapat warga asing diberi pas lawatan sosial antara satu bulan hingga tiga bulan untuk tinggal sementara di Malaysia.

Selain daripada itu, terdapat juga warga asing memiliki pas jangka panjang bekerja sementara dalam Malaysia, memiliki pelbagai pas lawatan sosial, iktisas, pas residen, pas pelajar, *Malaysia My Second Home* dan sebagainya untuk tinggal sementara dalam Malaysia. Pecahan warga asing yang masuk dan keluar Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Masuk	Jumlah Keluar
2015	24,334,240	22,648,108
2016 sehingga 30 November	22,299,553	22,942,728

Jadi untuk jumlah setakat ini 46 juta seperti saya sebut pada awal tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil beberapa tindakan penguatkuasaan untuk mengesan pelancong yang masuk ke Malaysia tetapi tidak keluar dan gagal dikesan adalah seperti mengadakan operasi hari-hari bersama agensi-agensi kerajaan yang lain, *Program 3+1* dan juga Program *Rehiring*.

Sebanyak 10,184 operasi telah dijalankan secara berterusan di mana seramai 164,416 orang warga asing telah diperiksa dan seramai 47,962 PATI berjaya ditangkap dari 1 Januari tahun ini sehingga 6 Disember 2016 kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963. Daripada jumlah itu, seramai 1,105 orang majikan dan 24 sindiket telah juga berjaya ditangkap manakala seramai 59,804 orang PATI telah diusir ke negara asal oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia seluruh Malaysia.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, adakah pihak Kerajaan Malaysia mempunyai rangkaian maklumat terutamanya daripada negara-negara yang sering pelancongnya datang ke Malaysia terutamanya rekod-rekod pelancong yang terlibat dengan jenayah-jenayah besar. Adakah kita mempunyai maklumat-maklumat ini?

Bila mana mereka yang mempunyai rekod jenayah, maknanya pihak kita boleh berjaga-jaga atau mengambil tindakan yang sesuai apabila mereka tidak keluar ataupun sebagainya. Adakah kita mempunyai maklumat-maklumat sebegini dipihak Kerajaan Malaysia? Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita ada rekod di Jabatan Imigresen untuk mereka yang dalam senarai *shortlist* atau *blacklisted*. Memang sudah pasti mereka tidak akan dibenarkan masuk semula. Tadi Yang Berhormat menyebut sekiranya pelancong itu datang ke sini menggunakan pas lawatan tetapi tidak direkodkan balik ke negara asal kerana kemungkinan besar dia telah menyeludup keluar dari laluan yang tidak dibenarkan dan sebagainya.

Sudah pasti kalau kita lihat insiden-insiden yang berlaku melibatkan negara ASEAN, ramai yang masuk ke sini daftar dalam rekod imigresen tetapi tidak tahu ke mana selepas itu. Kemungkinan besar mereka sudah balik ke negara asal tetapi tidak memberitahu pihak Imigresen kerana tidak melalui laluan yang dibenarkan. Terima kasih.

5. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa usaha-usaha kementerian dalam memupuk kemahiran ICT, sains dan teknologi di sekolah-sekolah luar bandar di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan Negara semalam Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun mengumumkan keputusan PISA. Ini merupakan satu pencapaian kita dalam peringkat antarabangsa yang mana negara telah mengambil bahagian dalam *Program for International Student Assessment*. Semalam Kementerian Pendidikan telah mengumumkan keputusan yang mana skor literasi saintifik yang dicapai 443 dan telah meningkat 23 mata daripada PISA 2012.

■1120

Literasi bacaan pula dicapai 431 juga meningkat 33 mata daripada PISA 2012. Manakala literasi Matematik, pencapaian 446 mata juga ada peningkatan sebanyak 25 mata daripada PISA 2012. Pada masa yang sama, TIMSS 2015 pula, Malaysia menunjukkan peningkatan tertinggi antara 16 buah negara yang menunjukkan peningkatan dalam Sains, 44 mata berbanding TIMSS 2011 manakala Malaysia juga antara 18 negara yang menunjukkan peningkatan pencapaian dalam Matematik 25 mata berbanding dengan TIMSS 2011.

Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kepercayaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan kita juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah-sekolah, pentadbir, guru-guru, murid-murid dan semua ibu bapa yang telah membantu Kementerian Pendidikan Malaysia secara langsung dan tidak langsung untuk mencapai kejayaan ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 230 buah sekolah telah terlibat dengan hampir 9,000 orang pelajar dan 230 orang pentadbir. Seramai 5,000 orang guru telah terlibat dalam operasi ini. Ini merupakan kejayaan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Saya pasti dengan kesinambungan ini kita akan dapat mengorak langkah kanan berjaya untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia memandangkan serius akan keperluan bidang teknologi maklumat dan komunikasi, sains dan juga teknologi semua sekolah termasuk luar bandar dengan menerap dan mengintegrasikan kemahiran ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Pada peringkat sekolah rendah, kemahiran ICT disediakan secara eksplisit dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) supaya semua murid berpeluang mempelajari kemahiran ICT merentas kurikulum semua mata pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2017, mata pelajaran asas Sains Komputer diperkenalkan pada peringkat menengah rendah, manakala pada peringkat menengah atas, mata pelajaran Sains Komputer ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif.

Daripada segi kokurikulum, pelbagai aktiviti dilaksanakan seperti pertandingan robotik, roket dan *F1*. Kementerian Pendidikan Malaysia juga akan menganjurkan pertandingan *School Lab*, rancangan realiti TV, pembelajaran berasaskan permainan digital dan penubuhan kelab Setem, kelas dan juga kelab komputer. Semua aktiviti yang dirancang ini akan dapat memupuk kemahiran ICT, Sains dan Teknologi di kalangan murid termasuk di luar bandar.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha memastikan kemudahan infrastruktur asas yang mencukupi. Antaranya dengan menyediakan peralatan ICT untuk makmal komputer sekolah, membekal dan meningkatkan capaian internet di sekolah serta menyediakan medium lain seperti *EduWebTV*, radio pendidikan, persekitaran pembelajaran maya ataupun *virtual learning environment*, dengan izin, portal video bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran di sekolah dalam memupuk kemahiran ICT dalam kalangan murid. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih kepada jawapan yang begitu komprehensif daripada Yang Berhormat Menteri. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada negara Malaysia dalam pencapaian yang baik dalam PISA, TIMSS dan Matematik. Sebagai mana yang kita maklum bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini, dalam abad ke-21, memang menjadi satu kewajipan kepada setiap warga pendidik menggunakan ICT dalam proses pembelajaran bestari.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat menyokong dengan pendedahan awal kepada sains dan teknologi yang merupakan satu budaya bagi mengembangkan budaya kepada pelajar untuk berfikir terbuka dan juga mempunyai kreativiti. Ia juga merupakan satu pengetahuan dan satu kaedah *inquiry* dalam sesuatu penyelesaian masalah.

Merujuk kepada luar bandar yang saya maksudkan luar bandar ini khususnya mungkin sekolah-sekolah di negeri Sabah dan Sarawak yang masih lagi belum mencapai kemudahan yang begitu tinggi berbanding dengan sekolah-sekolah di *Peninsular Malaysia*. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa usaha-usaha Kementerian khususnya kalau di Sabah dan Sarawak, kalau kita bercakap pasal *virtual learning*, ICT di luar bandar, satu masalah yang kita dapati ialah satu, masalah tidak ada elektrik.

Kedua, masalah penggunaan generator. Mungkin generator ini pada satu ketika akan rosak. Apa usaha Kementerian dalam menaik taraf ataupun membolehkan supaya pengajaran ICT ini betul-betul dapat dirasai oleh pelajar-pelajar kita di luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul atas soalan tambahan Yang Berhormat. Saya terima pandangan dan juga soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tetapi pada masa yang sama, saya ingin memaklumkan pencapaian sekolah-sekolah luar bandar dan juga pencapaian sekolah-sekolah pedalaman amat mengagumkan dengan keadaan sekarang.

Walaupun ada banyak lagi ruang untuk penambahbaikan tetapi pencapaian mereka amat mengagumkan. Contohnya Yang Berhormat, SMK Tenom merupakan 'Sekolah Bestari' dan SMK Tenom juga merupakan sebuah sekolah yang mana merupakan sekolah harapan negara. Bukan sahaja itu, SK Ulu Lubai, Sarawak. SK Ulu Lubai, Sarawak ini, Yang Berhormat, merupakan johan *Commonwealth Education Good Practice Awards*, dan finalis anugerah yang sama daripada sekretariat Komanwel dan Kerajaan Malaysia. SK Ulu Lubai sekolah pedalaman. Pencapaiannya amat mengagumkan.

Kalau kita tengok di negeri-negeri lain, SMK Haji Abdul Kader, Pulau Pinang dan SK Sungai Udang Melaka. Mereka merupakan pemenang pingat emas Anugerah Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) Ke-25. Sekolah luar bandar juga. Pada masa yang sama, SJK(T) Kulim, sekolah luar bandar yang telah berjaya memenangi dua buah pingat emas dalam *British Invention Show* menggunakan sains dan teknologi. Namun saya sedar kerisauan Yang Berhormat. Kita ambil maklum. Kementerian Pendidikan Malaysia sedar ada sekolah-sekolah pedalaman di Sabah dan Sarawak mahupun di Semenanjung juga.

Untuk makluman Yang Berhormat, hampir 2,000 buah sekolah menggunakan sistem VSAT dan juga ADSL yang mana memang lemah daripada capaian internet.

Walau bagaimanapun, buat masa sekarang Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan, dengan izin, *catch devices*. *Catch devices* ini memudahkan penggunaan pembelajaran alam maya ataupun *virtual learning environment* dan ini mereka tidak memerlukan satu pencapaian internet yang laju tetapi masih boleh menggunakan *virtual learning environment* dan saya pasti ia akan membantu pengguna-pengguna untuk menggunakan internet tanpa sebarang masalah.

Kita juga di Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa akan memastikan keperluan daripada segi penggunaan internet dan juga seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi yang mana menggunakan generator dan juga gangguan bekalan. Itu kami sedar. Kita juga membekalkan sekolah-sekolah dengan genset dan sebagainya. Kita akan terus memantau dan bagi kita, Kementerian Pendidikan Malaysia, kita akan memastikan penggunaan internet teknologi ini dapat dipakai bukan sahaja di sekolah-sekolah bandar tetapi di luar bandar dan juga di sekolah-sekolah pedalaman. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta Perdana Menteri menyatakan, adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk menggantikan hukum sivil di dalam negara ini dengan hukum syariah, dan adakah kerajaan telah mengkaji implikasi tindakan-tindakan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, tatacara pentadbiran sivil dan jenayah serta Mahkamah Syariah adalah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ia turut diperkukuhkan di bawah Akta Parlimen dan juga enakmen negeri-negeri.

■1130

Kedua-duanya ditadbir oleh undang-undang yang berbeza dan bebas di antara satu dengan yang lainnya. Selain itu, kedua-duanya juga tertakluk kepada bidang kuasa masing-masing dan tidak boleh bercampur tangan dalam bidang kuasa antara satu dengan yang lainnya.

Adalah penting untuk diketahui bahawa kedudukan Mahkamah Syariah adalah setaraf dengan tara cara pentadbiran sivil dan jenayah seperti yang diiktiraf di bawah Perlembagaan Persekutuan. Pengiktirafan terhadap Mahkamah Syariah adalah berdasarkan Fasal 1A, Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan secara jelas bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Perkara ini juga diputuskan secara konsisten oleh Mahkamah Persekutuan sebagai mahkamah tertinggi negara seperti dalam kes '*Subashini A/P Rajasingam lawan Saravanan A/L Thangathoray*', 2008, 2MLJ147 dan '*Viren Nangapan lawan Deepa Subramaniam*' 2016, 3CLJ505. Seterusnya tatacara pentadbiran sivil dan jenayah adalah tertakluk kepada Butiran IV, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, manakala bidang kuasa Mahkamah Syariah pula adalah tertakluk kepada Butiran I, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Justeru oleh sebab undang-undang yang masing-masing menyentuh perihal Mahkamah Syariah dan tatacara pentadbiran sivil dan jenayah adalah jelas, cadangan untuk menggantikan undang-undang sivil dengan undang-undang syariah tidak berbangkit seperti yang disoal oleh Yang Berhormat.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri terhadap apa yang telah disampaikan. Saya tidak mempersoalkan apa yang disampaikan di sini. Akan tetapi soalan tambahan saya ialah sebegini, jika seorang Islam dan seorang bukan Islam dibicarakanlah disebabkan melakukan jenayah yang sama.

Yang pertama, dengan izin, '*burden of proof*', dalam hukuman syariah berbeza dari hukum sivil dan hukumannya pun berbeza. Macam manalah perkara ini dapat diselesaikan dan apakah implikasi percanggahan ini terhadap Perlembagaan Malaysia, Artikel 8 di mana semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Razali bin Ibrahim: Pertama, telah saya nyatakan bahawa kedudukan kedua-dua mahkamah ini adalah sama dan tidak melebihi antara satu sama lain.

Kedua, telah pun dinyatakan bahawa kerajaan sentiasa beriltizam untuk kita memperkukuhkan tadbir urus soal Mahkamah Syariah; dan yang ketiga, telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa undang-undang Islam hanya terpakai kepada orang Islam.

Justeru apa juga perkara yang timbul daripada persoalan Yang Berhormat, pada saya jelas kedudukan undang-undang dalam negara kita bahawa kedudukan undang-undang syariah hanya terpakai kepada mereka yang beragama Islam. Terima kasih.

7. Datuk Yoo Wei How minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, usaha menambah kawasan liputan bekalan elektrik, bekalan air dan penambahan kemudahan jalan raya di kawasan luar bandar Alor Setar, Kedah di bawah Bajet 2017.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Selamat pagi, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menjawab soalan nombor 7.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek bekalan air luar bandar (BALB) dan bekalan elektrik luar bandar (BELB) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada Senarai Keutamaan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Syarikat Air Darul Aman (SADA) bagi BALB.

Permohonan ini akan ditapis semula mengikut skop projek sebelum dimuktamadkan untuk pelaksanaan tertakluk kepada tatacara semasa. Bagi tahun 2017, terdapat sebuah kampung iaitu Kampung Kubang Lintah, Mukim Lepai di Parlimen Alor Star yang tersenarai dalam cadangan projek BALB ini sistem retikulasi, manakala bagi BELB, tiada permohonan yang dikemukakan oleh pihak UPEN bagi pelaksanaan tahun 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan bagi pelaksanaan projek baharu jalan luar bandar JALB bagi tahun 2017 adalah terhad. Walau bagaimanapun, terdapat sebuah projek jalan luar bandar telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah *Rolling Plan* Pertama, tahun 2016 iaitu projek JALB membina jalan dan jambatan baru Alor Ganu ke Alor Madi, Titi Gajah Daerah Kota Setar dengan anggaran kos RM40 juta. Projek dijangka akan dimulakan pada tahun 2017. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengikut perancangan di bawah kementerian terdapat tiga program utama. Program pertama di mana sasaran untuk memperluaskan liputan bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar sebanyak 90 peratus. Program kedua, liputan jalan raya sebanyak 100 peratus di kampung-kampung di satu Semenanjung dan program yang ketiga, bekalan elektrik alternatif seperti solar hibrid dan mikro hidro di kawasan kampung. Soalan tambahan saya, apakah kadar pencapaian kampung-kampung di Semenanjung terutamanya di negeri Kedah dalam tiga aspek ini? Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang terperinci bersama saya sekarang dan saya akan sampaikan maklumat-maklumat seperti yang dimohon oleh Yang Berhormat secara terperinci melalui jawapan bertulis.

Untuk maklumat tambahan kepada Yang Berhormat, bekalan elektrik luar bandar selain daripada bekalan elektrik lampu-lampu kita ada projek baru, projek lampu jalan kampung (LJK) bagi tahun 2017 akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Alor Setar dengan peruntukan sebanyak 500 unit LJK dan dalam 500 unit ini ada juga LED yang baru untuk di simpang-simpang dan di mana tempat-tempat yang bahaya kita gunakan LED.

Sebelum ini kita belum gunakan LED dan kesemuanya peruntukan untuk Parlimen Alor Setar adalah bernilai RM242,000 diagihkan dan pemasangannya bermula bulan Januari tahun 2017 hingga dijangka selesai Jun 2017. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

8. Dato' Dr. Hou Kok Chung minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, jumlah pelajar tempatan mengikut kelayakan STPM, STAM, Matrikulasi, *A-Level*, IB dan lain-lain yang berjaya ditawarkan dalam program Perubatan, Farmasi dan Pergigian di setiap universiti awam bagi sesi pengambilan 2016/2017 berbanding sesi 2015/2016.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung atas soalan yang berkaitan dengan pengambilan pelajar ke universiti awam.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini sama dengan tiga lagi pertanyaan lain kerana pertanyaannya adalah berkaitan.

Pertanyaan-pertanyaan tersebut ialah Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung, hari ini dan pada 13 Disember 2016; kedua, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim pada 14 September 2016; dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin pada 20 Disember 2016.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, pada sesi akademi 2015/2016, seramai 2,108 orang calon telah berjaya ditawarkan tempat untuk mengikuti pengajian dalam program perubatan, farmasi dan pergigian di universiti awam (UA) berbanding 2,180 orang calon pada sesi akademik tahun 2016/2017 iaitu peningkatan keseluruhannya sebanyak 3.3 peratus.

■1140

Kementerian Pendidikan Tinggi telah menyelaras sebanyak 104,668 permohonan purata bagi tempoh tiga tahun daripada sesi akademik 2013 dan 2014 hingga 2015 dan 2016 bagi kemasukan ke-18 UA di peringkat ijazah pertama. Jumlah penawaran adalah tertakluk kepada bilangan tempat yang disediakan oleh universiti. Tawaran tempat berdasarkan prinsip meritokrasi di mana semua calon yang layak dengan markah merit tinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal sentiasa diberi peluang untuk mengikuti pengajian di universiti awam dengan menggunakan pakej 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum.

Calon-calon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon mengikut kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan calon. Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di universiti awam yang dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh universiti awam.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Kementerian Pendidikan Tinggi juga turut bekerjasama dengan badan-badan profesional seperti Majlis Perubatan Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia supaya program perubatan, farmasi dan pergigian ini dapat dijalankan mengikut syarat kelulusan dan pengambilan pelajar yang telah ditetapkan oleh badan-badan profesional.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini termasuk juga usaha menangani isu lambakan graduan perubatan dan pergigian. Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Majlis Dekan Perubatan dan Majlis Dekan Pergigian dengan kerjasama Majlis Perubatan Malaysia dan Majlis Pergigian Malaysia telah memantau isu ini dan langkah yang diambil adalah melaksanakan moratorium bagi kedua-dua bidang tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya berapa ramai kah pelajar-pelajar bidang perubatan khususnya dari negara-negara teluk yang terkesan dari huru-hara di sana telah ditempatkan dalam universiti-universiti awam negara dan apakah pula kesannya kepada pengambilan pelajar-pelajar baru dalam bidang perubatan ini di universiti awam yang terbabit? Sekian.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini adalah spesifik untuk meminta anggaran, makanya saya akan menjawab soalan ini secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Soalan tambahan saya, apa usaha proaktif kementerian dengan SPA dan Majlis Perubatan Malaysia bagi memastikan tempat latihan-*housemanship*, graduan perubatan dan pergigian dan juga farmasi mencukupi dan tidak berlaku masalah pengangguran. Terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan dan inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi memang dapat dijalankan dari segi *graduate employability* dan salah satu untuk pastikan bahawa *graduate* dari perubatan dan pergigian dapat kerja adalah di mana kita mengadakan satu program di mana kita panggil *CEO Faculty Member* dan pada masa yang sama itu *CEO Faculty Member* yang dilantik ke universiti yang tertentu atau universiti awam yang masing-masing itu mengajar selama 30 jam. Di sini selain daripada bidang perubatan dan pergigian dilaksanakan, ada kursus atau program yang berkaitan untuk meningkatkan keterampilan pelajar-pelajar kita.

Ini memang selaras dengan lonjakan yang satu, yang sudah dirancangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi yang sudah dilaksanakan pada tahun 2015 dan akan terus sehingga 2025 dan ini adalah untuk melahirkan graduan yang seimbang, holistik dan ada ciri *entrepreneurship*. Selain daripada itu, ini juga selaras dan relevan dengan falsafah pendidikan Malaysia iaitu untuk melahirkan pelajar atau insan yang seimbang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya sila.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengetahui berapakah jumlah keseluruhan pelajar-pelajar dari negara Iran yang sedang belajar di IPT awam dan IPT swasta di negara kita. Terima kasih.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, memandangkan ini juga soalan yang spesifik, jadi saya akan memberi secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Ada lagi?

9. **Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, jumlah tawaran penjualan PPR yang telah diluluskan mengikut lokasi dan kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan. Nyatakan juga jumlah yang menolak surat tawaran dan sebab-sebab yang diberikan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah pemohon yang telah menerima tawaran PPR dari tahun 2014 sehingga November 2016 sejumlah 1,275 unit yang melibatkan sembilan buah kawasan Parlimen, dan 31 buah kawasan perumahan. Berikut adalah pecahan:

Kawasan	Penawaran (Unit)	Penolakan/Pembatalan (Unit)
Bandar Tun Razak	591	40
Cheras	72	Tiada
Lembah Pantai	70	9
Titivangsa	8	Tiada
Seputeh	8	Tiada
Batu	144	20
Kepong	6	Tiada
Setiawangsa	351	6
Wangsa Maju	25	1

Dalam hal ini jumlah pemohon yang menolak tawaran PPR hanyalah 76 permohonan sahaja. Antara alasan penolakan permohonan, iaitu:

- (i) kerana kawasan persekolahan anak pemohon di kawasan perumahan baru sangat jauh berbanding dengan kawasan perumahan sedia ada;
- (ii) faktor kesihatan pemohon atau ahli keluarga yang perlu berulang alik ke hospital untuk menerima rawatan;

■1150

- (iii) unit PPR yang ditawarkan berada di tingkat yang tinggi bagi pemohon OKU;
- (iv) kegagalan menghubungi pemohon kerana telah bertukar alamat atau nombor telefon tanpa notis pemberitahuan; dan
- (v) kesukaran pemohon untuk membayar wang deposit perumahan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua soalan tambahan di sini. Yang pertamanya, adakah kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak rumah PPR, terutamanya di bandar-bandar di Wilayah Persekutuan bagi memenuhi permintaan masyarakat bandar. Jika ada, di manakah lokasi-lokasi yang dicadangkan oleh pihak kerajaan?

Yang keduanya, ada rungutan di bawah sana, soal pembelian hak milik rumah PPR ini. Kita ingin merakamkan jutaan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana memberi ruang dan peluang kepada masyarakat Wilayah Persekutuan, terutamanya yang menginap atau menduduki rumah PPR untuk skim sewa beli. Akan tetapi rungutan yang kita terima di bawah ialah bahawasanya amat sukar untuk mendapat *loan* dari bank disebabkan tiada kemampuan, disebabkan mereka ini orang-orang susah kebanyakannya, orang tua, orang kurang upaya, ibu tunggal dan sebagainya. Jadi, saya hendak tanya pihak Menteri, apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk mengatasi masalah-masalah yang ada hari ini? Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan soalan yang pertama, membina rumah PPR. Pembinaan rumah PPR adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, manakala pembinaan rumah perumahan awam adalah di bawah bidang kuasa DBKL. Ada cadangannya dan saya terpaksa beri lokasi-lokasi itu secara bertulis.

Bagi soalan kedua, pemilikan rumah PPR yang sukar mendapat *loan*. Kita ada dua skim. Satu melalui Skim RUMAWIP, Skim Pembiayaan Khas Wilayah Persekutuan dan satu lagi melalui Yayasan Wilayah Persekutuan untuk membantu pembeli-pembeli memiliki rumah PPR ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Kewangan menyatakan, bilangan pesakit kardiologi yang dirawat sehingga Oktober 2016 di hospital kerajaan dan Institut Jantung Negara dan mengapakah unjuran keuntungan IJN pada tahun perakaunan 2017 menyusut ke RM4.397 juta berbanding keuntungan dalam anggaran disemak 2016 sebanyak RM13 juta.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Yang Berhormat Senator, secara ringkasnya bilangan pesakit jantung yang dirawat di IJN sehingga Oktober 2016 - 15,603 orang pesakit dalam. Ini yang duduk dalam wad. Yang pesakit luar sebanyak 104,298 orang. Jumlahnya kalau bandingkan 2015, naik sebanyak 44.4 peratus untuk pesakit dalam dan 3.5 peratus untuk pesakit luar.

Untuk makluman Dewan dan juga Yang Berhormat, saya ingin tegaskan dimaklumkan bahawa maklumat berkaitan dengan soalan iaitu unjuran IJN menyusut, rugi keuntungannya jatuh ke RM4.4 juta ini berbanding keuntungan disemak pada 2016 sebanyak RM13 juta ini tak betul.

Jadi, untuk makluman Dewan, kita unjurkan keuntungan untuk tahun 2016 adalah sebanyak RM29 juta, itu *forecast*. Bagaimanapun, sudah tentulah ia tertakluk kepada prestasi keseluruhan semasa dan pelarasan yang akan dibuat di hujung tahun. Pihak IJN menjangkakan walaupun dalam keadaan kelembapan ekonomi ini, sudah tentu kita kena buat kerja-kerja yang berkaitan untuk menyesuaikan dengan suasana dan keadaan iaitu antaranya kita kena menjimatkan kos, mengawal perbelanjaan daripada segi pembelian mesin dan sebagainya, termasuk peralatan-peralatan bagi mengendalikan operasi. Kita jangkakan dan kita adalah dalam proses untuk menyediakan unjuran 2017 dan *insya-Allah* ia juga akan berada dalam *forecast* ataupun ramalan yang kita buat yang saya kira akan terus memberi keuntungan. Terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Saya difahamkan untuk rakyat kita, rakyat Malaysia yang miskin yang hendak dapatkan rawatan pakar di IJN, kerajaan akan bantu. Jadi, bolehkah kita dapat jumlah berapakah peruntukan bantuan bagi mendapatkan rawatan pakar di IJN yang disediakan di bawah Tabung Bantuan Kementerian Kewangan untuk rakyat miskin. Satu lagi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan tidak berhasrat untuk membuka cawangan IJN sama ada di Sabah atau Sarawak ataupun di sebelah Semenanjung atau di sebelah Selatan? Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, komposisi pesakit-pesakit yang ada mendapat rawatan di IJN ini adalah seperti berikut, kurang lebih ataupun *estimate*;

KOMPOSISI PESAKIT	BILANGAN (%)
Kakitangan kerajaan / <i>pensioners</i>	40
<i>Underprivileged</i> (B40)	30
Lain-lain - kelas menengah/ kelas atasan	28
Pesakit luar negara - Indonesia	2 atau 3,000 orang

Kita kena ingat bahawa bagi pesakit pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan dan *pensioners* dan orang-orang yang kurang bernasib baik di bawah B40, orang kampung dan lain-lain ini, mereka akan dibantu oleh kerajaan, dibayar oleh kerajaan sebenarnya dan menggunakan tarif ataupun harga yang ditetapkan oleh kerajaan yang telah pun dibuat sejak tahun 2003. Jadi, sekarang ini dah 13 tahun dan kita masih menggunakan tarif yang sama.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat berkaitan dengan jumlah peruntukan, jumlahnya itu saya kena balik buat kajian dan bagi jawapan bertulis kemudian.

Untuk cadangan ataupun soalan berkaitan, adakah IJN akan dibuka di luar Kuala Lumpur, di Selatan, di Sabah dan Sarawak atau sebagainya, kita kena ingat juga sebenarnya IJN ini juga memainkan peranan sebagai *complimentary* atau saling melengkapi di mana kita sedar banyak hospital kerajaan sendiri pun dah mempunyai pakar-pakar dalam bidang kardiologi dan jantung ini.

Jadi, sekiranya kalau tak boleh diselesaikan masalah itu, katalah contoh di Alor Setar, dia akan rujuk ke IJN. Jadi, buat masa ini belum lagi ada perancangan untuk keluar dari Kuala Lumpur ini tetapi jikanya perlu, mungkin pada masa depan.

Selain daripada itu, saya juga hendak maklumkan bahawa untuk rakyat biasa atau rakyat orang susah ini, kita ada satu unit di IJN dipanggil Unit Taksiran Khas yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan. Mereka ini akan membuat taksiran sama ada pesakit itu boleh dirawat, dirujuk kepada pakar-pakar IJN dan sebagainya daripada semasa ke semasa. Terima kasih.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Saya terpaksa hendak perbetulkan balik. Tadi Yang Berhormat Menteri kata soalan saya yang unjuran keuntungan IJN ini salah tapi saya tengok dalam Buku Bajet ini, saya baca di sini hasil dan faedah daripada pelaburan dalam Institut Jantung Negara, *interest and return on investment from* Institut Jantung Negara, *revenue 2015 is* RM11 juta. *2016, revised estimate* RM13 juta tetapi *2017, estimate* cuma RM4.3 juta. Saya kira soalan saya ini tak salah. Saya mohon Yang Berhormat Menteri kalau boleh, boleh kembali balik jawapan kepada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apabila kita bercakap berkaitan keuntungan, keuntungan ini untung tetapi tadi ini *revenue* balik kepada kerajaan sebagai pemegang saham.

■1200

Untung ini untung maksudnya untung operasi kalau kita baca tahun 2012 - RM29 juta; tahun 2013 - RM19 juta; tahun 2014 - RM34 juta; tahun 2015 - RM33 juta; dan untuk tahun 2016 kita unjurkan *forecast* RM29 juta. Apa yang Yang Berhormat sebut tadi adalah pulangan kepada kerajaan sebagai pemegang saham sebab walaupun untung RM29 juta kita kena ingat dia ada lagilah perkara-perkara lain yang perlu disimpan dalam *general reserve* kemudian disimpan untuk membeli peralatan dan sebagainya sebab antara objektif IJN ditubuhkan dalam *corporatized* punya *agreement* itu dia kena *self-financing*.

Maksudnya dia kena mampu menjana pendapatan sendiri, jangan bergantung kepada kerajaan setiap tahun untuk menjalankan operasinya. Jadi apa pun saya ingat kita boleh bincang, kita dapatkan lebih *detail* lagi tentang keuntungan ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan tahniah kepada IJN kerana IJN ini satu buah hospital yang saya rasa cukup selesa. Kita sakit kemudian bila kita duduk di wad pun kita tidak payah pakai baju hospital. Kita rasa macam kita di rumah kita dan sekarang ini kalau tuan-tuan pergi IJN lebih kurang tuan-tuan pergi *shopping mall*. Macam-macam yang ada di situ dan konsep ini juga saya rasa memang seronok bagi orang kampung dan juga orang kaya-kaya hendak pergi ke IJN tersebut.

Ketiga, saya tengok pelayannya. Maknanya doktor, *nurse* dan sehinggakan yang sapu sampah yang tunggu kereta depan itu memang baik, senyum selalu dan kita merasa kalau sakit jantung itu memang lega terus kalau pergi ke situ. Jadi bila perkara ini menjadi baik saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan IJN ini. Maknanya kita buat satu buah hospital bentuk yang sama, konsep yang sama, pelayan-pelayannya yang sama tetapi khas untuk kepada-kedapa mereka yang sanggup bayar.

Ini kadang-kadang kita pergi pun hendak kena *queue* dengan orang kaya juga. Kadang-kadang orang kaya ini dia pandai dia duit banyak dia bawa depa pergi dahulu. Yang had dok jaga kereta itu dijaga dah, sampai-sampai *envelope* sampai, naik atas *envelope* sampai. Jadi dia orang pergi dahulu kita yang tidak ada apa ini duduk di belakang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau- adakah kerajaan bercadang untuk hendak buat sebuah hospital IJN berkonsepkan sama untuk swasta, untuk orang-orang kaya yang hendak ke IJN itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Othman bin Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Suhaimi tentang soalan tambahan. Kita tahu bahawa IJN ini dia memang dia antara kedudukannya dia adalah satu *business entity* milik kerajaan sepenuhnya tetapi dia tidak sama macam mana kata *let's say*, dengan izin, *Subang Jaya Medical Centre*, mungkin Tropicana, mungkin di Ara Damansara ataupun banyaklah *private hospital-hospital* lain di Damansara ada, di Kuala Lumpur, Prince Court dan sebagainya.

Kita cuba dalam konteks *business approach* yang dibawa oleh IJN ini satu mesra rakyat dan yang kedua, penyelesaian. Kita cuba macam Yang Berhormat Dato' kata tadi *provide convenience* kepada pengunjung ataupun pesakit dan keluarga mereka. Akan tetapi dalam masa yang sama kita kena ingat kita juga ada tanggungjawab sosial. Kerajaan, sebab itu tadi saya sebut soalan kepada Yang Berhormat Shahanim tadi komposisi kita punya pesakit-pesakit ini boleh dikatakan kebanyakannya 40 peratus pegawai kerajaan dan *pensioners*, 30 peratus orang-orang kampung orang bawah B40 ini dan 28 peratus kepada *medium* dan *upper class*.

Jadi kepada mereka yang Yang Berhormat cadangkan tadi kepada orang-orang berduit ini mereka ada *option* sama ada hendak ke IJN ataupun kepada hospital swasta yang lain. Akan tetapi kita pun tahu kapasiti kita macam kita sebut tadi untuk tahun 2015, 14,000 orang. Itu kapasiti lebih kurang dalam RM1,200 sebulan, itu daripada segi katil dan sebagainya dan daripada segi pakarnya dan sebagainya.

Jadi untuk kita *expand further* itu sudah tentu ia melibatkan CAPEX ataupun *capital expenditure* yang tinggi, jadi yang ini perlu dilihat secara menyeluruh sama ada kita ini peranan kita hendak letak di mana, adakah kita hendak segmen pasaran kita ini adalah untuk orang-orang yang berada makna masyarakat yang kelas atasan ataupun hendak *stick* kepada masyarakat yang saya sebut dalam komponen tadi. Terima kasih.

11. Datuk Hamzah bin Mohd Kasim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, lawatan YAB Perdana Menteri ke negara China baru-baru ini telah menghasilkan persefahaman untuk membawa masuk pelbagai usaha sama dan pelaburan dari negara China berjumlah RM143 billion. Apa kesan positif dari dana tersebut terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Datuk Hamzah bin Mohd Kasim atas soalan.

Pelaburan terkumpul dalam sektor perkilangan setakat bulan Ogos 2016 yang diluluskan dari negara China berjumlah sebanyak RM19.7 bilion. Pelaburan ini melibatkan 349 projek dan menjana 53,047 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan tersebut melibatkan industri barangan logam asas, industri elektronik dan elektrik, industri barangan galian bukan logam, industri tekstil dan industri peralatan pengangkutan.

Di samping penglibatan syarikat-syarikat dari China dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan, syarikat-syarikat dari negara China turut melabur dalam projek-projek infrastruktur di Malaysia. Kerajaan menggalakkan usaha sama dan penglibatan syarikat-syarikat kerajaan dan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan bagi merencanakan ekonomi negara seterusnya memberi peluang dan membangunkan rantaian bekalan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat tempatan.

Antara contoh syarikat China yang telah melaksanakan pelaburan di *Malaysia* *Ye Chiu Non-Ferrous Metal* untuk logam asas; *Comtec Solar International* - industri solar; *Jinko Solar Technology* - industri solar; *Ji Kang Dimensi* - logam asas; *Xiamen University* - perkhidmatan pendidikan; *Huawei Technology* - ICT; dan *CSR Rolling Stock* - peralatan pengangkutan.

Oleh itu lawatan kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentunya akan melonjakkan lagi potensi pelaburan dari China ke Malaysia. Hasil dan impak dari lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China adalah seperti berikut:

- (i) melengkapkan ekosistem rantaian bekalan besi tempatan seperti pembukaan projek-projek pelaburan baru akan memberi peluang perniagaan kepada industri tempatan daripada aspek pengurusan rantaian bekalan. Contoh perkhidmatan logistik, penyewaan gudang dan kilang, bekalan utiliti, air dan pementungan seperti ini adalah contoh limpahan peluang perniagaan yang bakal wujud kepada industri tempatan;
- (ii) peningkatan guna tenaga tempatan dan mengurangkan pengangguran. Antara matlamat kerajaan menggalakkan pengaliran masuk pelaburan asing termasuk di negara China adalah untuk meningkatkan guna tenaga tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Sebagai contoh 53,047 peluang pekerjaan telah pun diwujudkan pada rakyat Malaysia setakat bulan Ogos 2016; dan
- (iii) mempercepatkan perpindahan teknologi dan kepakaran. Pelabur-pelabur China akan membawa bersama teknologi dan sistem pengurusan moden serta tenaga profesional yang pakar dan produktif. Mereka juga akan melaksanakan pelbagai program untuk melatih tenaga kerja tempatan bagi mengembangkan pengetahuan kepakaran agar pekerja-pekerja tempatan dapat mengambil alih tugas mereka sepenuhnya.

Terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terlebih dahulu sebelum saya membuat soalan tambahan saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada kementerian, juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berjaya meyakinkan pelabur-pelabur asing ini terutamanya daripada negara China manakala dalam keadaan sekarang kita mengetahui bahawa ada usaha-usaha yang bersungguh-sungguh untuk kurang memberikan keyakinan dari luar negara untuk membuat pelaburan di sini.

Soalan saya seterusnya iaitu terdapat juga golongan-golongan tertentu yang mengeluarkan kata-kata yang kurang manis iaitu kemasukan dana pelaburan sebanyak RM143 bilion ini dari negara China itu akan menggadaikan Malaysia kepada negara China. Soalan kedua saya iaitu sebarang bentuk pelaburan pastinya mengharapkan pulangan keberuntungan yang setimpal. Dalam konteks ini apakah kesannya terhadap imbalan ekonomi Malaysia apabila pelaburan negara China itu meraih keuntungan dan membawa keuntungan itu keluar dari negara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah. Pembangkang kata jika tiada pelaburan kita gagal namun jika ada pelaburan kata kita gadai. Itu disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini jadi serba tidak kena.

■1210

Apa pun, yang penting ialah yang kita telah laksanakan itu sebenarnya mendatangkan banyak faedah kepada rakyat. Sebagai contoh, hasil daripada kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China, 550,000 orang pekebun sawit Malaysia dapat manfaat daripada kenaikan harga sawit. Ini kerana apabila kita kata negara China akan membeli tambahan minyak sawit dari Malaysia, maka harga minyak sawit pun meningkat sebagaimana yang berlaku baru-baru ini.

Satu lagi apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu apakah pulangan daripada segi angkah. Saya boleh tunjukkan antara projek-projek yang saya sebut ada empat contoh projek negara China di Malaysia.

Pertama, projek *Melaka Gateway*. Nilai pelaburan RM30 bilion dan dia memberi peluang pekerjaan 40,000 hingga 45,000 peluang pekerjaan.

Kedua, projek Bandar Malaysia. Nilai pembangunan kasar (GDV) bagi projek ini ialah RM200 bilion. Ini kita tahu ialah pembangunan Kuala Lumpur di Sungai Besi, bekas Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia itu akan dibangunkan dengan keluasan 194 hektar tanah.

Ketiga ialah *Forest City*. Semalam saya sempat berada di sana juga semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan *Hotel Forest City*. Pelaburan komited di tempat itu ialah RM170 bilion di kawasan Gelang Patah, Johor.

Keempat, Laluan Kereta Api Pantai Timur atau *East Coast Rail Link* (ECRL). Yang ini tentunya akan membangunkan kawasan Pantai Timur dari Pelabuhan Klang melalui Gombak, Mentakab, Jengka, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan berakhir di Tumpat. Anggaran projek ini ialah RM55 bilion.

Ini adalah antara empat projek utama yang komited dan kita tidak nampak pelabur daripada China ini ingin menarik pelaburannya. Terima kasih.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk soalan tambahan ini, saya ingin bertanya pihak kerajaan, adakah wujud sebarang saingan kepada masyarakat Cina tempatan yang rata-ratanya terlibat dalam aktiviti ekonomi di negara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sebenarnya semua pihak peniaga sama ada masyarakat Cina, masyarakat bumiputera yang lain mendapat manfaat daripada segala pelaburan ini. Apa yang pentingnya sama ada kita ingin merebut peluang itu ataupun tidak.

Sebagai contoh, Projek Bandar Malaysia baru-baru ini diiklankan dalam surat khabar bagaimana kontraktor tempatan dijemput sama untuk terlibat dalam projek itu. Ini termasuklah kontraktor sama ada masyarakat Cina ataupun masyarakat yang lain. Akan tetapi ada satu perkara- mungkin tidak akan ditanya tapi saya ingin berkongsi- bahawa syarikat Malaysia juga ada melabur di negara China. Bukan sahaja syarikat China ada melabur di Malaysia tetapi syarikat Malaysia juga melabur di negara China.

Sebagai contoh, Enersave Group, ada di sana mengenai penyulingan air laut, RM7.5 bilion. Genting, ini mengenai *power plant* - RM5.8 bilion. *Sunway Global*, ini mengenai *hospitality* dan *trading import-export* - RM3 bilion. *Lion Group* dalam *Parkson Retail Store* - RM2.2 bilion. MTD Capital Berhad yang buat *highway* di Guangxi - RM2.2 bilion. Dan Sime Darby ada dalam *automotive chemical property* - RM1.16 bilion. Jadi, bukan hanya syarikat negara China yang melabur di Malaysia, syarikat kita juga melabur di negara China. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat. Jawapan yang meyakinkan, melegakan kita. Sekian berakhirnya tamat soalan nombor 11. Ahli-ahli Yang Berhormat, tamatlah sudah masa Sesi Pertanyaan Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[6 Disember 2016]**

12.15 tgh.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum saya teruskan, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada kita punya Senator yang baru yang saya sebutkan tadi iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Rabbiah binti Ali; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat; Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff; Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Md Nordin; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris; dan Yang Berhormat Senator Encik Khairul Azwan bin Harun.

Sebelum saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat bercakap, izinkan saya ingin memberi pesanan, bak kata orang tua tadi, bahawa kita ingatlah kita dalam Dewan yang bertuah ini gunalah masa kita yang sebaik-baiknya untuk kita laksanakan tugas kita. Bak kata pesanan saya tadi, bak kata orang tua-tua, kalau kita berjalan, peliharalah kaki kita, kalau kita berkata-kata, peliharalah lidah kita. Lidah seorang yang arif terletak di hatinya. Hati seorang yang jahil terletak di lidahnya. Itulah pesanan saya dan dapat kita buat kesan terbaik pada amanah kita ini. Sekian dan tahniah sekali lagi.

Sila, saya beri peluang pertama sekali kepada Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty. Sila.

12.17 tgh.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya. *Bismillaahir Rahmaanir Rahaaim...* [Membaca sepotong doa]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ruang yang diberikan untuk saya bersama-sama dengan anggota-anggota Dewan bagi membahaskan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam konteks ucapan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017.

Sebelum itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara yang baru dipilih pada hari ini.

Sebelum saya memulakan beberapa pandangan tentang belanjawan 2017, saya juga ingin merujuk kepada ayat yang telah dibacakan oleh Perdana Menteri iaitu ayat 43 dalam Surah Yusuf. Saya juga tumpang gembira kerana ayat itu telah dibaca oleh Perdana Menteri tetapi dengan satu harapan bahawa negara kita akan selamat daripada pembaziran dan ketirisan mengambil daripada semangat ayat yang dibacakan dalam Surah Yusuf, ayat 43.

Tahun 1959, bajet negara kita berjumlah RM888 juta sementara tahun 2017, bajet negara kita berjumlah RM260.8 bilion. Perbandingan ini nampaknya tidak adil kerana pada zaman 50-an dahulu, pendapatan negara masih lagi kurang. Kita belum lagi memanfaatkan dengan sepenuhnya sumber minyak kita. Jumlah populasi penduduk kita juga belum lagi sebanyak sekarang ini. Hutang negara pun tidak banyak pada zaman dahulu. Jadi, perbandingan ini sangat tidak tepat dan tidak perlu.

Apa yang perlu kita fokuskan bukan membandingkan jumlah yang kita dapat dahulu dengan sekarang tetapi persoalan yang penting ialah bagaimana kita membelanjakan pendapatan yang kita perolehi demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, mohon diterangkan apakah yang dimaksudkan dengan simpanan luar sebanyak RM2 bilion? Di manakah simpanan itu diletakkan? Apakah sasaran defisit fiskal tahun 2016 dan mengapa hanya dapat mencapai 3.1 peratus sahaja?

■1220

Mengapakah ia tidak tercapai walaupun kerajaan mengatakan bahawa GST telah menyelamatkan rakyat? Sejauh manakah Malaysia dapat mencapai sasaran tiga peratus dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu saat ini dan juga dalam keadaan kecelaruan ekonomi negara kita pada masa sekarang?

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut tentang Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama yang berjumlah RM7 bilion dan yang kedua bernilai RM60 bilion pada tahun 2009. Yakni sebaik sahaja Perdana Menteri naik menjadi Perdana Menteri Malaysia menggantikan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Kemudian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan KDNK negara bertambah kepada 7.44 peratus pada tahun 2010. Namun apakah KDNK pada tahun 2016? Mengapa selepas berbilion-bilion Ringgit Pakej Rangsangan disuntik, kita masih dalam kesusahan malah dipaksakan kepada rakyat membayar cukai GST? Ke manakah pakej rangsangan itu pergi? Tidak mungkin habis begitu sahaja selepas tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut bahawa Malaysia negara dalam kategori *upper middle income* di mana KDNK per kapita rakyat pada tahun 2015 adalah sebanyak USD26,891.

Kalau kita kirakan mengikut bulanan adalah sebanyak USD2,241. Kalau ditukar kepada kadar Ringgit Malaysia adalah sebanyak RM8,964. Adakah ini bermaksud perbelanjaan rakyat setiap bulan adalah sebanyak lebih RM8,000 ke RM9,000? Bukankah lebih baik kerajaan daripada menumpukan kepada berapa banyak rakyat berbelanja setiap bulan kepada berapa banyak pendapatan rakyat setiap bulan.

Ini adalah kerana kita telah mengetahui bahawa gaji rakyat baik di peringkat awam atau swasta sudah lama tidak ditingkatkan. Apa yang ada hanyalah bonus ataupun BR1M dan semua itu tidak cukup dan akan habis apabila sekali sahaja kita ke *supermarket* untuk membeli barangan keperluan kerana kenaikan kos harga barangan. Lagi pula berkemungkinan ramai orang yang berbelanja lebih daripada kemampuan pendapatan mereka dan menyebabkan mereka berhutang banyak. Oleh itu perlulah ada satu buah pelan komprehensif bagi meningkatkan gaji minimum dalam pelbagai bidang pekerjaan supaya pendapatan rakyat akan bertambah demi kesejahteraan seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang pelaburan domestik sebanyak RM60 bilion dan mengatakan bahawa banyak syarikat dari luar negara datang melabur di dalam negara. Namun satu perkara yang perlu diperhalusi oleh kerajaan, sejauh mana pelaburan syarikat asing ini memberi manfaat yang besar kepada rakyat setempat? Syarikat asing datang dan pergi. Apa yang mereka pentingkan keuntungan mereka semata-mata. Adakah rakyat asing ini akan menggaji pekerja tempatan atau mereka lebih suka pekerja asing kerana lebih murah? Adakah syarikat ini akan membuat *social responsibility*, dengan izin, kepada rakyat sekitar ataupun hanya sekadar di situ untuk menyewa infrastruktur? Adakah produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat tersebut berguna kepada negara?

Bagaimanakah pula dengan kesan alam sekitar? Adakah akan berlaku pertukaran ilmu dan teknologi? Walaupun tadi Menteri telah menerangkan dijamin bahawa antara langkah positifnya adalah berlakunya pertukaran ilmu dan teknologi di mana rakyat tempatan dapat belajar dan akhirnya membina pemiagaan yang lebih maju. Kita tidak mahu kerajaan hanya fikirkan tentang jumlah cukai sahaja kepada syarikat asing ini tanpa memikirkan kesan ekonomi dan sosial untuk jangka pendek dan jangka panjang.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan tentang kemudahan cuti belajar seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan gaji penuh kepada kumpulan pelaksana. Ini satu langkah yang dipuji. Namun diharapkan kerajaan juga dapat mengusahakan biasiswa pelajar. Sepatutnya mereka dapat belajar dengan penuh keselesaan dan kita tidak mahu mereka pergi belajar dengan berhutang kerana ia menyebabkan mereka terpaksa menanggung hutang hingga ke akhir hayat. Jikalau tidak diusahakan biasiswa maka mungkin kakitangan awam tidak mahu menyambung pelajaran kerana menganggap sudah cukup dengan pendidikan yang ada untuk bekerja.

Namun pendidikan sebenarnya sangat penting untuk pembangunan minda bukan semata-mata untuk mencari kerja. Kita perlu bergerak ke arah melahirkan rakyat berminda kelas satu seperti yang telah disebut oleh bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi pada satu ketika dahulu dan memastikan setiap kakitangan awam paling kurang mempunyai satu ijazah di peringkat pengajian tinggi. Bagi saya ini adalah penting sebagai penanda aras untuk menjadi sebuah negara maju.

Bajet kali ini juga Tuan Yang di-Pertua, juga dilihat tidak memberikan perhatian yang sewajarnya kepada golongan miskin atau bawah 40 peratus. Di mana pendapatan mereka hanyalah RM3,900 ke bawah. Dengan meningkatkan harga minyak dan harga barang, pemberian *One-Off* wang tidak cukup namun memastikan mereka mendapat kemudahan-kemudahan dalam kehidupan yang teratur seperti rumah yang selesa, peluang pendidikan yang baik, perkhidmatan kesihatan yang baik serta peluang-peluang pekerjaan. Inilah yang menjadi isu utama dalam negara sekarang.

Bajet yang diperuntukkan sebanyak RM275 juta semacam menunjukkan kerajaan tidak berapa serius membantu golongan ini. Kita tidak mahu sesuatu perkara yang dilakukan itu seperti 'melepas batuk di tangga' sahaja. Dengan berkurangnya peruntukan pembangunan dalam bajet kali ini, saya bimbang golongan ini tidak akan terbela dan terpaksa meredhai kesusahan. Boleh kita rujuk kepada kes seorang pemuda di Pulau Pinang yang terjun di Jambatan Pulau Pinang baru-baru ini. Ia melambangkan bagaimana kekecewaan pemuda yang tidak mempunyai pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan di bawah KPKT akan membina 9,850 unit rumah PPR yang bernilai sebanyak RM134 juta. Saya merasakan bahawa nilai ini sangat sedikit untuk unit rumah sebanyak itu. Kita bimbang kualiti rumah mereka ini tidak menepati rumah yang sebenar dan mereka akan bersempit-sempit dalam satu unit rumah. Kadang-kadang walaupun ada rumah namun kerana rimas dengan kesempitan, ramai remaja yang keluar melepak di luar. Ditakuti tindakan ini menyebabkan mereka lebih mudah terjebak dengan gejala-gejala sosial yang merbahaya dan merugikan pertumbuhan masa hadapan golongan muda di negara ini. Oleh itu sepatutnya peruntukan ini dinaikkan supaya setiap daripada keluarga yang mendapat unit rumah PPR, merasa selesa dalam rumah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pengecualian cukai individu di mana kerajaan menggabungkan pembelian bahan bacaan, komputer dan peralatan sukan sebagai cukai gaya hidup dan pengecualian cukai sebanyak RM2,500. Pertama, saya merasakan bahawa pengecualian itu perlulah lebih banyak lagi. Satu komputer sahaja sudah berharga RM2,000, jadi tidak cukup kalau sekadar RM2,500.

Kedua, mengapakah dalam kategori bahan-bahan bacaan hanya akhbar perdana sahaja yang boleh dikecualikan cukai seperti *Utusan* dan *Berita Harian*? Bagaimanakah dengan majalah-majalah ilmiah yang bermanfaat seperti *The Edge* umpamanya ya? Saya ingin perkara ini supaya dapat diberikan perhatian kerana dengan pengecualian bahan-bahan bacaan ini akan meningkatkan minda keintelektualan rakyat di negara ini untuk menjadi negara yang maju.

Bulan lalu kita dikejutkan dengan kebakaran di Hospital Sultanah Aminah, Johor Baharu. Ini menunjukkan fasiliti hospital dan klinik kita sentiasa memerlukan perhatian penuh terutamanya dari sudut penyelenggaraan. Umum mengetahui bahawa peralatan kesihatan adalah mahal dan perlu dijaga rapi. Namun kerajaan hanya memperuntukkan jumlah RM536 juta untuk menaik tarafkan kemudahan. Saya fikir jumlah ini perlu dipertingkatkan dan diluaskan di mana hospital dan klinik awam di seluruh Malaysia. Kita tidak mahu menjadi negara yang hanya hebat membuat pelbagai fasiliti dengan bangunan-bangunan yang gah hebatnya tetapi daripada segi pengurusan ataupun *maintenance* dengan izin, kita sangat lemah.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk TABIKA dan TASKA dalam program Bantuan Makanan Tambahan dan Geran Per Kapita. Manakala untuk prasekolah di sekolah kerajaan sebanyak RM132 juta. Namun, bagaimanakah dengan tadika dan sekolah swasta yang diusahakan oleh rakyat tempatan dan NGOs? Bukan semua yang bersifat *profit based* dan kebanyakan daripada mereka membuat tadika dan sekolah sendiri kerana ingin menampung perkara-perkara yang tidak dapat diisi oleh kerajaan. Oleh itu, bantuan juga perlu difikirkan kepada tadika dan sekolah seperti berikut supaya pendidikan prasekolah yang adil dapat diratakan di seluruh negara tanpa mengira bangsa dan agama.

Kemudian, untuk peruntukan Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah, saya melihat bahawa hanya RM50 juta sahaja diberikan setiap satu kepada sekolah agama bantuan kerajaan dan sekolah pondok berdaftar. Saya merasakan bahawa dua buah institusi pendidikan ini sangat penting dalam pembinaan keilmuan agama dan sahsiah pelajar terutamanya kepada warga Melayu Muslim di tanah air. Sepatutnya peruntukan kepada sekolah-sekolah ini ditambah dan meliputi bukan sahaja infrastruktur namun, penggajian guru-guru yang berkualiti dan mewujudkan kurikulum yang bertaraf antarabangsa. Saya ingin merujuk kepada kes-kes permintaan yang bertambah dalam kalangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Wilayah Persekutuan sebagai satu contoh, antaranya.

Saya juga mempersoalkan tentang *tablet* bantuan mengajar yang berjumlah sebanyak RM340 juta kepada 430,000 orang pendidik. Walaupun segala usaha kerajaan perlu dipuji untuk lebih *up to date* dalam teknologi terkini pembelajaran, namun saya merasa bimbang *tablet* yang mereka wujudkan itu model lama atau tidak sesuai dalam konteks pembelajaran masa kini. Oleh itu, walaupun peruntukan ini boleh dianggap kecil sahaja dalam konteks keseluruhan bajet, namun, diharapkan *tablet* yang diberikan betul-betul membantu guru-guru kita bukan dijadikan simpanan dalam laci sahaja.

Dalam konteks peruntukan yang diberikan kepada institusi pendidikan awam, sebagai seorang bekas kakitangan akademik di universiti-universiti tempatan, saya sangat kecewa dengan pengurangan peruntukan ke atas IPTA-IPTA awam di seluruh Malaysia. Kalau tidak silap ingatan saya, 25 peratus bajet *research* telah pun dipotong. Rungutan yang ramai daripada kakitangan akademik menyatakan, “*Apakah hendak jadi kepada masa depan research di negara kita?*”. Sedangkan Malaysia amat memerlukan dari semasa ke semasa *researches* dalam bidang sains dan teknologi serta lain-lain bidang yang terkini untuk kita bersaing dengan universiti-universiti tempatan terutama universiti Singapura, Indonesia, Thailand dan kemungkinan besar, Vietnam pada hari ini.

Jadi peruntukan yang dipotong ini dalam keadaan kita sepatutnya memberi *priority* kepada pendidikan. Pendidikan tidak boleh kita berkompromi sama sekali. Bajetnya hendaklah dikekalkan dalam jumlah yang munasabah demi merangsang pembangunan ekonomi yang hebat di negara kita ini. Oleh yang demikian, saya merasakan bahawa sepatutnya mereka memberikan fokus kepada pendidikan anak-anak kita untuk masa depan, bukan disibukkan dengan mencari duit supaya operasi universiti terus berjalan tanpa membebankan pensyarah dan pelajar. Apa yang lebih menyedihkan lagi, hanya RM100 juta sahaja yang diperuntukkan untuk penyelidikan seperti mana yang telah saya sebutkan tadi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai dua lagi hujah sebelum berakhir iaitu tentang projek kereta api Pantai Timur. Projek kereta api Pantai Timur ini yang berjumlah dianggarkan RM55 bilion tetapi menurut satu kajian daripada beberapa agensi yang berwibawa dan ini kita ambil daripada laporan akhbar *The Edge* menyatakan bahawa bajet yang sepatutnya digunakan untuk pembinaan laluan kereta api Kuala Lumpur ke Pantai Timur ini hanya di sekitar RM36 hingga RM38 bilion sahaja. Ini telah pun dimasukkan juga kajian ke atas lereng-lereng bukit yang dikatakan menyebabkan jumlah itu meningkat kepada RM55 bilion.

Satu lagi cadangan Tuan Yang di-Pertua dalam projek yang besar begini, eloklah dilakukan *open tender* supaya kita dapat satu tawaran yang kompetitif, yang terbaik, *reasonable* harganya tetapi projek ini memberikan keuntungan kepada rakyat keseluruhannya. Saya juga ingin menyatakan bahawa syarikat yang ingin melaksanakan projek kereta api Pantai Timur itu dalam banyak sorotan maklumat-maklumat yang terpapar di dalam media sosial dan juga beberapa bentuk sumber penerbitan yang lain menyatakan bahawa *company* tersebut sudah pun berada dalam *blacklisted*, dengan izin. Oleh yang demikian, projek ini seharusnya kita fikirkan dengan teliti demi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran dan kerugian kepada perolehan pendapatan negara.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu Rohingya. Saya mengucapkan syabas kepada semua pihak termasuk Perdana Menteri yang telah menganjurkan, “*Solidariti Rohingya*” baru-baru ini. Sebab masalah Rohingya bukan masalah yang baru. Sudah lama dan saya hendak menyebut bahawa pertubuhan saya, Angkatan Belia Islam Malaysia sudah pun mengambil orang-orang Rohingya sejak hampir tujuh tahun yang lalu, membawa mereka, dididik di Kuala Lumpur dan di Georgetown di mana jumlahnya 600 orang. Namun, tidak mendapat dukungan daripada pemerintah. Sebaliknya, adalah didukung sendiri oleh NGOs *local* dan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kami juga ingin menyatakan di sini bahawa beberapa langkah yang proaktif dan agresif yang munasabah untuk memberi tekanan kepada Kerajaan Myanmar sewajarnya dilakukan oleh Perdana Menteri. Kuasa ada di tangan Perdana Menteri untuk memanggil Duta Besar Myanmar ke Kuala Lumpur, untuk menghantar Nota Bantahan oleh Wisma Putra kepada Duta Myanmar di Kuala Lumpur, untuk menggunakan kedudukan Malaysia di Kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi mempengaruhi PBB supaya mengambil gerakan satu langkah yang drastik bagi menjamin *genocide* kemanusiaan di Myanmar ini tidak berlaku sewenang-wenangnya seperti mana yang berlaku setakat ini dan menggunakan segala tekanan yang ada menerusi ASEAN, OIC dan sebagainya bagi menjadikan isu penyembelihan rakyat etnik Rohingya di Burma dapat diakhiri dengan secepat mungkin.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. *Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty dengan pandangannya. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, dipersilakan.

12.38 tgh.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi, salam sejahtera dan sehati sejiwa. Terlebih dahulu saya mahu mengucapkan tahniah kepada enam Ahli-ahli Yang Berhormat Senator baru, *welcome*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentangkan Bajet 2017 yang komprehensif, prihatin dan tepat dengan keadaan sosioekonomi semasa negara. Menurut Bank Dunia, Malaysia antara 13 buah negara yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik walaupun berhadapan dengan ketidakstabilan ekonomi dunia. Saya berharap Bajet 2017 dapat membimbing negara kita dalam mengatasi tempoh-tempoh yang mencabar ini dan memastikan kehidupan rakyat terbelas.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh bajet yang dibentangkan oleh kerajaan, saya secara peribadi melihat bahawa semua yang dikemukakan dalam bajet ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan respons kepada reaksi rakyat. Misalnya, soal perumahan, pendidikan, kumpulan sosial dan sebagainya.

■1240

Pujian juga harus diberikan kerana jika dilihat pada bajet ini, kerajaan telah merangka program-program untuk mengembalikan ekonomi negara dengan berteraskan kepada strategi-strategi tertentu. Saya juga ingin memberi maklum balas isu pemilikan rumah dan rumah mampu milik yang masih lagi dibangkitkan oleh rakyat dan masih lagi tidak ditangani dalam Bajet 2017. Saya mengalu-alukan Projek *MyBeautiful MyHome*, dengan izin, khusus kepada golongan B40. Namun, harga rumah di pasaran masih terlalu tinggi walaupun kita sedia maklum bahawa pasaran hartanah yang lembap pada masa sekarang. Permintaan dan bekalan yang tidak sepadan, pelaksanaan sistem bangunan berindustri (IBS) yang perlahan dan penerimaan teknologi hijau dalam industri yang sepatutnya adalah faktor-faktor yang membolehkan harga rumah diturunkan bagi golongan yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan suara rakyat Sarawak. Semasa penubuhan Persekutuan Malaysia, Dewan yang mulia ini mempunyai satu per tiga Ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak. Namun hari ini, hanya terdapat tiga orang sahaja Ahli Dewan Negara dari Sarawak dan lima orang sahaja dari Sabah. *Far from original spirits in 1963*, dengan izin. Saya amat berharap Kerajaan Persekutuan dan Parlimen dapat mengembalikan nisbah perwakilan dari Sabah dan Sarawak ke dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya timbulkan dalam sesi Dewan yang lepas, berkaitan dengan *Malaysia Agreement 1963* mengenai Sarawak autonomi dalam Persekutuan Malaysia. Oleh sebab Sarawak autonomi Barisan Nasional Sarawak yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Adenan Satem telah dapat sokongan yang begitu padu daripada rakyat Sarawak dengan memenangi 70 daripada 82 buah Kerusi dalam Pilihanraya Negeri, Mei yang lalu. Oleh sebab aspirasi rakyat Sarawak, dengan izin, *we celebrate Sarawak there on 22 July, we end with special holiday*. Kita berharap Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh *support dan join Sarawak Day celebration* pada 22 Julai tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mempunyai kepimpinan untuk memastikan segala rang undang-undang yang- dengan izin, *contradict to the original spirit of Malaysia Agreement 1963 being amended as we are one big family and can always discuss*. Akan tetapi kita mesti bergerak dengan lebih pantas untuk mengembalikan semua kuasa di bawah rang undang-undang *which*, dengan izin, *contradict Malaysia Agreement 1963, dan devolution of power to allow Sarawak autonomy. Otherwise Sarawak cannot guarantee to be the fixed deposit of BN in PRU 14*.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai *10 percent* populasi Malaysia tetapi Sarawak menyumbang lebih daripada *10 percent* pendapatan Malaysia. Oleh itu, saya ingin mengetahui dalam Bajet 2017, *percentage* daripada Bajet 2017 diperuntukkan untuk Sarawak?

Walaupun pada 21 November 2016 Yang Berhormat Tan Sri Adenan Satem, Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan bajet sebanyak RM8 bilion di DUN Sarawak, dengan izin, *biggest budget of any* kerajaan negeri dan *first deficit budget in 14 years*. Kita amat memerlukan peruntukan yang lebih besar daripada Bajet 2017 untuk *catching up* di Sarawak. Rakyat Sarawak, dengan izin, *facing double jeopardy*, menerima pendapatan yang rendah berbanding dengan mereka yang dari Semenanjung Malaysia tetapi terpaksa membayar lebih bagi barangan yang dibeli. Sebagai contoh, pembeli kereta di Sarawak perlu membayar RM2,000 lebih untuk setiap kereta yang dibeli.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak merupakan pengeluar LNG terbesar di dunia tetapi kita jarang mempunyai kemudahan LNG di stesen-stesen minyak di Sarawak. Kita hanya pengeluar LNG gas tetapi yang menikmati keistimewaan rakyat Semenanjung Malaysia. Saya menyarankan agar PETRONAS memberi pertimbangan wajar agar, dengan izin, *not just what ours is ours, but to share what is ours with* rakyat Sarawak. Cukuplah tengok sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendidikan pula, peruntukan yang disediakan untuk membina semula 30 buah sekolah daif di seluruh Sarawak menggunakan sistem pembinaan berindustri (IBS) amat saya alu-alukan. Mengikut data yang diperolehi, terdapat 486 buah sekolah daif di seluruh Sarawak dengan 183 buah daripadanya perlu diperbaiki dengan kadar segera. Jumlah diumumkan dalam Bajet 2017 hanya dapat menampung menaik taraf sebanyak 16 peratus dari sekolah daif di Sarawak. Oleh itu, saya memohon agar Kementerian Pendidikan mempertimbangkan sebaik-baiknya untuk menambahkan peruntukan yang sedia ada.

Sebagai wakil dari Sarawak, saya memohon agar Kementerian Pendidikan bukan sahaja meluluskan peruntukan, malah memastikan pelaksanaan projek dipercepatkan agar setelah 53 tahun Sarawak di Malaysia merupakan rakan kongsi Malaysia. Kita amat berharap agar sekolah-sekolah di Sarawak tidak akan selalu jatuh ke sungai. Di samping ini, kita masih menunggu peruntukan untuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina di Sarawak bagi tahun ini. Semoga peruntukan ini akan diberi secepat mungkin kerana cuti sekolah untuk membaik pulih bangunan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berharap Kementerian Kesihatan akan bertindak adil dan terus memberi perhatian serius terhadap pelaksanaan pelbagai projek seperti menaik taraf Hospital Miri, Hospital Lawas baru, membaik pulih infrastruktur hospital seperti lif yang tidak berfungsi di hospital-hospital di Sarawak. Begitu juga, dengan izin, *to deliver* janji supaya ditepati untuk *CT scan* baru bagi Hospital Kapit yang diberikan kelulusan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada kempen PRU Ke-13. Kita inginkan Kementerian Kesihatan berlaku adil ke Sarawak sebagai rakan kongsi yang sama, dengan izin, *equal partner of all, not one of 13 states, especially sharing of resources*.

Untuk contoh, saya difahamkan bahawa Jabatan Kardiologi Hospital Serdang akan mendapat dua *biplane angiogram system*, sedangkan Pusat Jantung Sarawak tidak mempunyai satu pun sistem sedemikian. Kedua-dua hospital ada *pediatric cardiology service* dan kedua-dua hospital *needs*, dengan izin, *biplane angiogram system, the minimum one system for each*. Cukuplah tengok sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rakyat Sarawak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pelaksanaan *Pan Borneo Highway* setelah 53 tahun dalam Malaysia tetapi kita berharap tidak perlu menunggu 53 tahun lagi untuk mendapat *high speed rail* seperti yang akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

Kita berharap Kerajaan Persekutuan akan membuat perancangan awal dan mendapat 30 kaki tanah bersebelahan dengan *Pan Borneo Highway*, dengan izin, *to allow future development of high speed rail*. Tuan Yang di-Pertua, kita amat prihatin terhadap perkara, dengan izin, *faster internet speed at cheaper cost* dalam Bajet 2017. Akan tetapi banyak kawasan di Sarawak, khususnya di kawasan N14 Batu Kawah, yang merupakan DUN saya, masih tengok sahaja. Banyak kawasan N14 Batu Kawah tidak mempunyai *fixed line, let alone high speed internet line*, dengan izin.

Saya amat berharap rakan saya, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak akan turun padang ke kawasan N14 Batu Kawah untuk mengumumkan *plan fibre optic* untuk *internet* bagi penduduk di kawasan tersebut secepat mungkin.

■1250

Saya juga berasa gembira dengan peruntukan yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan dengan pembinaan sebuah *river park* di kawasan N14 Batu Kawah. Sudah lebih lima tahun Jabatan Landskap di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak pernah memberikan peruntukan kepada kawasan N14 Batu Kawah yang sebenarnya terletak di bawah Majlis Perbandaran Padawan.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak telah menyumbang kepada kejohanan Olimpik Rio 2016 dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua *medalist* dalam Kejohanan Olimpik Rio 2016 dan Paralimpik Rio 2016. Ucapan tahniah kepada Saudari Pandelega Rinong dari Sarawak. *First female Olympic medalist in Malaysia*, dengan izin, atas kemenangan bukan sahaja di Rio Olimpik 2016 juga di London Olimpik 2012. Namun amat menyedihkan sehingga ke hari ini, Sarawak masih belum mempunyai sebuah sekolah sukan walaupun perkara ini telah ditimbulkan beberapa kali dalam sesi Dewan sebelum ini oleh saya. Kita hanya mendapat jawapan standard yang sama daripada Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya menimbulkan isu tentang kekurangan pegawai kanan di peringkat Kerajaan Persekutuan, saya berasa gembira kerana jawatan yang melibatkan pegawai JUSA 'A' seperti KSU, TSKU, DG dari Sarawak telah bertambah. Pada tahun 2014, bila saya diberitahu di Dewan yang mulia ini tidak ada seorang pegawai JUSA 'A' dari Sarawak dalam Kerajaan Persekutuan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan semoga penambahan pegawai dari Sarawak untuk jawatan tertinggi akan dapat diteruskan.

Saya juga berharap agar lebih ramai penduduk Sarawak dari semua kaum dengan izin *especially Sarawakian Chinese* diambil menjadi anggota keselamatan seperti anggota polis dan tentera. Kempen untuk menggalakkan penduduk Sarawak menjadi anggota keselamatan perlu dipertingkatkan. Saya harap jawatan tertinggi seperti Ketua Polis Negara, Ketua Hakim Negara, Ketua Setiausaha Negara dan jawatan sedemikian boleh disandang oleh rakyat Sarawak tidak lama lagi kerana kita sudah menunggu 53 tahun. Dengan izin, *please trust Malaysian from Sarawak*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru supaya lebih ramai Yang Berhormat Menteri, KSU, DG untuk mencontohi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang selalu turun padang ke Sarawak. Malangnya ada di kalangan Yang Berhormat Menteri, KSU dan DG yang tidak pernah ke Sarawak sekalipun dalam satu tahun. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Tan Sri Adenan Satem telah bersetuju untuk menjadikan Sarawak tuan rumah kepada Majlis Senator Malaysia melawat ke Sarawak. Dengan izin, *we look forward to extend our warmest welcome to all the Yang Berhormat to Sarawak next year*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan skim pencen. Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat menerima kenaikan elaun tahun lepas namun bekas Yang Berhormat tidak menerima kenaikan dalam pencen mereka walaupun telah banyak menyumbang kepada rakyat dan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat bangga kerana diberi penghormatan dan keistimewaan untuk menyertai rombongan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam lawatan rasmi beliau ke negara China pada awal bulan lepas dan, dengan izin, *warm reception beyond the protocol*.

Malahan ini kali kedua saya menyertai rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara China. Pada bulan Mei 2014, saya juga berpeluang bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rombongan sempena sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik negara China dengan Malaysia. 42 tahun dahulu merupakan lawatan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dengan bapa saya Yang Berhormat Tan Sri Sim Kheng Hong. Kini saya dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib pula meneruskan, dengan izin, *China-Malaysia bilateral relationship across second generation*.

Dalam setiap kali lawatan, saya amat tertarik dengan pembangunan sosioekonomi, teknologi dan infrastruktur negara China. Saya berpeluang mempelajari, dengan izin, *vertical democracy in China* berbanding dengan *horizontal democracy in western world*, dengan izin, di dialog dengan Presiden Xi Jinping.

Terdapat banyak yang boleh dipelajari daripada *Chinese vertical democracy* diamalkan oleh negara China yang memperlihatkan satu kejayaan dalam masa yang begitu singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sungguh bertuah kerana berkesempatan bersama Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Chuan dalam lawatan ke Shanghai bulan yang lepas juga. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada MITI dan agensi di bawahnya kerana telah berjaya menguruskan lebih 100 juta jualan untuk NSA dalam tiga hari yang melibatkan barangan makanan seperti durian, *white coffee*, gula apong, *bird's nest*, *Sarawak Laksa sauce*. Daripada, dengan izin, *42 Malaysian's stall at the exhibition but only one sahaja from Sarawak*. Kita amat berharap MITI akan terus mendapatkan lebih banyak SME dari Sarawak.

Pada masa yang sama, kita juga mengharapkan pelbagai kementerian akan lebih proaktif dalam memberikan maklumat kepada *graduate* baru dari Sarawak berkaitan dengan pelbagai skim dan peluang pekerjaan. Kerajaan Sarawak dan saya sebagai Menteri di Sarawak akan memberi kerjasama penuh. Kita mesti tidak boleh dengan izin *taken for granted as BN's fixed deposit otherwise we will lose deposit in PRU-14*.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan bajet yang dibentangkan oleh kerajaan akan memberikan manfaat besar kepada seluruh rakyat negara ini. Bagaimanapun sama ada impian dan matlamat kerajaan dalam usaha rakyat melalui peruntukan dan program yang dibentangkan dalam bajet ini akan tercapai atau tidak, ia bergantung kepada perlaksanaannya. Justeru itu, saya ingin menggesa kerajaan bagi memastikan pemantauan yang rapi dilakukan oleh agensi-agensi terlibat bagi menentukan semua projek yang dirancang melalui pembentangan bajet ini dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan.

Perkara yang perlu difahami adalah jika pelaksanaan program atau projek untuk kesejahteraan rakyat terjejas...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: *No, finish-* akibat ketirisan dan penyalahgunaan kuasa maka yang menanggung akibat ialah kerajaan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Bajet 2017. Akhir sekali, saya mahu mengucapkan *Merry Christmas* dan *Happy New Year* kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, satu pandangan baik dan saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani, sila.

12.58 tgh.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang juga mentor saya. Seterusnya rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya kasihi sekalian. Pertamanya syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dilimpahkan keizinan-Nya, maka saya pada tengah hari ini dapat berdiri bersama-sama untuk sama-sama membincang dan membahaskan Rang Undang-undang Bajet 2017. Sebelum itu saya ingin juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Presiden UMNO kerana telah mengemukakan satu bajet yang cukup baik dengan tujuan untuk membela, membantu keseluruhan rakyat dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok saya sambung selepas.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sebab jam sudah pukul satu tengah hari.

Timbalan Yang di-Pertua: Seorang Yang Berhormat yang bijaksana.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya, terima kasih. Jasa mu dikenang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Seorang pemimpin yang bijaksana. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya minta tadi Yang Berhormat Senator Abbas menyambung selepas ditangguhkan ya. Jadi sekarang sudah jam satu petang, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung berucap Yang Berhormat Datuk Yahaya.

2.32 ptg.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya meneruskan perbahasan dalam bajet pada kali ini, saya mengambil kesempatan jugalah, tadi baru bermula mukadimah, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada keenam-enam Ahli Dewan yang mengangkat sumpah sebentar tadi. Antaranya sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Mustafa, Seputeh tetapi orangnya tidaklah seputih mana. Saya hendak jelaskan kepada Ahli-ahli Dewan ini, mungkin ada yang tidak kenal Dato' Mus ini. Dato' Mus ini Melayu sejati, bukannya India Muslim kah apa semua, bukan. Dia memang Melayu sejati dan Ketua UMNO Bahagian. Sahabat saya, saya kena perkenalkanlah. Tahniah Dato' Mus.

Tuan Yang di-Pertua, pada 21 Oktober 2016, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah membentangkan bajet tahun 2017. Pelbagai andaian yang dilontarkan oleh pihak-pihak tertentu sehingga ada yang membuat spekulasi bahawa Bajet 2017 merupakan bajet pilihan raya untuk memenangi hati rakyat jelata memandangkan tempoh untuk mengadakan Pilihanraya Umum Ke-14 telah semakin hampir. Hakikatnya, spekulasi ini sengaja dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bagi memutar belit hasrat murni kerajaan yang sentiasa bertungkus-lumus untuk menyejahterakan rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bertemakan, *'Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh'* jelas memperlihatkan komitmen kerajaan untuk membela nasib rakyat seperti yang disuarakan dalam slogan, *'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'*.

Sungguhpun kerajaan memperuntukkan RM260.8 bilion bagi Bajet 2017, peningkatan 3.4 peratus daripada Bajet 2016, tetapi disebabkan faktor ekonomi dunia yang sentiasa malap memberi kesan yang agak kurang memuaskan terhadap hasil pendapatan negara. Sungguhpun demikian, pujian harus diberi kepada kerajaan kerana terus berusaha untuk menyejahterakan rakyat walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan dan rintangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak membicarakan soal kesejahteraan rakyat. Pujian harus diberi kepada kerajaan kerana pada setiap tahun kerajaan tidak tertinggal untuk memberi keutamaan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam Bajet 2017, terdapat banyak inisiatif diambil oleh kerajaan seperti membina dan menaik taraf 616 kilometer jalan kampung, jambatan bagi mempertingkatkan jaringan perhubungan di antara kampung dan bandar dengan peruntukan RM1.2 bilion dan menyediakan bekalan elektrik untuk rakyat luar bandar dengan peruntukan sebanyak RM460 juta.

Peruntukan ini untuk projek-projek sedemikian amat dialu-alukan oleh rakyat kerana kebanyakan rakyat khususnya rakyat miskin dan berpendapat kecil di luar bandar menaruh harapan tinggi supaya ia dapat disegerakan oleh kerajaan bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh mereka selama ini.

Namun dalam pada itu, terdapat segelintir penjawat awam yang tidak amanah dan mengambil kesempatan ini untuk membina kekayaan dengan terlibat dalam rasuah, seperti dalam kes rasuah yang bernilai RM114 juta yang melibatkan pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Air Sabah. Nilai tangkapan rasuah yang terbesar dalam sejarah SPRM ini pastinya membuka mata rakyat dan boleh menghakis keyakinan mereka terhadap kerajaan.

Justeru, dengan cadangan Ketua Setiausaha Negara yang mencadangkan projek RM500 juta ke atas disertai oleh Ketua Audit Negara dan SPRM satu langkah yang baik sebagai satu cara untuk membasmi rasuah.

Walaupun pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan untuk membasmi rasuah tetapi nampaknya masih ramai yang masih kepingin melakukan kegiatan haram ini. Gejala negatif ini nampaknya semakin menjadi-jadi dan perlu dibendung dengan segera. Saya sarankan kepada kerajaan melancarkan perang habis-habisan terhadap masalah ini. Saya juga dapati banyak agensi penguatkuasaan telah diserapi penyakit rasuah ini dan oleh sebab itulah kejadian-kejadian penyeludupan, penyelewengan, manipulasi harga, penipuan dan jenayah semakin berleluasa berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa terdekat ini, negara kita dikejutkan dengan berbagai-bagai isu. Antaranya isu minyak masak. Riuhi di kampung, di bandar, di pekan, riuhi mengatakan minyak masak tidak mencukupi dalam negara. Minyak masak yang paket satu kilo yang mendapat subsidi daripada kerajaan masih kekal dengan harga RM2.50. Cuma yang ada sedikit kenaikan mungkin minyak-minyak yang berada dalam botol.

■1440

Akan tetapi soalnya Tuan Yang di-Pertua, soalnya minyak-minyak dalam negara kita ini amat murah kalau dibandingkan dengan negara luar. Kalau dibandingkan dengan Thailand, kalau dibandingkan dengan Indonesia ia terlalu murah. Oleh sebab itulah berlaku penyeludupan. Abang Lah ada di sini tidak? Kalau kita pergi ke Rantau Panjang, kalau kita pergi ke seberang Golok- Datuk Ng Chiang Chin ini selalu di kampung dia pun ada, isteri dia satu di sini, satu lagi di sebelah sana, dua, Datuk Ng Chiang Chin. Dia orang Pasir Mas tapi berhampiran dengan Golok. Kalau kita tengok, kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan bukan sahaja minyak masak malah gas, malah diesel diseludup ke luar negara terutamanya Thailand.

Pada perbincangan saya yang lalu, saya ada mencadangkan kepada kerajaan supaya membuat tembok pemisah tapi tidak pernah dibuat pun lagi. Abang Lah ada. Kalau kita pergi hari ini ke pekan Golok contohnya, minyak-minyak masak dalam *packing* kita ini melambak-lambak di seberang sana. Kerana apa?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Mohon mencelah.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ini kerana mereka nak mencari keuntungan beli pada kita murah, jual di sana mahal. Soalnya tiada penguatkuasaan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Mencelah sekejap, boleh ya?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Baru masuk.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Maaf mencelah sikit fasal sebut Golok ini tidak boleh. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada segi penyeludupan itu saya tidak kata menyeludup sebab mereka berniaga. Memang pergi dekat Golok kadang-kadang gula atau minyak dekat Rantau Panjang tidak ada. Pergi dekat Golok banyak. Sampai ke Narathiwat tepi jalan itu jual minyak diesel Malaysia, minyak masak Malaysia, gula Malaysia.

Hendak kata menyeludup itu betul sebab ada yang masuk secara tidak bayar cukai. Akan tetapi kita tanya orang sebelah sana kenapa dia membeli barang-barang Malaysia bawa masuk ke sana? Oleh sebab dia kata barangan di Thailand itu daripada segi halalannya tidak sah, tidak sah daripada segi halalannya. Saya rasa menyeludup ini tidak boleh nak elak sudah. Benda terjadi dan orang Islam *certain time* kebanyakannya dia makan makanan dari Malaysia sebab kehalalan dia itu diragukan. Terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Abang Lah. Akan tetapi, Abang Lah ini pun saya rasa ejen juga ini. Dia *barter trade* Tuan Yang di-Pertua. Minyak masak dihantar ke Thailand, pil kuda dihantar ke Malaysia. Bukan boleh kira ini. Oleh sebab dia jaga sempadan. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah.

Apa yang saya nak perktakan kelemahan daripada segi penguatkuasaan kita. Pintu-pintu masuk negara kita, pintu-pintu keluar kita penguatkuasaannya terlalu lemah. Sempadan daripada Tabai sampai ke Golok banyak *posts* angkatan tentera, *post* polis dan macam-macam, Kastam semua ada. Kenapakah boleh bolos? Itu soalnya. Bukan kita sekadar kita nak bercerita tentang minyak masak tetapi yang di seberang sana pil kuda datang. Kalau ikut rekod penggunaan pil kuda yang paling tinggi adalah Kelantan. Minta maaf ustaz saya pun orang Kelantan juga. Akan tetapi ini hakikat. Ini kerana mereka mudah untuk mendapat bahan-bahan kerana pintu-pintu masuk negara kita tidak dijaga, tidak diawasi dengan betul. Ini yang berlaku hakikatnya.

Jadi saya sarankan kepada kerajaan, terutama Kementerian Dalam Negeri tidak memadai setakat untuk meletakkan penguatkuasaan yang kadang-kadang kita boleh pertikaikan. Minta maaf cakaplah dalam Dewan, penguatkuasaan ini tidak kiralah polis, dewan bandar raya, tentera atau apa sahaja bentuk penguatkuasaan ini kita mesti ada satu kesangsian dalam diri kita. Kenapakah boleh bolos? Tidak akanlah kerana kita pergi diberi RM50, RM100 kita terpaksa bolos, kita benarkan mereka membawa masuk barang-barang yang tidak sepatutnya. Jadi ini harus dilihat oleh pihak-pihak yang berwajib yang tertentu. Di samping Abang Lah juga boleh tolong kawal. Jangan Abang Lah sama duduk sibuk nak seludup barang yang tidak sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu meningkatkan gerakan untuk menangkap anggota penguatkuasaan yang bersalah. Disebabkan mereka kerajaan terpaksa menanggung kerugian jutaan ringgit. Apa gunanya kerajaan memberi pelbagai bantuan kepada rakyat untuk subsidi seperti subsidi, BR1M dan sebagainya, pengecualian cukai. Akan tetapi aktiviti penyeludupan, penyelewengan, dan ketirisan masih berterusan sehingga hari ini. Tidak gunanya semua itu. Kita bagi BR1M, kita bagi subsidi tetapi hakikatnya kerajaan menanggung kerugian berjuta-juta ringgit di atas ketirisan, di atas tidak amanahnya pegawai-pegawai yang menjalankan tugas. Saya tidak tuduh mana-mana pihak tetapi itulah hakikatnya yang berlaku hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, lihat sahaja bagaimana mudahnya orang menyeleweng minyak masak seperti yang saya katakan tadi, gas petrol dan sebagainya. Oleh itu, kerajaan perlu meningkatkan lagi mekanisme kawalan yang sedia ada sehingga masalah ini benar-benar dapat di atasi. Bagi mencapai hasrat ini, kerajaan perlu mempunyai *will power* yang kuat untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja tanpa mengira pangkat dan darjat. Justeru disarankan kepada kerajaan supaya mewujudkan satu Jawatankuasa bagi mengkaji kelemahan agensi penguatkuasaan agar sebuah jalan penyelesaian dapat dicari bagi memastikan jentera penguatkuasaan semua agensi yang ditubuhkan dapat berfungsi dengan berkesan dan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Dalam satu hari, dua hari ini kesihatan saya terganggu. Saya demam, suara tak nak keluar...

Tuan Yang di-Pertua: Suara kuat Yang Berhormat Senator.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Memang saya jenis suara kuat, saya tidak erti hendak bercakap suara halus-halus macam Dato' Mus, tidak reti saya. Saya nak bercakap *clear*.

Satu perkara lagi yang saya nak berbahas di dalam Dewan yang mulia ini isu perumahan. Isu ini tidak lekang daripada saya. Daripada saya mula masuk Dewan dulu, 7 Oktober 2013, isu inilah menjadi keutamaan kepada saya. Oleh sebab saya melihat rakyat di bawah agak orang kata macam 'kicak kacau bilaulah'. Mereka memerlukan penempatan, mereka memerlukan rumah. *Alhamdulillah*, kita bersyukur kepada Allah kerana di Wilayah Persekutuan ini kita mempunyai seorang Menteri Wilayah Persekutuan yang cukup prihatin kepada rakyat. Membina RUMAWIP, mewujudkan rumah RUMAWIP boleh dikatakan di sekitar Kuala Lumpur ini terutamanya dalam bahagian saya macam cendawan lepas hujan tumbuh Tuan Yang di-Pertua. Banyaknya RUMAWIP.

Akan tetapi RUMAWIP yang ditawarkan kepada rakyat dalam lingkungan harga RM300,000, RM280,000, paling murah pun ada RM180,000. Jadi inilah yang menjadi masalah. Penghijrahan orang-orang muda, belia-belia dari kampung ke bandar semakin hari semakin ramai. Mereka memerlukan penempatan dan mereka memerlukan rumah. Ada orang bahagian saya Tuan Yang di-Pertua, anak dia umur 28 tahun.

■1450

Dia datang ke pejabat saya. Anak dia bekerja gaji RM2,500 sebulan. Dia bertanya kepada saya bagaimana Datuk, saya hendak dapatkan rumah mampu milik yang dibina oleh Dewan Bandaraya hari ini di kawasan Parlimen Batu. Saya cuba berusaha menolong dan membantu tetapi apabila dia berhadapan dengan Dewan Bandaraya, RM2,500 gaji bulanan dia pun tak mampu untuk membeli rumah dengan harga RM300,000- harga RM300,000, satu buah rumah, bukan besar, 800 kaki persegi sahaja, tak besar. Dengan pendapatan sebanyak itu, baru keluar universiti, kerja setahun dua tahun, hendak beli rumah tak mampu. Kalau buat pinjaman pun dia kena bayar dalam RM1,500 ke RM1,800 sebulan. Gaji RM2,500, hendak pakai kereta lagi, hendak hantar kepada orang tua lagi di kampung yang susah.

Jadi ini saya harap pihak kementerian ataupun pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kena melihat situasi ini. Kalau kita betul-betul ikhlas hendak membantu rakyat, hendak menolong rakyat, kita kena tengok keadaan ini. Mungkin ada mekanisme lain yang boleh kita bantu. Kalau bank tak boleh hendak bagi *loan*, mungkin ada cara-cara lain yang boleh dibantu kepada rakyat yang memerlukan. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya minum air dulu. Takut suara hilang. Ustaz, boleh ustaz ya?

Satu perkara lagi saya hendak sentuh soal perumahan khususnya di Parlimen sayalah. Wah Parlimen saya hari ini, di bahagian saya hari ini saya tengok dah macam bandar baharu. Banyaknya perumahan yang tumbuh. Ini kadang-kadang tanah-tanah yang kecil, satu ekar dua ekar kita lihat pemaju telah menaikkan satu perkara lagi di Taman Koperasi Polis. Mungkin ada orang yang tak suka apabila saya bercakap ini. Tanah milik Koperasi Polis, Jeneral tahu kot? Laksamana tahu? Sebelum ini tanah itu digunakan oleh pelajar-pelajar UNIKOP untuk beriadah, untuk bermain bola dan sebagainya tetapi mutakhir ini khabarannya tanah itu telah diberi, saya tak sebut jual Tan Sri, diberi dengan cara usaha sama dengan satu orang pemaju.

Saya tidak ada masalah walaupun rakyat di kawasan itu datang berjumpa dengan saya mengadu kepada saya. Perlu kita buat sesuatu bantahan sebab kononnya Dewan Bandaraya membenarkan *high-rise* 38 tingkat katanya tetapi saya sedar bahawa tanah itu milik Koperasi Polis Berhad. Kita hendak halang macam mana pun tanah itu tanah orang. Lambat laun walaupun kita protes, pasti tempat itu akan dibangunkan juga oleh Koperasi Polis tetapi saya hanya memohon kepada pihak-pihak tertentu. Kena kaji balik soal *environment*, soal penduduk di situ.

Selama ini semasa saya duduk di Taman Koperasi Polis dulu Tuan Yang di-Pertua, kehidupan aman damai. Kehidupan masa itu ya lah kita masa itu anak kecil-kecil lagi tahun 1986-1987. Tak ada masalah tetapi hari ini masuk di kawasan itu sahaja, parkir kereta berlapis, gerai merata tempat di sana sini. Suasana tidak tenteram, suasana tidak aman. Kita takut esok ada projek itu, ia akan menambahkan kekalutan masyarakat di situ. Saya bukan tak setuju, saya setuju. Tak ada masalah tetapi perkara-perkara ini harus diberi perhatian. Keutamaan rakyat, penyelesaian rakyat, kehendak rakyat harus diberi perhatian yang sewajarnya. Kalau tidak, kita bercakap macam mana pun esok rakyat marah, dia membisu, dia tidak berkata apa-apa, sampai pilihan raya esok dia tak akan bagi undi kepada kita. Ini yang membimbangkan kita.

Dah lah Parlimen Batu itu kalah dah dua tahun. Kalau Seputeh tak apalah sepanjang zaman dia kalah. Tak apa tapi Batu ada harapan untuk menang dan kalau kita mengguriskan perasaan hati rakyat, kita takut suatu hari nanti bukan sahaja di Parlimen Batu malah Parlimen-parlimen di seluruh negara akan hilang dan kita akan hilang juga maruah diri kita sebagai pemerintah dalam negara kita. Ini yang saya bimbang.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya kadang-kadang semangat itu lebih kalau pasal hal-hal perjuangan ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ada pemaju-pemaju yang telah memohon tanah-tanah di sekitar Wilayah Persekutuan terutamanya di Parlimen Batu, kalau adalah terlibat dengan masyarakat setempat, mungkin dewan komuniti ke mungkin gerai dan sebagainya, saya harap pemaju-pemaju janganlah buat macam orang kata macam Israel, macam Yahudi.

Berundinglah elok-elok. Datang ke kampung berunding dengan ketua kampung. Datang ke kampung, berunding dengan ketua masyarakat di situ. Soal pampasan boncang baik-baik. Ini tidak, kadang-kadang masuk terus bawa notis, terus bawa jentolak kononnya kita dah dapat pelepasan dari mahkamah untuk menolak sedangkan mereka itu, orang-orang kampung duduk berniaga, duduk buat bengkel dah sekian lama berpuluh-puluh tahun.

Cuma orang kampung dia tak reti, dia tak pandai macam mana hendak memohon tanah dan sebagainya. Yang bijak pandai ini mohon dapat ke dia, tak ada masalah, boleh tapi berundinglah. Kita tak hendak mengecilkan hati di kalangan rakyat jelata di bawah sana. Tuan Yang di-Pertua, itu nampak Tuan Yang di-Pertua angguk-angguk itu dia setujuah itu, saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dah lebih, dah hendak datang setengah jam dah ini. Tolong rumuskan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya Allah, banyak lagi ini Tuan Yang di-Pertua. Itu baru isu perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada sembilan lagi Yang Berhormat hendak berucap.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tak sentuh lagi PR1MA, penyelewengan subsidi. Lepas itu saya hendak sentuh golongan belia bankrap, ini pun penting.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tiga minit? Wah, lepas itu Kementerian Dalam Negeri. Tak apalah, saya tinggal yang lain saya hendak sentuh belia sedikit. Tuan Yang di-Pertua, minta maafah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak apa, terima kasih.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya pun silap kadang-kadang itu Tuan Yang di-Pertua. Masa hari permulaan, hari kedua Tuan Yang di-Pertua bagi seluas-luasnya peluang kepada pembahas. Saya ingat Tan Sri Laksamana pun lama. Masa itu tak ada orang hendak berbahas, hari ini dan esok, dah terlalu ramai. Masa dah tidak berapa mencukupi, saya faham. Saya terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sebanyak 22,581 kes bankrap direkodkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia bagi individu berumur 25 tahun hingga 34 tahun bagi tempoh 2012 sehingga September tahun ini. Ramai itu Tuan Yang di-Pertua. Keadaan ini amat membimbangkan kita.

■1500

Ini berikutan kegagalan melunaskan pinjaman sewa, beli kenderaan, menjelaskan pinjaman peribadi dan pinjaman perumahan. Dalam keadaan ekonomi malap dan ramai pekerja yang mungkin akan kehilangan pekerjaan, bilangan ini dijangka bertambah pada tahun-tahun mendatang. Walaupun telah ada usaha dilakukan oleh kerajaan, namun tidak memberi kesan secara menyeluruh dalam memastikan bilangan belia bankrap berkurangan. Kerajaan perlu memastikan ada agenda penyelesaian pada bajet kali ini.

Golongan belia ini merupakan pemimpin masa hadapan kita. Mereka ikon kepada pembangunan negara. Kegagalan mengatasi isu ini sedikit sebanyak akan merencatkan proses memajukan negara. Oleh itu, adalah dicadangkan satu kajian perlu dilakukan oleh kerajaan dengan penglibatan semua pihak sama ada badan bukan kerajaan, badan kewangan, pakar ekonomi ataupun mana-mana pihak agar resolusi baru untuk mengatasi gejala bankrap ini dapat diatasi secara menyeluruh. Bankrap di usia muda boleh mendatangkan mudarat kepada golongan belia sekali gus akan menjejaskan kehidupan harian dan masa depan mereka. Oleh itu, kerajaan perlu mengadakan program kesedaran di kalangan masyarakat agar dapat didedahkan dan diberi pengetahuan awal mengenai isu risiko kebangkrutan sejak peringkat awal pendidikan lagi.

Satu perkara lagi saya hendak sentuh *under* Kementerian Belia dan Sukan. Daripada segi pencapaian sukan dalam negara kita. Kita ucap tahniah kepada peserta-peserta, ahli-ahli sukan Olimpik kita. Selama ini kita kepingin untuk mendapatkan pingat. *Alhamdulillah* kita balik daripada Olimpik, walaupun tidak emas tetapi kita mampu untuk mendapatkan pingat perak. Juga tahniah kepada atlet Paralimpik kita. Tidak pernah terjadi dalam sejarah dapat emas, seronok. Negara pun seronok. Rakyat menyanjung tinggi tetapi ada sebahagian-sebahagian sukan dalam negara kita mengalami kemerosotan, terutamanya bola sepak. Kita kecewa. Satu masa dahulu Myanmar kita pernah kalah 11-0, Myanmar negara yang tidak ada hati dan perasaan hari ini.

Dahulu, dalam Pesta Bola Merdeka, saya muda-muda pergi tengok 11-0 kita titik dia. Hari ini Myanmar, Vietnam sudah menjadi kuasa bola sepak di Asia Tenggara. Kita pun kalah. Ini kita kena cari jalan penyelesaian.

Bajet yang diberi oleh kerajaan kepada Kementerian Belia hampir RM800 juta, RM700 juta lebih saya kira. Hampir RM800 juta. Daripada segi pembangunan sukannya dan pelbagai. Kita kena lihat secara holistik bagaimana kita hendak mengubah sama ada pemain bola sepak, sama ada jurulatih, sama ada kelengkapan dan sebagainya. Kita kena buat supaya hari ini kita punya *rating* bola sepak negara kita, ya Allah, jauh menjunam. Timur Leste pun tidak pernah main bola sepak selama ini, tidak pernah kenal bola sepak selama ini. Tanah mereka pun tidak ada padang. Kita hanya mampu menang 1-0 sahaja. Saya harap Kementerian Belia dan Sukan bukan sahaja bola sepak, malah sukan-sukan lain. Oleh sebab sukan ini amat penting kepada kita, penting daripada segi hubungan kita dengan masyarakat, hubungan kita antara negara. Boleh mengeratkan silaturahim sesama kita, boleh mencernakan perpaduan yang erat dalam negara kita. Ini penting kepada kita Tuan Yang di-Pertua. Boleh lagi kah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Suara pun sakit...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Cukuplah. Suara pun sudah sakit.

Tuan Yang di-Pertua: Rehat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya tak nak jadi pembahas Melaka di perhimpunan agung hari itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Pembahas Melaka di perhimpunan agung hari itu teran-teran cakap, cakap pun orang tidak tepuk sampai hilang suara. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya. Saya mohon ribuan ampun dan maaf kalau andainya ada yang terkasar bahasa, tersilap kata, tersalah tutur bicara. Maklumlah kita sama-sama dalam perjuangan, *insya-Allah* di lain-lain masa saya akan turut mengambil bahagian. Terima kasih sekali lagi dan saya mohon menyokong.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang baru, itulah suara yang lantang dan juga sopan. Sekarang saya panggil Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

3.06 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Sesebuah bajet dirangka sedemikian rupa, khusus untuk mencapai objektif keadilan sosial atau *social justice* dengan penumpuan terhadap pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif, mengawal inflasi dan kos sara hidup serta menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Justeru, ukuran kejayaan bajet yang sebenar memastikan semua pihak iaitu rakyat, peniaga dan kerajaan berada dalam keadaan yang selesa. Sesebuah bajet tidak akan mencapai matlamat jika hanya pihak kerajaan dan pemimpin sahaja yang selesa sedangkan rakyat masih menanggung beban yang belum selesai atau mendatangkan masalah baru yang bakal ditanggung seperti pengangguran, mufliis dan kemiskinan, seterusnya menyumbang kepada gejala sosial dan jenayah yang meningkat.

Akan tetapi apa yang dapat kita lihat melalui Bajet 2017 yang dibentangkan baru-baru ini, tidak banyak langkah transformasi *structural* yang dirangka bagi menangani isu-isu kritikal ekonomi negara. Khususnya, kejatuhan nilai ringgit, penjimatan operasi kerajaan, menghentikan ketirisan, meningkatkan integriti, hutang kerajaan, rasionalisasi konsesi, pengangguran graduan, kenaikan harga rumah, kenaikan harga barang, skandal 1MDB dan seumpamanya. Seterusnya, berkait dengan kadar inflasi negara.

Berdasarkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan pihak berkuasa negara, kadar inflasi di Malaysia pada tahun 2015- 2 peratus dan tahun ini ia naik kepada 2.3 peratus. *Figure* ini adalah lebih tinggi berbanding dengan Singapura negatif 0.3 peratus, Thailand 0.3 peratus, Filipina dan Vietnam masing-masing sebanyak 2 peratus.

Berkait dengan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia, jika kita lihat hari ini, tukaran nilai Ringgit Malaysia saban hari semakin susut. Saya ambil contoh terdekat, rakyat Kelantan khususnya, sering membandingkan tukaran Ringgit Malaysia dengan Baht Thailand. Kalau beberapa bulan lepas saya telah ke Thailand, tukaran Ringgit Malaysia RM100 boleh dapat sehingga 8,400 Baht. Sekarang, beberapa bulan selepas itu, tukaran RM100 hanya dapat 7,300 Baht. Tidak pernah berlaku dalam sejarah kejatuhan sedemikian teruk. Rakyat marhaen di bawah sana berbicara. Ini belum lagi dibandingkan dengan *Dollar, Euro*, ya...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, celah sekejap. Boleh?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya, sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Sebentar, seminit. Oleh sebab saya duduk Rantau Panjang dan hari-hari pergi dekat Golok sampai ke Hatyai. Duit Malaysia ini, ia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hari-hari pergi Hatyai?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

■1510

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya di Rantau Panjang ini kita *shopping* dekat Golok, makan dekat Hatyai.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Sebab dekat sana makan sedap. Lepas itu, kalau hendak membanding, hari Ahad memang murah tetapi kalau hari Isnin baru ini kita tukar 824, 825 dan kita yakin sedikit masa lagi akan naik duit kita. Jadi kalau kata RM1,000 dapat THB700, itu tidak betul. Saya tukar baru-baru ini dapat THB816 dan esok naik lagi THB820 dan... *[Disampuk]* Baht-lah. Semakin naik. Kalau 7,000 itu tidak pernah berlaku lagi. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mungkin nilai tukaran di satu-satu *money changer* itu tidak sama. Jadi mungkin ada perbezaan dan kemungkinan yang saya dapat maklumat ini THB7,300 mungkin pada saat kejatuhan yang paling teruk dan mungkin keadaan sudah semakin baik tetapi masih lagi tidak seperti suatu ketika dahulu yang lebih baik daripada hari ini.

Hari ini jika kita berbelanja di Thailand, peniaga di Thailand sudah *reluctant* ataupun teragak-agak untuk menerima Ringgit Malaysia kerana nilainya yang tidak stabil dan sering turun. Kalau dahulu, peniaga di sempadan Thailand, dia menerima Ringgit Malaysia kerana tukarannya yang stabil dan apabila ditukar, harganya masih lagi tidak banyak berubah tetapi keadaan itu sudah agak berubah hari ini di sempadan.

Dari sudut kejatuhan Ringgit Malaysia juga, kita melihat rakyat sedang membandingkan apalah yang dapat dibeli dengan RM50 hari ini berbanding dengan RM50 pada sepuluh tahun lepas. Kalau dulu boleh beli ikan selayang dengan harga RM6 sekilogram tetapi ikan selayang pada hari ini dengan saiz yang sama boleh beli hanya dengan harga RM8 atau RM9 sekilogram. Itu rakyat marhaen berbicara. Saya rasa ini dapat dirasakan oleh golongan B40 dan juga M40 tetapi sama sekali tidak dapat, tidak terkena ataupun tidak terasa oleh golongan T20 yang rata-rata mungkin tidak makan ikan selayang. Mereka makan ikan tenggiri, mereka makan ikan salmon, mereka makan ikan kembung.

Jadi saya cukup terkilan kerana di dalam Bajet 2017 baru-baru ini tidak mengupas secara halus, secara *detail* perkara ini tetapi menyalahkan kejatuhan mata wang hanya semata-mata dengan sebab persepsi.

Seterusnya, Bajet 2017 yang tersirat. Berlaku pemotongan dan pengurangan di dalam Bajet 2017 khususnya pengurangan sebanyak 10.4 peratus bagi peruntukan subsidi dan bantuan sosial iaitu sebanyak RM22.4 bilion berbanding RM25 bilion pada tahun 2016.

Contohnya, subsidi minyak masak dan keperluan asas lain mula dihapuskan yang ini kemungkinan membawa kepada kenaikan harga barang makanan dan juga harga makanan siap dimasak di pasaran.

Selain itu juga tiada peruntukan pampasan konsesi tol dan ini kemungkinan akan menyebabkan kenaikan tol pada tahun 2017 manakala beberapa buah agensi kerajaan yang penting mengalami pengurangan bajet seperti JAKIM, BTN dan MKN. Di sini saya mohon penjelasan, adakah daripada 69 projek rancangan tebatan banjir yang telah diperuntukkan sebanyak RM495 juta turut melibatkan projek tebatan banjir di Kelantan dan Terengganu serta tebatan-tebatan banjir yang melibatkan fenomena ombak besar di pantai barat yang keperluannya sangat mendesak. Mohon dinyatakan projek-projek terlibat.

Seterusnya berkaitan pendidikan tinggi sebagai satu aset negara. Pendidikan rendah, menengah mahupun tinggi merupakan aset terbesar negara. Pembinaan negara maju melalui pembinaan insan melalui ilmu. Pendidikan tanggungjawab kerajaan. Semakin tinggi komitmen kerajaan untuk pembangunan pendidikan, maka semakin terserlah keilmuan dan ketamadunan masyarakat dan negara. Apa yang saya sesalkan, bajet untuk universiti awam sekali lagi telah dikurangkan antara yang paling rendah semenjak 2011 iaitu sebanyak 20 peratus iaitu bernilai RM6.2 bilion. Pendidikan tinggi perlu mencari sumber hasil masing-masing di samping dana kerajaan yang terhad dan bagaimana nanti *survival* dan perkembangan bidang pengajian Islam, pengajian agama dan ketamadunan berbanding bidang sains dan teknologi yang permintaannya dari sudut komersialnya sangat tinggi. Mohon kerajaan menyatakan perkembangan kedua-dua bidang ini di universiti-universiti awam.

Seterusnya berkait dengan ECRL. Saya dan Kerajaan Negeri Kelantan menyokong penuh hasrat kerajaan membina ECRL ini kerana kami yakin projek ini sangat penting bagi penduduk pantai timur khususnya bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi lebih-lebih lagi bagi Kelantan. Satu-satunya negeri yang masih tidak mempunyai jalinan lebuhraya yang lengkap dan juga ketinggalan dari sudut infrastruktur pengangkutan yang lain seperti Lapangan Terbang Antarabangsa mahupun pelabuhan. Cumanya persoalan yang ingin saya bangkitkan iaitu mengapa projek ini di *award* kepada suatu buah syarikat yang telah pun di *blacklist* oleh pihak *World Bank* sebagaimana yang telah dilaporkan berlakunya *fraudulent practices* dalam pelaksanaan Fasa Satu, *Philippines National Roads Improvement and Management Project*.

Adakah kerajaan sedar akan perkara ini, dan sekiranya kerajaan meng-*award*-kan projek ini kepada syarikat yang telah *blacklist* dalam keadaan sedar, mengapakah ini berlaku? Adakah tidak ada tawaran pelaksanaan projek-projek ini daripada syarikat-syarikat kerajaan yang lebih layak?

Seterusnya berkait dengan royalti minyak Kelantan. Kelantan adalah antara negeri penyumbang hasil petroleum negara. Berdasarkan Akta Pembangunan Petroleum 1974, lima peratus keuntungan hasil petroleum ini perlu diagih kepada pihak negeri. Sekali lagi saya di sini memohon dan menuntut agihan lima peratus royalti ini diserahkan kepada pihak berkuasa negeri sebagai pihak yang berhak dalam akta. Keadaan ini boleh memberi ruang kepada kerajaan negeri merancang bajet negeri secara lebih tersusun dan strategik bagi memastikan keadilan sosial terlaksana.

Sebagai mana yang dimaklumi, kita di Kelantan mempunyai Yayasan Islam Kelantan di mana dalam Bajet 2017 Kelantan yang telah dibentangkan, sebanyak RM96 juta telah diperuntukkan kepada Yayasan Islam Kelantan bagi tahun 2017 khusus bagi Pendidikan Islam di 89 buah sekolah menengah agama negeri yang melibatkan pengambilan lebih tujuh ribu orang pelajar saban tahun. Pengambilan pelajar-pelajar ini adalah terbuka juga kepada sepuluh peratus kuota kemasukan daripada pelajar luar negeri.

Bermula dari tahun 2017, YIK juga telah membuka Maahad Tahfiz Sains Tok Guru yang telah menarik minat ibu bapa daripada seluruh negara. Sebagaimana yang dimaklumi juga, lulusan sekolah menengah agama Kelantan adalah antara yang paling ramai berkhidmat di seluruh negara sebagai guru-guru Kafa atau guru Pendidikan Agama Islam atau Bahasa Arab.

Justeru, kita melihat guru yang memohon pertukaran yang paling tinggi dari Kelantan. Sememangnya terdapat kekeliruan isu perundangan dalam penganugerahan royalti bagi Kelantan tetapi jika kerajaan boleh menganugerahkan royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu, kenapakah ia tidak boleh dianugerahkan pada Kelantan?

Ini kerana apa yang dibangunkan oleh Kelantan dari sudut pembangunan modal insan khususnya melalui Yayasan Islam Kelantan, ia merupakan suatu sumbangan pembangunan insan untuk seluruh umat Islam di Malaysia.

■1520

Seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berkait dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Akta 355. *Alhamdulillah*, pindaan akta ini melalui rang undang-undang persendirian ahli bukan kerajaan telah disambut baik oleh pihak kerajaan. Terbaru, pindaan dibuat kepada had hukuman sebatan, denda dan penjara di mana sebatan dihadkan kepada 100 kali sebatan, denda RM100,000 dan penjara 30 tahun. Pindaan ini bertujuan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memartabatkan mahkamah syariah melalui penambahan bidang kuasa hukuman. Ia adalah suatu pindaan yang telah lama sepatutnya dibuat memandangkan tahun 1985 tahun terakhir ia dipinda. Saya mengharapkan sokongan semua pihak sama ada Ahli Parlimen Islam mahupun bukan Islam untuk meluluskan akta ini.

Seterusnya berkait dengan *sin tax*. Apabila kita menyebut perkataan "*sin*" dalam bahasa Inggeris ataupun bermaksud "dosa" dalam Bahasa Melayu, ia bukan setakat istilah yang digunakan oleh orang Islam, malah ia diguna pakai dan diterima oleh agama-agama lain. Istilah "*sin tax*" istilah yang diterima pakai dan diguna pakai oleh pengamal ekonomi dan kewangan. Ia mempunyai konotasi yang negatif di mana ia berpunca daripada hasil yang mengandungi unsur dosa atau aktiviti yang tidak baik.

Berdasarkan hasil sebenar tahun 2015, jumlah cukai minuman keras, bir daripada *malt* dan *wine* adalah berjumlah RM1.5 bilion. Ini adalah tidak dicampur dengan hasil judi dan sebagainya yang juga boleh dikategorikan sebagai *sin tax*.

Saya mohon mencadangkan dan sudah tiba masanya agar pihak Kementerian Kewangan memikirkan suatu mekanisme kewangan agar *sin tax* ini dapat diurus secara berasingan untuk perbelanjaan tertentu sahaja dan bagi memastikan *sin tax* ini tidak dicampuradukkan dan diguna pakai bagi membayar gaji atau elaun-elaun kakitangan awam dan juga kita sebagai Ahli Parlimen atau juga untuk tujuan pembangunan agama-agama.

Keadaan ini adalah tidak asing kerana saya perlu mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana melalui *2nd Annual Meeting of Asian Pacific Parliamentary Forum on Global Health* yang saya hadir pada 24 hingga 25 November di Seoul, Korea baru-baru ini, dalam membincangkan berkait dengan *sustainable development goals* dari sudut kesihatan bagi memastikan *leaving no one behind* tercapai, ada antara cadangan para perwakilan agar *sin tax* ini diasingkan bagi tujuan perkhidmatan kesihatan.

Jadi saya kira perbincangan tentang *sin tax* ini bagi perbelanjaan-perbelanjaan tertentu adalah suatu yang tidak asing. Bagi kita di Malaysia, kita boleh menguruskan *sin tax* ini secara lebih teratur, secara lebih fokus. *Sin tax* ini perlu ada satu hala tuju ke arah pengurangan. Ia perlu dikurangkan, bukannya perlu semakin banyak, semakin banyak.

Seterusnya- antara yang terakhir- pendidikan seks melalui pengukuhan pendidikan agama. Apabila kita sebut pendidikan seks, sebenarnya kita tidak sepatutnya menggunakan istilah ini dalam terma pendidikan kerana ia mempunyai satu konotasi yang agak negatif. Terma yang lebih positif ataupun terma yang boleh diterima adalah kalau hari ini ia disebut sebagai pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial. Akan tetapi dalam pendidikan Islam, pendidikan seks ini sebenarnya telah pun ada dalam sukatan pelajaran *fiqh*, fekah. Sukatan pelajaran fekah ini sebenarnya bermula daripada kita pra sekolah lagi.

Jadi apabila saya mendengar cadangan pendidikan seks oleh pihak-pihak tertentu baru-baru ini bagi pra sekolah, jadi saya rasa tersentuh dan saya perlu sebut pada persidangan kali ini.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya habiskan dulu. Sekejap lagi saya bagi.

Dari sudut pandangan Islam, sebenarnya pendidikan seks boleh diterap dan diajar melalui pengukuhan pendidikan agama. Di sini saya perlu tekankan, pendidikan mesti bermula dengan tauhid iaitu percaya adanya tuhan yang satu dan ia teras kepada Rukun Negara yang pertama, "*Percaya kepada Tuhan*" dan ia boleh ditanam seawal usia pra sekolah.

Pendidikan tauhid ini sebenarnya tidak payah, bukannya seumpama kita orang tua belajar Sifat 20, tidak. Pendidikan tauhid ini seawal anak-anak berusia 3, 4 tahun di peringkat pra sekolah. Persoalan yang perlu ditanya ialah siapa yang buat kereta, siapa yang buat kerusi, siapa yang buat meja. Ada penciptanya, ada orang yang membuat kerusi, meja dan kereta. Lalu kita tanyakan siapakah yang menciptakan manusia, siapa yang menciptakan haiwan, siapakah yang menciptakan seluruh alam ini? Semudah itu sebenarnya mengajar tauhid, mengajar ilmu adanya Tuhan kepada anak-anak kita di usia 3, 4 tahun. Jadi jangan menganggap mengajar ilmu tauhid ini adalah suatu yang sangat sukar, tidak. Namun ia adalah satu *basic*, satu asas pendidikan yang mesti diterap seawal usia 3, 4 tahun.

Jadi bermula dengan pendidikan asas tauhid ini, barulah diterapkan dengan ilmu fikah. Di mana melalui ilmu fikah ini, kita diajar dengan bersuci. Kita diajar dengan bersuci, membezakan yang bersih dengan yang kotor. Kita perlu diajar bersuci, bagaimana lelaki bersuci, bagaimana perempuan bersuci. Apa itu organ lelaki, apa itu organ perempuan. Macam mana organ perempuan mesti disucikan, macam mana organ lelaki disucikan. Kita juga diajar tentang aurat. Apa yang boleh dilihat, apa yang tidak boleh dilihat. Siapa yang boleh melihat bahagian-bahagian tubuh kita dan siapa yang tidak boleh melihat bahagian-bahagian tubuh kita. Bahagian mana yang boleh disentuh, bahagian mana yang tidak boleh disentuh. Semua ini sebenarnya telah pun ada dalam sukatan pengajian *fiqh*.

Seterusnya, apabila kita sampai ke peringkat umur yang lebih tinggi dan lebih matang, saya ingat lagi, saya ini daripada sekolah- sikit lagi ya untuk pendidikan ini. Saya ingat lagi, sewaktu saya di sekolah maahad, saya berada di Tingkatan 2, dalam sukatan pelajaran fikah, seorang ustaz- kita ada sukatan pelajaran berkaitan dengan hubungan jantina lelaki dan perempuan. Subjek ini diajar dan proses berlakunya hubungan antara lelaki dan perempuan ini telah diajar daripada awal sehingga akhir oleh seorang ustaz dalam konteks agama. Kita diajar apa yang membolehkan hubungan ini berlaku...

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Dan di akhirnya, apa tindakan yang sepatutnya berlaku apabila selesai.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Yang Berhormat, saya nak mencelah sedikit saja, nak tanya tadi. Takut jauh sangat nanti terlupa. Sedikit saja, *simple* saja.

Tuan Yang di-Pertua: Berilah dia, Yang Berhormat yang baru. Sila.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya hendak bertanya sedikit. Yang Berhormat setuju tidak kalau sekiranya masalah yang Yang Berhormat sebut tadi berkenaan dengan negeri Kelantan yang sedang dihadapi ini, akan selesai sekiranya bekerjasama dengan Kerajaan Barisan Nasional? Itu sahaja. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Kita sebuah kerajaan negeri. Saya yakin perkara ini akan selesai sekiranya semua pihak profesional dalam hubungan *G-to-G*. Hubungan parti politik, mungkin itu perundingan di peringkat lain tetapi penyelesaian yang ada sekarang penyelesaian di peringkat *state government* dan *Federal Government*.

■1530

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, jadi jawapannya setuju atau tidak setuju Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: *G-to-G* setujulah itu.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Kerjasama perlu ada. Saya setuju dengan kerjasama. Akan tetapi kerjasama *state government to Federal Government*. Jadi saya sambung lagi berkaitan dengan pendidikan ini, pendidikan. Tadi saya berhenti dengan pendidikan berkaitan hubungan jantina lelaki dan perempuan. Kami diajar hubungan ini mesti berlaku dan diajar dalam konteks beragama. Dalam konteks seorang ustaz mengajar anak muridnya 40 orang. Saya kira perkara ini saya tidak akan belajar dengan ibu bapa saya tetapi diajar oleh seorang ustaz dalam sebuah kelas ketika saya dalam Tingkatan 2.

Jadi saya tidak pelik hendak mengajar. Memang kita di usia yang telah matang, berumur 13 tahun, 14 tahun perlu belajar perkara ini tetapi perlu belajar dengan adanya asas yang kukuh dan dalam konteks yang betul.

Ia tidak boleh diajar sewenang-wenangnya kerana saya mengibaratkan subjek ini sebagai satu buah senjata yang sangat sulit. Silap asasnya, silap *foundation*-nya, senjata akan makan tuan.

Maka saranan saya kepada kerajaan dalam memperkenalkan dan menerapkan pendidikan seks ini, pengukuhan dan saluran agama adalah sangat perlu sebagai suatu asas. Barulah subjek-subjek lain, ilmu-ilmu lain boleh dibina di atasnya.

Dengan demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah.

3.32 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah membenteng satu bajet pada tarikh 21 Oktober 2016 bagi, '*Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Menyejahterakan Kehidupan Rakyat Seluruh*'. Sudah pasti bajet ini merupakan kesinambungan dari tahun 2016 yang telah dirancang rapi melalui Rancangan Malaysia Kesebelas.

Di sini saya ingin berterima kasih kepada Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib kerana kita dapati ia memang satu bajet yang cukup komprehensif yang dibentengkan oleh kerajaan. Keseimbangan elemen *macro* dan *micro* menjadikan Bajet 2017 menepati keperluan negara dan masyarakat kita. Kesejahteraan negara dan rakyat dapat terjamin dengan kesedaran dan juga rancangan teliti oleh kerajaan untuk mempertahankan kebajikan dan kepentingan negara. Saya berharap bajet ini dapat membimbing negara kita mengatasi tempoh yang mencabar ini dan memastikan kehidupan rakyat terbela.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin dan percaya bahawa semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sependapat dengan saya bahawa ada tuduhan yang mendakwa kononnya Kerajaan Malaysia pimpinan Barisan Nasional akan bankrap adalah tidak benar. Saya ingin juga mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas penjelasan beliau yang cukup jelas dan meyakinkan bagi menyangkal tuduhan dan *misconception*, dengan izin, oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang mendakwa bahawa kerajaan akan bankrap atau muflis.

Dakwaan tersebut telah menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat tentang ekonomi negara dan kritikan serta persoalan yang penuh dengan emosi dan tidak berasas. Saya perlu menegaskan di sini bahawa salah faham atau salah persepsi yang disemai oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab adalah bermotif politik, pentingkan diri sendiri dan boleh memudaratkan negara. Apatah lagi bersekongkol dengan kuasa-kuasa asing untuk menjatuhkan kerajaan akan membawa negara kita ke arah yang cukup merbahaya seperti yang telah dialami oleh negara-negara *Arab Spring* seperti Syria, Libya dan Iraq. Negara kita akan hancur. Nasib anak cucu cicit kita juga akan hancur. *Nauzubillah.*

Baru-baru ini, Marina Chin BERSIH sendiri mengakui telah mendapat sokongan dan bantuan daripada Soros, *Open Society Institute.*

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Soros merupakan anak didik Rothschild, *President of New World Order.* Saya ingin menerangkan sedikit dengan berdasarkan kepada buku-buku yang saya baca. Rakyat Malaysia mesti faham keadaan kedudukan negara kita pada hari ini. Kita telah dipergunakan oleh kuasa-kuasa besar untuk menghancurkan perpaduan dan keharmonian negara. Kita bukan negara Arab. Negara-negara *Arab Spring* berdekatan dengan Israel, sudah pasti mudah untuk mereka menjalankan jarum mereka tetapi kita di Malaysia juga suka ataupun tidak suka terpalit.

Masalahnya pada hari ini, ramai di kalangan kita yang berbilang kaum di Malaysia ini tidak faham tentang politik ataupun senario global yang berlaku ke atas negara kita pada hari ini. Saya ingin *quote* beberapa buku untuk menerangkan kepada semua Yang Berhormat tentang betapa bahayanya peranan kuasa-kuasa besar ini.

Peranan pengaruh-pengaruh yang di pelopori oleh *Zionism*. Ya kalau kita bercakap tentang *Zionism*, sudah pasti kita akan terbaca artikel-artikel yang dipelopori oleh gerakan-gerakan *New World Order* yang disokong oleh gerakan *Illuminati*, *Freemason* dan juga *Zionism* Yahudi.

Saya akan *quote* beberapa buah buku. Oleh disebabkan masa yang agak singkat, saya akan ambil satu *page* daripada satu buku sahaja. Buku yang pertama, *'The Lion of Judah', Christian Zionism*. Gerakan "*Christian Zionism*." Saya kena perkatakan selalu, kerap kali supaya sahabat-sahabat kita orang Kristian tidak salah faham. Apabila saya mengatakan Kristian di sini, saya *refer* kepada *Christian Zionism*. *Christian Zionism* ini kalau ikut semua buku merupakan satu gerakan agama yang lebih merbahaya daripada IS. Kita mengatakan Daish dan IS merbahaya. Akan tetapi dalam buku ini mengatakan lebih merbahaya daripada IS kerana gerakan *Christian Zionism* di Malaysia bertopengkan satu buah parti politik yang tidak perlu saya beritahu. 'Tuan-tuan' boleh agak di mana gerakan-gerakan mereka menggunakan *proxies, camouflage and surreptitious enterprise*. Begitu *hidden* dan *tricky* yang susah untuk kita tuduh dan mereka menggunakan usaha-usaha ataupun cara-cara yang kita panggil *the art of deception*.

Buku ini mengatakan untuk pengetahuan Yang Berhormat, "*For over three decades Malaysia has been targeted by Christian Zionist group and the effort has gained momentum in the past five years*". Iaitu bermula dari tahun 2008. Ya, *Christian Zionism* di peringkat global, ia diketuai oleh *Zionism Israel*, "*for which Israel both ancient and modern is the divine trust and which is dedicated to moulding the country's Christians especially the Chinese into an effective Trojan horse*" *Be careful* sebab kalau ikut kata Helen Ng, orang Melayu jangan marah pada orang Cina. Orang Melayu boleh marah pada orang Cina *Christian Zionism* dari parti tersebut, helenng.wordpress.com. *menegaskan bahawa the Chinese is being moulded into an effective Trojan horse*.

Dengan itu saya hendak tegaskan bahawa sahabat-sahabat saya berketurunan Cina, kalau ikut kata buku ini, sahabat-sahabat kita yang *inclined* kepada parti tersebut, digunakan sebagai *Trojan horse*. Ini yang merbahaya. Ini bukan kata saya, ini kata buku. Itu buku yang pertama.

Bahkan di sini di dalam buku yang sama menegaskan, "*If effectively manipulated, the stability of this entire country will be in danger, it's going to be a tragedy for Malaysia. But it would be a particular tragedy for the Christian community whose many good souls would have been betrayed by the extremists among them.*" "*The Christian, you have good soul but you will be betrayed by this particular extremist*".

■1540

Yang lebih menakutkan untuk sahabat-sahabat saya orang Islam. Saya *quote* dari buku ini, saya tidak mahu sebut nama Exco tersebut. Beliau mengatakan, "*We just need fifty cells in missional ministry, would be enough to transform a city. In the process it is hoped the majority race would be converted to Christianity.*" Ini buku ya, Orang Putih tulis.

Satu buku lagi sebab saya kena cepat, banyak benda lagi saya nak cakap. Saya hendak perkukuhkan lagi—*supported by another book, iaitu 'The Tenth Parallel', by Eliza Griswold*. Dari segi *foreign interference*. "*American evangelical engagement - a new invasion of American Foreign Policy, and some evangelical groups who want to convert Muslims.*" *This book, by Eliza Griswold*.

Tadi buku yang pertama, ini buku yang kedua. Ini berkaitan dengan Amerika, dan di belakang Amerika itu ialah gerakan *Zionism* yang dipelopori oleh pelobi-pelobi dan orang-orang yang berketurunan Yahudi untuk menjahanamkan Islam di seluruh pelosok dunia. "*Buku ini juga menyokong lagi buku yang lain, Buku 'The Armies of God'. 'World evangelisation was firmly brought firmly into the US political and economic power complex which gave it access to virtually unlimited funding and shaped its secular orientation.*"

Kaitan dengan Zionist connection, "evangelical Christian politics become even more strongly identified with the Zionist cause." Ini saya kata *Christian Zionism—this is the Zionist cause. "Christian Zionism with its claim of scriptural support for Jewish state already had a long history."*

Third book, menegaskan "The whole world will wage war on Islam, Islam will slowly disappear unless Islam converts itself." Saya quote, word-by-word supaya kita tidak- supaya kita faham. Ya, saya hendak bukan sahaja orang Islam faham, orang bukan Islam pun kena faham...

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Bagi saya selepas ini, saya bagi peluang. Bagi saya hendak habis sikit lagi.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Boleh Yang Berhormat Tan Sri, boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri, ada orang nak mencelah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ya, bolehlah, bolehlah.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Oleh sebab perkara-perkara yang dibawa ini *diquote* daripada buku-buku yang saya pun tak pernah membacanya, barangkali elok Yang Berhormat Tan Sri cadangkan supaya JAKIM panggilkan satu persidangan penting melibatkan semua orang, kerajaan dan pembangkang, siapa sahaja untuk *verify* buku yang disebut oleh Tan Sri tadi sama ada betul-betul satu fakta yang benar ataupun satu *artificial* ataupun satu yang sama-samar begitu sahaja. Terima kasih. Bolehkah?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, terima kasih. Boleh.

Untuk pengetahuan, saya profesor dalam bidang politik dan kerajaan, kita bila saya beli buku, saya tak beli 'buku nyamuk'. Semua buku ini Tuan Yang di-Pertua, adalah *solid and complete with references*. Saya tidak akan beli 'buku nyamuk'. Bahkan buku-buku yang sama telah pun saya bentangkan di hadapan 1,200 orang guru di Kelantan. Saya ceritakan apa yang berlaku. Sebab masa tak ada, *this is very important*.

Saya quote, mengikut pula buku ini, "Mereka menentukan siapa yang layak menjadi pemimpin sesebuah negara. Pemimpin yang harus disingkirkan siapa yang layak bertahan hidup dan siapa yang harus mati. Kelompok ini disebut sebagai *New World Order* – Pemerintah Dunia Baru, kuasa-kuasa besar akan menentukan *The New World Order* akan menentukan iaitu kalau, "Saddam kamu patut mati.." Saddam kamu mati. "Gaddafi kamu patut mati..", kamu mati, dan selepas pemimpin Islam ini mati, apa berlaku kepada negara-negara ini, apakah mereka lebih maju? Apakah anak-anak mereka ada makanan tetapi sebaliknya kanak-kanak, wanita, orang tua terbunuh, dan mereka hidup dalam *poverty* yang amat menyedihkan pada hari ini.

Itu saya hendak menekankan dengan memberi tahu kita sekalian supaya kita rakyat Malaysia kena sedar tentang mainan politik global ini. Suka ataupun tidak suka, tuduhan mengatakan, ada *interference* daripada kuasa besar *100 percent confirmed*, dengan izin, *by all these books- 100 percent confirmed*. Apatah lagi sebagai Yang Berhormat-Yang Berhormat ulama yang sepatutnya faham dalam kes ini, saya sudah pasti 'tuan-tuan' dalam Dewan ini faham mainan *Freemason, Illuminati* dan *The New World Order*.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya yang sebenarnya- ikhlas supaya kita berbalik ke pangkal jalan, tidak kira Melayu, Cina, India, Sabah, Sarawak balik ke pangkal jalan. Negara kita sebuah negara yang harmonis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang memperkasakan institusi Dewan Negara. Saya mengambil kesempatan- kerana saya tahu Tuan Yang di-Pertua apabila mengambil jawatan telah menegaskan bahawa matlamat utama Tuan Yang di-Pertua adalah untuk memastikan bahawa Dewan Negara tidak dianggap sebagai satu buah institusi pengesah semata-mata ataupun, "*rubber stamp*" institusi dan saya percaya, ramai rakyat kita yang patriotik berhasrat untuk menyokong apa yang diperkatakan Tuan Yang di-Pertua, dan saya di sini dengan masa yang singkat Tuan Yang di-Pertua bagi kebenaran kepada saya, saya ingin mencadangkan beberapa perkara untuk memperbaiki, memastikan kita dapat memperkasakan institusi Dewan Negara kita ini.

Seperti yang kita sedia maklum, bahawa Perlembagaan memainkan peranan yang cukup penting. Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara menjelaskan empat fungsi berikut untuk Dewan Negara, iaitu:

- (i) fungsi perundangan ataupun *legislative* untuk menggubal, meluluskan serta meminda undang-undang;
- (ii) fungsi mewakili Persekutuan Malaysia kerana terdiri daripada perwakilan daripada 13 negeri-negeri Malaysia serta Wilayah Persekutuan;
- (iii) fungsi perwakilan sektor supaya membolehkan rakyat yang berpengalaman dan mempunyai pengkhususan serta ahli-ahli minoriti dan Orang Asli untuk mewakili demografi mereka di Parlimen tanpa memerlukan proses pilihan raya; dan
- (iv) fungsi perundingan untuk memeriksa dasar kerajaan dan menghadkan kuasa pihak eksekutif.

Akan tetapi malangnya, fungsi-fungsi Dewan Negara tersebut tidak terserlah potensinya. Kita lihat contohnya dalam fungsi keahlian. Berdasarkan Artikel 45, Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negara terdiri daripada 44 orang Senator yang dilantik secara langsung serta 26 orang Ahli yang dicalonkan masuk secara tidak langsung. Artikel 45(4) pula memberi ruang dan kemungkinan untuk menambah jumlah Senator negeri daripada dua kepada tiga.

Klausa ini juga memberi kuasa untuk seorang Senator negeri diundi terus kepada Dewan Negara. Sebelum ini, penggal seorang Senator yang dilantik adalah selama enam tahun. Akan tetapi pada tahun 1978, tempoh seorang Senator dipinda menjadi tiga tahun dengan hanya satu peluang untuk pembaharuan dan penjawatan semula. Pindaan ini telah secara tidak langsung mengganggu keseimbangan kuasa berpihak kembali kepada pihak eksekutif dan juga menjejaskan kebebasan dan keberkesanan tugas seorang Senator.

Kita lihat pula fungsi perundangan. Dewan Negara merupakan sebuah komponen penting institusi Parlimen dan tertakluk kepada Artikel 68. Segala rang undang-undang dan bil-bil Parlimen mestilah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Dewan Negara sebelum ia boleh diwartakan. Hakikat ini patut diberi lebih penekanan terutamanya apabila berkaitan dengan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Apabila suatu rang undang-undang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan dikemukakan kepada Dewan Negara, Dewan Negara mempunyai tiga kuasa berikut, iaitu:

- (i) kuasa penyemakan. Dewan Negara dibenarkan untuk menyemak dan memperbaiki rang-rang yang telah dihantar kepadanya;
- (ii) Dewan Negara tidak diwajibkan untuk meluluskannya hanya kerana ia telah menjalani proses yang terdahulu di Dewan Rakyat. Sebagai Dewan bahas yang kedua, Dewan Negara mempunyai peluang untuk membuat pertimbangan yang lebih matang...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat saya minta laluan sikit, boleh? Sekejap sahaja, boleh?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon..

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Untuk mengganggu sedikit, bukan mengganggu apa. Yang Berhormat, saya rasa kalau kita cakap soal Ahli Dewan Negara ini boleh tak Yang Berhormat kalau bersetuju dengan saya, supaya kita cadangkan agar *term* kita ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *term* ini kita lanjutkan satu penggal lima tahun. Dimasukkan sekali *instead of* satu penggal tiga tahun, dua penggal enam tahun.

■1550

Ada yang satu penggal kena balik, pencen belum pun sempat hendak menimba pengalaman yang luas kerana kalau kita lihat dalam setahun kita bersidang, tidak sampai sebulan pun Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau boleh, boleh tidak kita- saya cadangkanlah dimasukkan satu penggal lima tahun. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa di bawah kepimpinan Tuan Yang di-Pertua yang baru, saya rasa dan yakin beliau amat prihatin dan beliau akan membawa perkara ini ke atas. Kita sebagai Dewan Negara saya rasa memang inilah masanya untuk kita bersatu dan memperjuangkan supaya Dewan Negara ini dapat diperkasakan pada masa-masa hadapan, *insya-Allah*.

Kedua, kuasa penangguhan tertakluk kepada Artikel 68, Dewan Negara boleh menangguhkan rang undang-undang Dewan Rakyat, *bill* kewangan boleh ditangguhkan selama sebulan dan segala *bill* yang lain boleh ditangguhkan selama setahun. Kuasa menolak, ada kemungkinan besar bahawa ramai Senator Dewan Negara tidak sedar yang dengan pengecualian kepada *bill* kewangan, Dewan Negara dibenarkan untuk menolak sesuatu *bill* daripada Dewan Rakyat. Walau bagaimanapun, jika Dewan Rakyat berhasrat untuk memintas Dewan Negara, Artikel 68 membenarkan ia berlaku tertakluk kepada dua syarat berikut:

- (i) Dewan Rakyat perlu menunggu selama satu tahun selepas perbahasan pertama rang undang-undang di Dewan Rakyat; dan
- (ii) Dewan Rakyat perlu meluluskan semula rang undang-undang tersebut untuk kali kedua.

Hanya dengan melalui syarat-syarat ini barulah Dewan Rakyat dibenarkan memintas Dewan Negara.

Pembaharuan prosedur perundangan. Bagi tujuan pelaksanaan fungsi perundangannya, Dewan Negara dibenarkan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Perundangan, *Select Committee of Legislation* untuk memudahkan penyemakan dan pembaikan rang undang-undang ataupun *bill* Dewan Rakyat. Jawatankuasa ini dibenarkan untuk menjemput pakar bidang tersebut ataupun peguam mahupun seorang ahli akademik untuk menasihati Dewan Negara mengenai kandungan dan implikasi sesuatu rang undang-undang ataupun *bill* Dewan Rakyat.

Dewan Negara juga mempunyai peluang untuk melaksanakan satu fungsi yang amat berguna iaitu penelitian perundangan subsidiari yang dirangka oleh pihak Eksekutif di bawah naungan Parlimen. Melalui satu Jawatankuasa Penelitian Undang-undang Subsidiari iaitu *Scrutiny Committee on Subsidiary Legislation*, Dewan Negara akan berpeluang untuk menyemak dan meneliti undang-undang subsidiari, satu tugas yang kurang diperhatikan oleh Ahli-ahli Dewan Terhormat ini. Jawatankuasa tersebut juga boleh dilaksanakan sebagai satu tanggungjawab bersama di antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Perwakilan negeri-negeri dilakukan melalui pelantikan dua Senator daripada setiap negeri. Dewan Negara menjalankan satu tugas yang penting iaitu Perwakilan Negeri supaya menjaga dan membela hak-hak dan kesejahteraan negeri masing-masing di peringkat Persekutuan. Kerjasama yang lebih kukuh di antara Senator dan kerajaan negeri masing-masing diperlukan jika rintihan dan permintaan rakyat ingin ditangani dengan lebih berkesan. Dalam aspek perwakilan kumpulan khas pula. Terdapat golongan profesional yang berkecualan yang tidak berminat untuk menceburi arena politik sepenuh masa. Walau bagaimanapun, golongan ini masih mempunyai peluang untuk menyumbang kepada proses perundangan jika mereka dilantik sebagai Senator di bawah Artikel 45(1), Perlembagaan Persekutuan.

Fungsi perundangan. Kedua-dua Dewan Parlimen, Dewan Rakyat dan Dewan Negara mempunyai fungsi penting sebagai salah satu perlindungan Perlembagaan apabila berkaitan dengan penyemakan serta menghadkan kuasa kerajaan. Matlamat ini tercapai melalui tempoh persoalan, *question time* di mana Menteri-menteri kerajaan mesti membekalkan maklumat, menjawab soalan serta mewajarkan dasar-dasar yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan. Dewan Negara membahaskan isu-isu semasa dan berkebolehan untuk memberi pendapat kedua kepada pihak kerajaan apabila berkaitan dengan perkara-perkara yang melibatkan kepentingan negara.

Untuk membantu fungsi perundangan Dewan Negara dilaksanakan, satu Jawatankuasa, jabatan boleh ditubuhkan dengan tujuan memantau kementerian-kementerian di bawah pengawasannya. Namun, perkara ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Parlimen di Malaysia mahupun di dalam Dewan Rakyat.

Kelemahan-kelemahan yang diterangkan telah mengundang kritikan daripada pihak-pihak tertentu yang menyatakan bahawa konsep suatu Dewan yang tidak diundi masuk, suatu konsep yang kuno dan tidak mempunyai tempat di dalam sebuah negara yang mempunyai Perlembagaan moden yang berasaskan prinsip demokratik.

Namun demikian, kritikan ini tidak berpandangan jauh kerana melalui pembaharuan yang sesuai kepada Dewan Negara ia boleh kembali memainkan peranan yang penting dalam institusi Parlimen seperti yang sudah pun berlaku di United Kingdom dengan menaik taraf *House of Lords* yang selaras fungsinya dengan Dewan Negara. Saya akan memberikan cadangan pembaharuan, sepuluh cadangan untuk pembaharuan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Kalau begitu saya baca satu persatu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa, kita ada masa. Saya hendak tanya Tan Sri, yang Tan Sri buat itu analisa sendiri atau dari sesebuah buku?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Ini saya memanggil satu mesyuarat dengan pakar Perlembagaan. *Took me about a week to sit down* dan saya buat *reference*.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah. Saya hendak merakamkan tahniah lah kepada Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan sambung.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Pembaharuan yang saya cadangkan. Pertama, sesi serentak dengan Dewan Rakyat. Bagi memartabatkan peranan Dewan Negara, amalan semasa iaitu mengadakan sidang Dewan Negara pada penghujung sesi Dewan Rakyat ataupun selepas satu sidang Dewan Rakyat haruslah dielakkan. Tiada sebarang sebutan sekalipun dalam undang-undang yang menyatakan bahawa Dewan Negara dan Dewan Rakyat tidak boleh bersidang pada masa yang serentak untuk melaksanakan fungsi Perlembagaan masing-masing.

Kedua, mengemukakan rang undang-undang ataupun *bill*. Tiada sebarang kekangan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk menghalang Dewan Negara mengemukakan sesuatu rang undang-undang ataupun *bill*. Jika rang undang-undang tersebut tidak bersifat isu politik dan bukan suatu *bill* kewangan, ia boleh dikemukakan di Dewan Negara terlebih dahulu dan kemudiannya dihantar kepada Dewan Rakyat untuk pertimbangan selanjutnya.

Ketiga, Jawatankuasa Perundangan Khas. Bagi melancarkan fungsi perundangannya untuk meneliti dan memperbaiki undang-undang daripada Dewan Rakyat, Dewan Negara haruslah mewujudkan amalan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perundangan Khas dari semasa ke semasa. Jawatankuasa ini dibenarkan untuk menjemput pakar bidang tersebut untuk memberikan pandangan dan penelitian yang lebih lanjut kepada rang undang-undang daripada Dewan Rakyat.

Keempat, Pengawalan Perundangan Subsidiari. Dewan Negara boleh menyumbang kepada pengukuhan Parlimen dengan meneliti perundangan subsidiari yang dirangka oleh pihak Eksekutif. Pada masa kini, perangkaan perundangan subsidiari oleh pihak Eksekutif tidak diawasi oleh Parlimen melalui satu Jawatankuasa Penelitian Undang-undang Subsidiari. Dewan Negara boleh memastikan perundangan subsidiari di bawah kawalan dan seliaan yang berpatutan. Perkara ini kurang diperhatikan oleh Dewan Rakyat dan jawatankuasa tersebut boleh dilaksanakan sebagai tanggungjawab bersama di antara Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Kelima, Jawatankuasa Khas. Bagi membantu fungsi perundingannya untuk mengehendak dan menyemak untuk mengimbangi kuasa pihak Eksekutif. Dewan Negara hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang khususnya mengendalikan isu-isu kepentingan negara seperti isu alam sekitar, kelestarian dan keamanan negara dan isu yang berkaitan dengan globalisasi dan kesan kepada negara.

Keenam, Senator Negeri. Artikel 45(4) membenarkan penambahan bilangan Senator Negeri dari dua, ke-tiga orang Senator untuk setiap negeri. Ia merupakan tindakan wajar jika Senator Negeri dicalonkan secara langsung daripada proses pengundian seperti yang disarankan di dalam Artikel 45(4).

Ketujuh, tempoh perkhidmatan. Sebelum ini, Senator yang dilantik untuk memegang jawatan tersebut akan berkhidmat selama enam tahun. Pada tahun 1978, tempoh ini telah bertukar kepada tiga tahun dengan kemungkinan untuk satu perjawatan semula. Pindaan ini telah mengganggu keseimbangan kuasa kembali kepada pihak Eksekutif dan menjejaskan kebebasan dan keberkesanan para Senator.

■1600

Kelapan, pembantu penyelidik seperti kebanyakan negara demokrasi yang lain, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara perlu disediakan dengan kakitangan peribadi dan pembantu penyelidik supaya membolehkan para Yang Berhormat untuk melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan.

Kesembilan, institut. Sama seperti institusi seperti ILKAP atau INTAN, sebuah institut harus ditubuhkan untuk melatih Ahli Parlimen dan Senator mengenai tugas dan kuasa seorang Ahli Parlimen.

Kesepuluh, meningkatkan bilangan sidang Parlimen. Bilangan persidangan pada setiap tahun harus ditingkatkan supaya memberi peluang kepada Senator untuk menangani peningkatan dan perluasan skop kerja seperti yang dihasratkan dalam cadangan di atas.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Demikian 10 cadangan yang ingin saya utarakan pada kali ini agar dapat memperkasakan lagi Dewan Negara kita yang mulia ini agar ia tidak dianggap lagi sebagai *rubber stamp*. Sekian, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Dipersilakan.

4.01 ptg.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan ruang untuk turut berbahas dalam Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan. Di mana bajet kali ini begitu prihatin dan komited untuk diuruskan secara berhemah dan kreatif demi menjamin kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah yang memperjuangkan hak-hak Senator. Saya rasa amat baik dengan *research* yang dibuat, tahniah Yang Berhormat Senator Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua saya rasa ramai di kalangan Senator telah menyentuh banyak topik-topik yang saya anggap amat baik yang mana saya pada hari ini hanya akan menyentuh dari segi keluhan dan juga rungutan daripada pihak bawah iaitu daripada pihak masyarakat di bawah yang mana kenaikan harga barang yang kita rasakan ianya sedikit menggugat dan dirasai oleh rakyat-rakyat kita di bawah. Khusus yang berpendapatan rendah dan juga yang sederhana dan juga kepada mereka yang majoritinya menetap di kawasan-kawasan bandar.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang saya rasa sentiasa prihatin dan memberi pengiktirafan khususnya kepada kakitangan awam. Ini yang mana kita lihat saban tahun kakitangan awam ini ada kalanya diberi bonus pada hujung tahun, diberi kenaikan gaji bagi membantu kekangan, bebanan kehidupan kakitangan awam khususnya.

Akan tetapi persoalannya kalau kita tengok setiap tahun apabila ada bonus, apabila ada kenaikan gaji pada masa yang sama kenaikan harga barang juga naik. Jadi saya rasa ada kalanya betul kita bagi *benefit*, dengan izin, kepada rakyat tetapi masa yang sama bila barang naik maknanya tidak ada *benefit* itu sudah. Jadi apabila gaji naik barang pun naik jadi dimanakah kelebihan kepada rakyat kita untuk menabung untuk masa hadapan mereka? Jadi saya rasa ini satu perkara yang harus dilihat secara inklusif oleh kerajaan, bagaimana kerajaan dapat membantu untuk mengawal situasi yang sedemikian supaya harga barangan ini dapat dikawal khususnya barangan-barangan asas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai konsep ekonomi, dengan izin, kita kata konsep *demand and supply*. Jadi saya rasa untuk kita membantu ekonomi kita, kita harus faham sekiranya *supply* itu banyak *demand*-nya kurang maknanya automatik harga barangan akan turun. Harga barangan atau harga servis akan turun. Jadi saya ingin mengambil contoh yang amat mudah kalau kita tengok dahulu kita hanya ada *Malaysian Airlines* sahaja iaitu MAS jadi suka tidak suka kita kenalah naik MAS ke destinasi yang dituju. Akan tetapi sekarang kita sudah ada *Firefly*, kita sudah ada *Malindo*. Jadi kita boleh tengok kadar tambang itu semakin rendah dan boleh katakan semua rakyat kita dapat manfaat daripada kadar harga tersebut disebabkan banyak, maknanya banyak syarikat yang menawarkan jadi ada kompetitif jadi ia menyebabkan keuntungan kepada rakyat.

Jadi saya rasa di pihak kementerian kita harus mengkaji bagaimana kita dapat mengurangkan *monopolization* ini, dengan izin. Maknanya kita tidak mahu kita monopoli kepada sesuatu syarikat supaya kadar harga barangan dan juga perkhidmatan dapat kita kurangkan. Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Komunikasi yang mana kita difahamkan buat masa ini *service provider* kita hanyalah kepada ASTRO sahaja. Jadi mungkin adakah Kementerian Komunikasi bercadang agar *service provider* ini dapat diperbanyakkan kepada syarikat-syarikat lain supaya harganya dapat diturunkan dan tidak dimonopoli hanya kepada satu buah syarikat sahaja.

Begitu juga kita lihat kepada barangan-barangan lain sebabnya saya rasa untuk jangka masa panjang kita harus membuang masalah *monopolization* ini sebab kita ingin membantu rakyat mengatasi kesan ekonomi dunia yang memberi kesan juga kepada ekonomi rakyat di bawah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang saya rasa cuba untuk membantu khususnya pihak-pihak nelayan. Persoalannya sekarang saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian sebab suatu masa dahulu kita cuba menghapuskan orang tengah di kalangan nelayan supaya nelayan ini dapat keuntungan yang lebih daripada penjualan mereka bukan orang tengah yang mendapat keuntungan yang lebih. Jadi soalan saya sekarang kepada Kementerian Pertanian, apa kesannya, dan adakah ianya berkesan impaknya, dan apakah status terkini dalam usaha kita untuk membantu para-para nelayan.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian mengenai keadaan *food stock* sebab terdapat artikel yang mengatakan pada tahun 2050 kita akan menghadapi masalah bekalan makanan di seluruh dunia, bukan sahaja di Malaysia. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian khususnya bekalan seperti beras dan gula. Jadi apa persiapan kita, persiapan jangka panjang dan persiapan jangka pendek bagi kita menghadapi masalah *food stock* yang akan kita capai pada tahun 2050.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada segi dasar kerajaan kita, kerajaan kita mempunyai dasar yang pada hemat saya sesuatu yang sangat-sangat baik. Kita mempunyai rang undang-undang dari segala aspek tetapi ada kalanya daripada segi pelaksanaannya kita agak lemah. Jadi saya ingin memberi contoh baru-baru ini di bawah Kementerian Pertanian kita ada agensi seperti FAMA, MARDI dan SIRIM yang mana agensi ini dapat membantu usahawan-usahawan khususnya usahawan-usahawan di luar bandar untuk memasarkan produk-produk mereka ke luar negara dengan lebih baik dan lebih efisien. Akan tetapi malangnya saya ada satu kes yang mana saya membantu membuat surat kepada FAMA, MARDI dan SIRIM sehingga tiga bulan, sampai ke sekarang ini tidak ada sebarang jawapan daripada agensi-agensi kerajaan.

Jadi saya rasa pelaksanaan di peringkat kementerian ini sangat-sangat lemah. Saya rasa seharusnya kementerian harus mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa sebarang permohonan daripada masyarakat di bawah harus diberi perhatian yang serius dan kemudahan-kemudahan ini dapat direalisasikan.

Oleh sebab apa yang membimbangkan kita sekarang kerajaan sentiasa prihatin, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa memberi insentif-insentif untuk rakyat-rakyat kita untuk berniaga, untuk graduan-graduan kita berniaga. Akan tetapi malangnya pelaksanaannya di peringkat kementerian-kementerian saya rasa sangat-sangat lemah dan harus kita kaji semula di manakah silapnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian KPDNKK mengenai penglibatan warga asing yang berniaga di negara kita. Saya rasa ramai di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara khususnya Senator yang biasa ke *Kenanga Mall* khususnya Senator-senator yang wanita.

■1610

Jadi di *Kenanga Mall* ini kita boleh dapat banyak barangan-barangan pada kadar harga yang agak murah dan ia barangan-barangan wanita seperti tudung, jubah, macam-macam.

Dari *Penang*, juga saya ke *Kenanga Mall* di KL hendak tengok betul kah tidak. Yang menjadi kerisauan kita sebab saya ke sebuah kedai yang menjual beg-beg- jadi kita hendak belilah beg perwakilan inikan, beg-beg ini. Jadi *owner* kedai itu bila saya tanya, sebab kita hendak beli beg ini dalam 300 kuantiti, agak banyak, jadi kita panggil *owner* dia. Dan saya agak terkejut apabila *owner* dia dari negara China... [Disampuk] Ha, ada orang jawab ya kan. Dari negara China. Jadi saya tanya dia, dengan izin, "Who's the owner of this shop?" Dia kata, "I'm the owner." Saya duk fikir "Where are you from?" Dia kata "I'm from Guangzhou." Saya fikir kenapa seorang warga China boleh memiliki perniagaan di Malaysia? Jadi ini sudah tidak betul. Jadi saya rasa mungkin lesen dia lesen orang lain tetapi dia *owner*-nya.

Seterusnya, yang berniaga di luar itu warga Indonesia dan Bangladesh. Dan yang membelinya pula saya, orang Malaysia. Jadi saya rasa apa dah jadi? Takkan kita di negara kita, kita ada ramai usahawan kita khususnya usahawan bumiputera kah, usahawan daripada kalangan bangsa Cina kah, India kah yang boleh berniaga tetapi kenapa kita tidak pantau masalah ini sampai satu *Kenanga Mall* itu saya rasa pemiliknya kebanyakannya dari luar negara.

Jadi saya mohon penjelasan daripada Kementerian KPDNKK untuk menjawab dan saya hendak tahu, berapa kerap pemantauan dibuat? Adakah mereka tahu mengenai masalah ini? Dan saya rasa apakah tindakan yang telah diambil atau yang akan diambil? Sebab, saya rasa kalau jadi kejadian seumpama ini, kita harus mengambil tindakan segera, lesen harus ditarik.

Kita juga tahu ramai peniaga-peniaga di Malaysia ini susah khususnya bumiputera yang ingin berniaga di negara kita tetapi peluang ini kita tidak bagi kepada orang kita, kita bagi kepada orang lain. Saya ingat ramai usahawan khususnya wanita, kita pun hendak mencapai 30 peratus sekarang usahawan wanita. Jadi, bagi peluang. Kalau orang lelaki tidak mahu berniaga, orang perempuan hendak berniaga.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Minta celah sedikit, Yang Berhormat. Boleh?

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Okey, sedikit.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah pandangan Yang Berhormat kalau kerajaan mengenakan tindakan tegas kepada pemilik-pemilik premis ini yang memberikan premis dia untuk digunakan oleh warga asing ini? Kerana kalau kita tengok, isunya tak selesai. Asyik berulang dan berulang. Saya rasa perlu dirangka satu undang-undang yang lebih tegas untuk pemilik-pemilik premis ini yang berikan kepada warga asing. Terima kasih.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Macam mana yang saya jelaskan tadi, kita mempunyai rang undang-undang kadangkalanya tetapi pelaksanaan kita agak lemah. Jadi pelaksanaan ini yang harus kita titik beratkan dan kita kuatkan sedikit kita punya tindakan supaya mereka takut dan ia tidak berulang berkali-kali.

Seterusnya lagi satu saya ingin menyentuh mengenai *statement* yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Negara yang saya rasa sangat baik yang mana dalam *statement* beliau, ini ada saya bincang dengan rakan-rakan saya Senator di luar tadi yang mana setiap kontrak ataupun tender yang akan dibuat, bagi menilai itu perlulah ada wakil dari Jabatan Audit dan juga wakil daripada SPRM.

Kalau kita tengok sekarang ini pelbagai masalah di peringkat kementerian, ada kalanya memberi sedikit persepsi yang agak negatif kepada rakyat. Jadi kita hendak mengelakkan persepsi itu, jadi saya rasa KSN telah mengeluarkan satu *statement* yang saya rasa amat baik bagi menilai kontrak-kontrak yang besar perlulah kita ada wakil dari Jabatan Audit dan juga wakil daripada SPRM dalam *tender board*.

Cuma yang saya difahamkan, ada satu projek yang dinamakan LRT3 yang mana projek ini sekarang dalam proses untuk membuat keputusan tetapi ia menjurus kepada kontraktor yang dari luar negara, bukan daripada kontraktor warga Malaysia. Saya juga difahamkan ada ramai kontraktor yang masuk bertaraf Bumiputera dari Malaysia yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dan boleh melaksanakan projek ini.

Jadi saya rasa di peringkat kementerian, kita harus mengkaji dan kita dapatkan pandangan dan juga wakil-wakil yang arif supaya tidak ada penyalahgunaan kuasa dalam penawaran tender kepada projek-projek yang besar seperti ini. Jadi saya mohon kepada pihak kementerian sebab buat masa ini kita faham dengan keadaan negara kita, kita hendak negara kita harmoni dan kita mempunyai pelbagai rang undang-undang, jadi kita hendak pastikan bahawa pelaksanaan itu mengikut sebagaimana yang disarankan oleh pihak yang bersangkutan. Seperti macam KSN kata itu haruslah kita ambil perhatian.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, atas dasar kemanusiaan, saya mengucapkan tahniah kepada kepimpinan sedia ada yang begitu prihatin untuk membantu dan memberi perlindungan kepada pelarian Rohingya. Saya difahamkan ramai di kalangan pelarian ini memegang kad UNHCR yang mana kad ini dikeluarkan di bawah *United Nations*.

Cuma persoalan saya, saya difahamkan juga ada sebuah agensi yang mengeluarkan kad UNHCR ini kepada semua orang. Jadi kita hendak tahu sama ada adakah kementerian menyasat perkara ini? Dan bagaimana kita dapat menangani supaya ia tidak diambil kesempatan oleh orang luar untuk masuk ke Malaysia dengan mudahnya? Ada agensi bagi kad ini, dia boleh berjalan dengan bebas di negara kita. Jadi saya mohon kementerian, adakah betul khabar angin yang dikhabarkan bahawa ada agensi yang mengeluarkan kad ni kepada pelarian-pelarian yang masuk ke negara kita?

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, berapakah jumlah kerajaan membelanjakan bagi memberi perlindungan kepada pelarian yang masuk ke negara kita? Adakah kerajaan mempunyai kaedah ataupun inisiatif agar pelarian ini kita mencari pengkhususannya dan kita boleh guna pakai dia untuk membantu kerja-kerja yang dapat dibuat di negara kita? Sebagai contohnya, kalau kita simpan mereka ini dalam kita punya kem-kem tahanan ini, makan minum dia kita hendak kena tanggung. Jadi saya rasa kerajaan telah membelanjakan satu jumlah yang besar untuk menanggung pelarian ini yang mana ia satu kos kembali kepada kerajaan.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kaedah sebab, kadangkala pelarian ini mempunyai beberapa kemahiran, sesuatu kemahiran yang mana kita boleh guna pakai di bidang *construction* kah, di bidang jahitan kah, bidang masakan kah. Jadi daripada kita hendak bawa masuk warga luar ke negara kita, mungkin kita boleh gunakan yang mana ada di kem ini diguna pakai dalam perniagaan kita dan kewangan yang mereka dapat itu tak perlulah kita menanggung mereka lagi. Jadi saya rasa adakah kerajaan memikirkan kaedah bagaimana untuk mengurangkan kos kepada kerajaan untuk menyara pelarian dalam kem tahanan.

Jadi saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim. Satu pandangan yang baik dan perlu diberi perhatian sebaik-baiknya. Saya sekarang ingin menjemput Yang Berhormat Senator Siti Aishah Shaik Ismail. Dipersilakan.

4.18 ptg.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Baik, terima kasih. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim...* [Membaca sepotong doa]

Yang saya muliakan Tuan Yang di-Pertua, seluruh teman-teman Ahli Dewan. Apa yang akan saya sentuh dalam perbahasan Belanjawan 2017 ini ialah perkara-perkara yang terus kepada isu soal kebajikan dan hak rakyat yang perlu dilihat secara teliti dan diselesaikan sebaiknya oleh pihak kerajaan.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal pendidikan. Kita sedia maklum tentang kesan ekonomi di negara ini yang semakin menekan khususnya kepada rakyat di bawah. Pertamanya soal pendidikan di negara ini yang menjadi tunjang kepada masa depan negara. Namun, saya sedikit terkilan apabila melihat kepada peruntukan yang diberikan yang memperlihatkan penurunan yang agak ketara dan ia melibatkan hampir lebih daripada 10 buah universiti di dalam negara kita. Sedangkan, ada kenaikan-kenaikan yang berlaku di kementerian-kementerian yang tidak sepatutnya. Akan tetapi bila kita lihat kepada kementerian yang melibatkan pendidikan, penurunan itu satu perkara yang kita tidak menjangkakan dan hakikatnya ia berlaku.

■1620

Namun saya tertarik dengan isu yang mana peruntukan pembangunan bagi Kementerian Pendidikan Tinggi yang meningkat kebanyakannya disalurkan kepada UiTM iaitu sebanyak 30.58 peratus daripada jumlah yang diperolehi. Ini kerana perbelanjaan pembangunan bagi empat buah dari lima buah universiti penyelidikan terpaksa dikurangkan. Persoalannya mengapa jumlah sebanyak itu diberikan kepada UiTM? Boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri memperincikan kegunaan serta mengapa bagi universiti lain dikurangkan?

Perkara kedua yang juga ingin saya sentuh ialah isu pendidikan, pembelajaran TVET dalam Belanjawan 2017. Ia disebut peruntukan diberi sebanyak RM4.6 bilion, diperuntukkan kepada institusi-institusi TVET di negara ini. Akan tetapi bagi saya dalam kejayaan yang sedia ada, kita menghadapi cabaran yang lebih utama iaitu kita kekurangan latihan kemahiran yang berkaitan dengan kurikulum yang saya boleh sifatkan apa yang berada dalam TVET itu ada separuh daripadanya ialah pembelajaran sudah ketinggalan zaman.

Kita lihat bagaimana kita daripada segi kurikulum yang ada, kemahiran insaniah yang lemah terutamanya yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Inggeris dalam kurikulum TVET itu sendiri. Ini perkara yang mewujudkan jurang perbezaan antara sekolah dan industri yang mana kemahiran yang disampaikan oleh industri pendidikan dan latihan dilihat tidak seiring dengan apa yang industri, bidang pekerjaan inginkan.

Saya merujuk kepada kenyataan daripada Persatuan ICT Kebangsaan Malaysia yang mengatakan hanya 10 peratus graduan mendapat pekerjaan di sektor ICT. Sebanyak 10 peratus pelajar yang belajar di TVET keluar- di politeknik kemahiran ini hanya 10 peratus yang habis dapat kerja. Baki ini kata mereka 90 peratus perlu digilap lagi kemahiran mereka sebelum diberikan pekerjaan. Untuk itu saya menyarankan kepada kementerian agar *syllabus* TVET ini ditambah baik dan diperbaiki agar bakal-bakal graduan yang ada ini akan mendapat peluang yang lebih cerah dalam persaingan pekerjaan yang semakin mencabar.

Masih dalam isu pendidikan Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan isu Institut Pendidikan Guru (IPG) yang setakat ini dalam pengetahuan kita ada 27 buah di seluruh negara. Akan tetapi ada dinyatakan berapa daripadanya akan diubahsuai. Saya membaca kenyataan Menteri yang menafikan bahawa IPG ini akan diubahsuai kepada kursus aliran TVET tetapi akan diubahsuai kepada IPG yang menawarkan pelbagai aliran. Saya mengucapkan terima kasih kerana ini satu usaha yang baik. Akan tetapi kita masih lagi menerima hakikat dan sebenarnya ramai yang bersedih dengan penutupan dua buah IPG iaitu Kampus Raja Melewar di Negeri Sembilan dan Kampus Tuanku Bainun di Pulau Pinang yang disifatkan sebagai dua buah kampus yang paling tua, yang melahirkan terlalu banyak guru di seluruh negara yang sumbangannya itu sumbangan yang tidak terhingga. Akan tetapi dinyatakan akan diubahsuai menjadi Pusat Permata Pintar dan Berbakat.

Soalan saya ialah apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk meningkatkan jumlah guru yang kita sedia maklum negara ini kekurangan jumlah guru untuk disalurkan ke seluruh negara. Saya juga ingin bertanya, adakah kementerian bercadang untuk mempermudah permohonan tukar sekolah oleh guru-guru yang dihantar jauh ke kawasan pendalaman? Apakah kategori-kategori yang membolehkan mereka termasuk dalam senarai pindah?

Ini isu besar Tuan Yang di-Pertua sebab selalu dibangkitkan oleh teman-teman yang dihantar ke kawasan pendalaman. Mereka dahulu kalau bujang bolehlah duduk jauh tetapi bila sudah berumah tangga, ada isteri yang bersalin dan ada guru wanita yang di pendalaman yang mengandung, jauh daripada suami dan bila minta tukar, prosesnya lambat. Jadi saya kira perlu ada kategori-kategori yang didahulukan oleh pihak kementerian agar proses itu baik dan mereka ini mendapat manfaat yang bersama.

Perkara kedua yang saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua ialah isu permasalahan perubatan di negara kita. Saya ingin membangkitkan soal permasalahan institusi perubatan di negara ini yang dilihat semakin meruncing. Kita berdepan dengan masalah ubat-ubatan dan kini kita dibebankan- rakyat dibebankan dengan kenaikan kos perubatan termasuk kenaikan Wad 1 dan Wad 2, yang dijangkakan akan berkuat kuasa Disember 2016 ataupun Januari 2017. Apa yang pastinya bagi saya akan memberikan sedikit kesan kepada rakyat yang sentiasa menggunakan Wad 3. Pergilah ke seluruh negara, tengoklah keadaan Wad 3 yang seakan-akan lapangan perang. Kita boleh tengok macam mana seorang yang sakit terpaksa dihantar pulang hanya kerana Wad 3 tidak boleh memuatkan lagi pesakit yang sedia ada di dalam wad tersebut.

Jadi saya mengharapkan perkara ini dipandang penting. Hendak naik wad satu atau wad dua pada yang berkemampuan boleh tetapi fikirkan juga cara bagaimana Wad 3 ini diselesaikan. Kalau perlu tambah wad, tambah wad. Kalau perlu tutup Wad 2, tutup Wad 2, memperbesar Wad 3. Apa yang penting rakyat yang sakit ini mendapat rawatan yang sebetulnya.

Saya hendak menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua. Kira-kira dua bulan, tiga bulan yang lepas anak saya tidak sihat, saya bawa ke Hospital Batu Gajah. Doktornya bagus, *nursenya* bagus tetapi wad itu kurang selesa. Kebanyakan ibu bapa yang ada itu satu wad-bilik itu ditempatkan hampir tujuh orang, lapan orang. Itu baru anak-anak. Belum lagi mak ayah yang datang melawat. Jadi ini memberikan ketidakselesaan kepada yang sakit dan yang menunggu pesakit.

Apa yang lebih malang ialah bila *discharge*, ada orang yang terpaksa tunjukkan surat dia bekerja. Dia datang, dia pergi ke jabatan bayaran, jabatan bayaran minta dia fotostat IC dia. Dia tidak tahu bila pergi, kemudian dia diberitahu tuan kena fotostat IC. Dia kata saya tidak ada mesin fotostat, saya fotostat dekat sinilah dia kata. Hospital Batu Gajah kata, bahagian pembayaran kata "*Maaf, kami tidak disediakan dengan mesin fotostat. Tolong keluar fotostat di luar, bawa masuk*". Dia ini seorang ayah tua berumur 69 tahun yang berjalan kaki ke hospital, hendak tengok anak dia yang sakit. Akan tetapi bila dia cakap, "*Macam mana saya hendak pergi? Duit tidak ada hendak naik teksi hendak bayar ulang-alik, hendak masuk balik hospital.*" Jadi ini saya minta kementerian teliti, tengok prasarana-prasarana di hospital-hospital ini agar ia tidak kembali membebankan rakyat.

Saya juga hendak sebut apa usaha kerajaan— yang pertama ialah soalan saya, langkah drastik yang diambil oleh kementerian untuk memastikan permasalahan kebanjiran pesakit wad tiga ini diselesaikan. Kedua, apakah kewajaran yang menyebabkan kementerian menaikkan kadar bayaran wad satu dan wad dua? Adakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf hospital-hospital yang ada ini agar ia menjadi sumber sokongan supaya kebergantungan kepada hospital besar contohnya Hospital Batu Gajah dan Hospital Ipoh itu- Hospital Ipoh ini *main hospital*, Hospital Batu Gajah ini hospital daerah. Kalau ia dinaiktarafkan, saya yakin orang tidak hanya tertumpu kepada sebuah hospital besar sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kebajikan warga emas. Kita sedia maklum kesan ekonomi negara ini juga turut mempengaruhi warga emas yang mana ia juga harus diberikan perhatian dan pengkhususan yang baik. Isu bagaimana rumah-rumah penempatan warga emas ini yang ada di antaranya terabai dan daif. Isu bagaimana kes-kes penderaan yang juga turut membelenggu rumah-rumah warga emas ini yang dilihat semakin hari semakin tinggi.

Untuk itu saya mencadangkan agar rumah-rumah orang tua ini walaupun swasta bukan kerajaan, kita tahu penyeliaan rumah-rumah orang tua di bawah kerajaan ini lebih baik. Jika harus dikawal selia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat agar ia menjadi jaminan kepada perkhidmatan dan penjagaan yang terbaik. Ini juga saya hendak sebut, soalnya ialah adakah kerajaan dalam Belanjawan 2017 bercadang membina lapan buah lagi PAWE? Bolehkah kerajaan menyatakan lokasi dan kos pembinaan untuk lapan buah PAWE ini? Saya juga hendak bertanya kementerian perlu juga membuat pemantauan permasalahan birokrasi atau permohonan penerima bantuan warga emas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tengok di bawah ini ramai yang berumur. Birokrasi hendak menerima bantuan RM300 itu pun kadang-kadang menjadi punca masalah yang masanya terlalu panjang.

■1630

Yang hendak minta ini, orang tua, yang dia minta ini pada orang muda. Akan tetapi akhirnya orang tua ini tidak dapat apa kerana birokrasi, cara pengurusan bantuan itu hendak disampaikan pun tidak menepati cara yang sewajarnya. Sebab itu saya minta kementerian, tolong turun bawah, tengok bagaimana kerja-kerja di bawah ini dibuat, hapuskan birokrasi, permudahkan hak rakyat ini sampai agar warga tua ini pun juga mendapat hak mereka dan jaminan untuk kewangan mereka setiap hari.

Saya masuk kepada yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua. Kebajikan tahanan dan anggota keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan dua perkara berkaitan dengan soal ini. Pertama, saya ingin menyentuh soal tahanan dan keadaan di dalam lokap polis. Kita melihat perbelanjaan mengurus sebanyak-tinggi jumlah yang diberikan kepada Kementerian Dalam Negeri khususnya kepada badan keselamatan PDRM dan sebagainya. Saya harap daripada jumlah yang diperolehi itu, diguna pakai pada tempat yang sebaiknya. Saranan saya yang pertama, peruntukan itu diberikan kepada penambahbaikan terhadap soal lokap dan perkara asas mengenainya, termasuklah kebajikan tahanan yang ditahan bagi saya, harus diselia dengan baik dan isu rawatan kesihatan, keadaan kebersihan lokap dan persekitaran juga perlu menjadi fokus utama untuk diselesaikan.

Sebab banyak kita dengar, Tuan Yang di-Pertua, isu tahanan mati dalam lokap. Kita tahu kita tidak boleh merunding jari sepenuhnya kepada PDRM tetapi kita mahu satu tindakan drastik dibuat kerana ada kebanyakan tahanan yang mati dalam lokap ini dikatakan mereka ini terdedah dalam sel yang tidak bersih, kekurangan air bersih, keadaan persekitaran yang kotor, baju yang disarung itu juga baju yang tidak dibasuh dan pelbagai lagi. Jadi untuk menjawab segala tohmahan ini, saya kira Polis Diraja Malaysia sendiri harus menambah baik keadaan lokap, prasarana kepada orang tahanan agar ia tidak lagi menjadi isu di kemudian hari.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah solusi yang akan dilakukan oleh pihak kementerian dalam menjadikan tempat tahanan dan pusat tahanan ini berada dalam persekitaran yang baik? Apakah faktor yang menyebabkan kematian tahanan dalam tahanan khususnya di dalam lokap-lokap polis? Ini soal orang dalam tahanan. Sekarang hendak cakap soal orang yang menahan orang dalam tahanan.

Saya hendak menyentuh soal kebajikan anggota polis dan tentera, Tuan Yang di-Pertua. Ini juga perkara yang perlu diangkat dan diselesaikan kerana saya melihat kebajikan bagi anggota-anggota keselamatan ini, apatah lagi yang telah tamat perkhidmatan seakan berkurangan. Mereka ini yang dahulunya berkhidmat untuk negara, menjadi benteng hadapan dilihat terabai selepas tidak berkhidmat lagi.

Saranan saya kepada kementerian, kalau pun hanya BR1M dan sebagainya itu, tidak mencukupi. Atas status mereka sebagai orang yang pernah berkhidmat kepada negara, mungkin kerajaan boleh menawarkan insentif berupa mana-mana anggota tentera atau polis pencen yang ada tanah milik mereka sendiri, meminta dan diberi bantuan oleh kerajaan untuk membuat rumah di atas tanah mereka sendiri- RM20,000 kah, RM30,000 kah? Tidak kisah, Tuan Yang di-Pertua, asalkan ada permulaan dan mereka boleh buat sekurang-kurangnya sebuah rumah untuk mereka dan keluarga.

Ini juga kita lihat bagaimana, saya hendak sentuh juga soal bagaimana balai-balai polis di seluruh negara. Saya ambil contoh IPK Ipoh, abang saya, Bro Azwan, ada sini. IPK Ipoh, masuk sahaja IPK Ipoh, ruang utama kalau kita hendak buat *report* polis, *aircond* tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. bukan seminggu, dua minggu. Sudah dekat empat tahun. *Aircond* tidak ada. Apabila tanya kenapa *aircond* tidak ada, "*Oh! Aircond sudah baiki tetapi rosak balik*".

Jadi ini juga menyebabkan kenaikan kos. Kalau isunya rosak, ganti baru. Jadi apabila perkara-perkara ini tidak dilihat dan kita tengok bagaimana pengabaian anggota polis yang terpaksa bekerja tanpa *aircond*, ini yang buat mereka ini kadang-kadang lemah, lambat buat kerja, cepat marah dan sebagainya.

Begitu juga dengan kediaman-kediaman, kuarters-kuarters polis yang sedia ada. Saya kira, bukan sahaja kita perlu tambah daripada segi cat dan sebagainya tetapi kalau boleh diubah trend atau pun bentuk itu pun, ubahlah sebab yang hendak duduk ini ialah anggota polis yang kerja dari pagi balik tengah malam. Jadi saya kira ini juga harus dilihat sebagai perkara yang utama. Saya hendak sebut selepas itu juga Tuan Yang di-Pertua, hanya ada dalam dua perkara lagi sahaja.

Dalam isu pelancongan. Saya minta kementerian untuk menyelia kawasan-kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan pelancongan dalam keadaan yang tersusun, selamat dan bersih. Sebagai contoh, di Pulau Pangkor, Perak, kawasan pelancongan. Begitu juga di Teluk Batik, Lumut. Saya hendak bawa perhatian semua kepada apa yang berlaku sekarang di Teluk Batik. Di Teluk Batik, didirikan hampir 160 buah gerai untuk yang berkos rendah ini berniaga. Itu satu tindakan yang baik. Akan tetapi apa yang sedang berlaku di Teluk Batik sekarang, pengunjung tidak ramai. Seorang peniaga burger yang saya jumpa dia beritahu, kalau dulu dia jual burger satu hari lima buah beg, habis. Akan tetapi sekarang, hendak tunggu lima buah beg, kena tunggu seminggu baru habis. Apabila ditanya kenapa, dia kata kerana Teluk Batik tidak ada lagi orang.

Apa berlaku, saya tunggu sehingga tengah hari. Kebetulan bawa anak-anak mandi di Teluk Batik. Jam 12 ke jam 12.30 macam itu, Bro Azwan boleh beritahu pada Yang Berhormat Menteri Besar nanti, sekumpulan kera-kera liar ini, turun dalam kumpulan yang besar, hampir 100 ke-150 ekor. Dia masuk ke kawasan tengah, di tempat orang tengah bermandi-manda, keluarga sedang duduk *picnic*, diserang orang itu. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada pasukan keselamatan dan kita tidak ada pasukan PERHILITAN. Seorang ibu, baru beli aiskrim untuk anak dia, apabila kera itu datang dekat, dia tampar tangan anak dia, anak dia menangis aiskrim jatuh. Sebab apa, kera itu hendak ambil aiskrim dia.

Jadi sebab itu saya kata, kawasan-kawasan begini, kena lihat dan diteliti. Kawasan pelancongan, tarikan pelancong, apabila dilihat berlaku kemunduran, kerajaan negeri atau kerajaan kena cepat-cepat perbaiki apa yang ada agar ia tidak menjejaskan untuk masa hadapan. Sebab itu saya hendak sebut, perlu ditempatkan oleh kementerian, menasihatkan kepada kerajaan negeri dan sebagainya, tempat-tempat yang berstatus pelancong ini, apatah lagi yang ada ancaman-ancaman binatang liar ini, diletakkan anggota keselamatan dan PERHILITAN agar apabila berlaku keadaan yang tidak terkawal, kita ada sokongan bantuan dan yang pakar untuk menyelesaikannya.

Dua akhir sebelum itu, saya juga hendak sebut tentang kebajikan pemandu teksi. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, kita sedia maklum bahawa kerajaan kini membenarkan perkhidmatan rangkaian pengangkutan TNC yang melibatkan *GrabCar* dan *Uber*. Soalan saya ialah apakah kerajaan akan mewajibkan pemandu TNC ini juga membuat pemeriksaan kenderaan berkomputer sama seperti yang harus dijalani oleh pemandu teksi di negara ini? Kita sedia maklum, kenderaan teksi diwajibkan menjalani pemeriksaan PUSPAKOM ini dua tahun sekali.

Soalan saya ialah kalaulah boleh kerajaan berfikir dan menyediakan atau melaksanakan satu hari dalam sebulan yang dikhususkan kepada pemandu teksi untuk buat pemeriksaan di PUSPAKOM berdekatan mereka. Ini kerana apabila mereka pergi, mereka terpaksa bersaing dengan lori-lori yang banyak, mereka terpaksa bersaing dengan orang-orang yang hendak beli kereta yang kena ada sokongan PUSPAKOM dan sebagainya. Jadi perlu ada saya kira, satu hari dalam sebulan, dikhususkan kepada pemandu-pemandu teksi ini agar kelancaran itu cepat untuk pemeriksaan dan cepat mereka boleh akhirnya keluar dan mencari rezeki selepas itu. Kalau tidak, ada yang menyebut, datang pagi pukul 7, balik pukul 7 petang. Sebab apa, terpaksa beratur panjang. Jadi ini juga saya minta kementerian untuk lihat dan teliti.

Akhir sebelum saya tutup, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal PERMATA. Bagi saya, terdapat pertindihan bidang kuasa antara Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di mana PERMATA sebenarnya lebih sesuai diletakkan di bawah KPWK. PERMATA dilihat bersaing dengan tadika dan tabika yang diselia oleh kerajaan seperti KEMAS contohnya. Saya melihat kalau isunya ialah soal persediaan menyediakan generasi kanak-kanak yang baik, kita harus bermula dengan kelompok majoriti yang sedia ada.

■1640

Maksud saya apa Tuan Yang di-Pertua, apa yang PERMATA buat bagus. Tidak apa, bagus. Akan tetapi kita kena ingat, jangan sampai kita keciciran anak-anak kecil di KEMAS dan sebagainya. Baru-baru ini ada tiga orang atau empat orang ibu bapa dia kata, "Aishah, anak dia tahun depan hendak masuk Darjah 1. Duduk di KEMAS sudah hampir dua tahun...", tetapi apa berlaku? Anak dia tidak boleh membaca, tidak kenal nombor, tidak tahu ABC. Ini bagi saya sesuatu yang menakutkan. Bagaimana anak yang dihantar ke KEMAS itu, yang menjadi harapan buat ayah dan ibu dia, akhirnya masuk ujian peperiksaan untuk menentukan kelas di sekolah rendah, terpaksa menerima dan akur, akhirnya anak dia terpaksa duduk kelas yang paling bawah. Ini harus dilihat.

Oleh sebab itu saya kata kalau kita hendak memperkasakan kanak-kanak, kita bermula dengan golongan majoriti iaitu golongan anak-anak yang KEMAS ini ramai Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu saya kata kena bagi peruntukan yang lebih dan saya ucapkan terima kasih sebab Perdana Menteri naikkan elaun guru-guru KEMAS ini daripada RM400 ke RM500. Baik tetapi ia tidak mewakili pun 50 peratus daripada gaji minimum yang kita buat. Orang boleh kata isu, namanya elaun, itu bukan gaji. Betul.

Akan tetapi kadangkala ada guru ini, ini cerita betul. Ada guru yang habis sahaja tengah hari, dia terpaksa pergi lari jadi pelayan di kedai mamak, sebab apa? RM500 atau RM400 itu tidak cukup untuk dia biayai diri dia. Bila itu berlaku, ia berlaku dalam keadaan tergesa-gesa dan akhirnya, anak-anak di sekolah KEMAS ini terabai. Oleh sebab itu saya nyatakan agar isu KEMAS ini juga tidak dikesampingkan. Hendak angkat PERMATA, angkatlah tetapi jangan golongan majoriti ini diabaikan.

Saya juga hendak melihat bahawa persoalan saya kepada kementerian, ada dinyatakan bahawa ada syarat mana-mana individu yang ingin menjadi penjaga ataupun guru di tadika dan taska ini perlu melalui kursus tambahan di PERMATA. Soalan saya adalah, adakah individu yang sedia ada Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak juga perlu untuk menjalani kursus tambahan ini? Soalan terakhir dalam soal anggaran perbelanjaan pula, kita sedia maklum bahawa PERMATA diberikan peruntukan diberikan sebanyak RM85 juta.

Daripada penelitian saya, peruntukan 2017 ini, bagi Butiran PERMATA dan ECCE apabila dicampurkan, ia membawa jumlah RM53,793,700 dan ia masih berbaki kira-kira RM31 juta. Soalan saya ialah, saya minta kementerian perincikan ke mana baki ini akan diguna pakai agar segala persoalan ini dijawab.

Kedua, soal tadi iaitu gaji taska tadi kalau boleh dinilai semula agar ia memenuhi kehendak semasa.

Akhirnya, saya ingin menyatakan kepada kerajaan yang sedia ada, sekiranya kamu tidak boleh menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh rakyat dengan rasional, diam itu adalah lebih baik. Berhenti dan berhentilah untuk terus menyindir rakyat dengan kenyataan-kenyataan kamu yang saya sifatkan tidak harus dilafazkan oleh seorang Menteri. Sebab apa Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat sindiran-sindiran yang diberikan kepada rakyat yang kita tahu ramai rakyat di bawah itu terguris dengan apa yang dibuat oleh Menteri-menteri ini.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mengucapkan terima kasih dengan peluang ini. Semoga kita mendapat manfaat bersama dan saya mengucapkan sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail kerana memberikan pandangan yang panjang lebar dan minta itu. Saya percaya banyak bait diterangkan dan khususnya tentang hal kepentingan perajurit dan tentera tadi. Saya percaya Yang Berhormat Senator kita Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor, dicatat juga dan pandang itu. *Insyallah* tadi segala pandangan baik dan pihak kita akan mengambil tindakan sepatutnya, sebaik-baiknya.

Sekarang saya minta juga seorang lagi Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman. Dipersilakan.

4.44 ptg.

Datuk Jamilah Sulaiman: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sehatī sejiwa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ataupun Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Oktober 2016 yang lepas. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada keenam-enam Ahli-ahli Dewan Negara yang baru sahaja mengangkat sumpah pagi tadi.

Bertemakan, *'Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh'* jelas memperlihatkan komitmen kerajaan untuk membela nasib rakyat. Suasana ekonomi dunia yang tidak menentu yang berpunca daripada kejatuhan harga minyak, penguncupan ekonomi China dan kenaikan faedah rizab Persekutuan Amerika Syarikat faktor di luar kawalan kerajaan yang menyebabkan hasil pendapatan negara berkurangan. Sungguhpun demikian, kerajaan masih mampu memperuntukkan RM260.8 bilion bagi Bajet 2017 iaitu peningkatan 3.4 peratus daripada Bajet 2016. Namun begitu, pujian harus diberikan kepada kerajaan kerana terus berusaha untuk mensejahterakan rakyat walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan dan rintangan.

Tuan Yang di-Pertua, cukai barangan dan perkhidmatan ataupun GST. Isu pertama yang saya ingin bangkitkan adalah berhubung dengan cukai barangan dan perkhidmatan (GST). Pelaksanaan GST sejak 1 April 2015 telah terbukti menunjukkan bahawa langkah kerajaan memperkenalkan sistem cukai baru ini telah berjaya menyelamatkan ekonomi negara ketika negara berhadapan dengan cabaran ekonomi global yang tidak menentu.

Ketika pendapatan negara daripada hasil minyak jatuh dengan begitu teruk sekali, hasil yang diperoleh daripada kutipan GST bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM27.01 bilion. Hasil kutipan ini telah dapat mengimbangi semula pendapatan negara yang berkurangan. Dijangkakan bagi tahun 2016, hasil kutipan GST akan meningkatkan kepada RM39 bilion.

Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen Mei lalu, menunjukkan pengurangan hasil cukai pendapatan petroleum, cukai pendapatan syarikat dan royalti petroleum masing-masing sebanyak RM15.4 bilion, RM1.56 bilion dan RM1.39 bilion bagi tahun 2015. Ramai pakar ekonomi berpendapat seandainya Malaysia tidak melaksanakan GST, impak daripada faktor luaran yang lemah dan tidak menentu sudah pasti akan menyebabkan Malaysia berhadapan dengan krisis kewangan dan ekonomi yang amat serius.

Syukur kepada Allah SWT walaupun berhadapan dengan cabaran yang hebat, kerajaan masih mampu untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan dan projek-projek utama seperti pembinaan Lebuh raya Pan Borneo, transit aliran massa (MRT) dan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor. Di samping itu, kerajaan telah berusaha menyalurkan semula hasil kutipan GST kepada rakyat yang memerlukan dengan menambah kadar pemberian BR1M.

■1650

Dalam Bajet 2017, kerajaan telah mengumumkan untuk menaikkan kadar BR1M kepada RM1,200 kepada rakyat yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Dari sudut sosioekonomi, program ini telah berupaya menjana dan mengaktifkan ekonomi negara kerana sudah pastinya tujuh juta orang penerima BR1M ini akan membelanjakan semula wang yang diterima dalam pasaran negara. Dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu, sudah pastinya strategi kerajaan untuk mengaktifkan ekonomi domestik langkah yang terbaik.

Selain daripada itu pemberian BR1M juga dapat merapatkan sedikit jurang perbezaan pendapatan antara golongan berpendapatan rendah dengan berpendapatan tinggi. Kerajaan melihat bahawa dengan pemberian BR1M ini juga dapat menampung meringankan tanggungan bayaran GST oleh penerima BR1M dan juga bagi memenuhi janji kerajaan untuk menyalurkan kembali pendapatan daripada GST kepada rakyat.

Hakikatnya GST merupakan dasar kerajaan yang baik tetapi malangnya disebabkan sikap peniaga yang tamak yang menaikkan harga barang dan perkhidmatan dengan sesuka hati dan kelemahan agensi penguatkuasaan untuk memantau dan mengenakan tindakan terhadap peniaga yang melanggar undang-undang menyebabkan rakyat terpaksa menanggung kenaikan kos sara hidup.

Oleh itu saya meminta kerajaan supaya meningkatkan langkah pemantauan dan mengambil tindakan terhadap mana-mana peniaga yang bersalah. Buat masa ini, apa yang diperhatikan kenaikan harga barang dan perkhidmatan dilakukan dengan sewenang-wenangnya seolah-olah hilang kawalan. Saya perhatikan ramai rakyat terutama daripada golongan miskin dan sederhana merintih dan merayu supaya kerajaan bersikap lebih agresif dalam menangkis kenaikan harga barang dan perkhidmatan khasnya bagi rakyat yang tinggal di Sabah dan Sarawak yang terkesan daripada caj kabotaj.

Saya juga perhatikan setiap kali musim perayaan dan pengisytiharan dividen dan bonus kepada penjawat awam, akan ada sahaja kenaikan harga barang dan perkhidmatan seolah-olah macam dirancang oleh pihak tertentu. Oleh itu, saya mohon penjelasan daripada kerajaan, adakah terdapat unsur sabotaj oleh pihak tersebut dalam perkara ini yang mungkin ada kaitan dengan usaha untuk mencalarkan imej dan seterusnya menjatuhkan kerajaan.

Di samping itu, saya juga memohon kepada kerajaan agar pertama, sekiranya harga minyak dan harga komoditi lain kembali pulih dan melonjak naik, kadar GST sebanyak enam peratus yang dikenakan sekarang bolehlah diturunkan sekurang-kurangnya kepada empat peratus. Dengan cara ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup dan menurunkan kadar inflasi.

Kedua, minta wujudkan undang-undang yang boleh mengelak syarikat-syarikat terutama restoran-restoran dengan sesuka hati mengenakan *service charge* 10 peratus atas perkhidmatan. Rakyat menganggap 10 peratus ini sebahagian daripada GST. Padahal GST hanya enam peratus sahaja.

Ketiga, saya meminta dan memohon kerajaan mengkaji semula akta-akta berkaitan dengan pencegahan kenaikan harga minyak, harga barang dan perkhidmatan. Walaupun saya difahamkan Kementerian mendapati kesulitan untuk melaksanakan Akta Anti Pencatutan yang terlalu umum. Bolehkah kerajaan mencari satu mekanisme agar ia dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara. Kerajaan juga mengambil kira betapa pentingnya menjaga keselamatan negara dalam Bajet 2017. Untuk itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM15.1 bilion untuk Kementerian Pertahanan dan RM12.8 bilion untuk Kementerian Dalam Negeri. Bagi mempertingkatkan keberkesanan operasi ESSZONE, sebanyak RM323 juta telah diperuntukkan. Sememangnya keselamatan operasi ESSZONE wajib diberi perhatian khusus kerana telah banyak kali berlaku insiden penculikan dan pembunuhan yang melibatkan kumpulan Abu Sayyaf.

Selain itu, insiden pencerobohan Lahad Datu di Sabah pada 1 Mac 2013 oleh kumpulan militan Kesultanan Sulu yang masih menuntut Sabah sebagai haknya dan konflik bersenjata di Selatan Filipina memerlukan perhatian serius daripada kerajaan bagi menyekat apa juga ancaman yang boleh merebak ke Sabah. Persoalannya, walaupun kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang begitu besar untuk memperkuat ESSCOM di Sabah tetapi kejadian penculikan yang berunsur *kidnap for ransom*, dengan izin, masih terus berlaku. Kejadian ini menimbulkan keresahan di kalangan rakyat Sabah sehingga ada yang mempersoalkan kemampuan ESSCOM untuk menangani masalah tersebut.

Penganalisis keselamatan mendapati bahawa antara punca utama yang menyumbang kepada jenayah ini adalah disebabkan oleh faktor kehadiran PATI dan kelemahan perolehan perisikan serta ketidakupayaan pasukan keselamatan untuk beroperasi pada waktu malam. Mungkin dakwaan ini ada kebenarannya kerana di Sabah terdapat hampir 700,000 orang rakyat asing. Daripada jumlah tersebut majoriti PATI dari Filipina dan Indonesia. Pengalaman Malaysia menentang kumpulan pengganas Parti Komunis Malaya (PKM) pada darurat pertama dan kedua dari tahun 1948 hinggalah ke tahun 1989 memperlihatkan perang menentang insurgensi mengambil tempoh yang begitu lama untuk diselesaikan.

Malaysia berjaya menangani ancaman komunis kerana dasar kerajaan yang memperkenalkan konsep keselamatan dan pembangunan. Melalui pendekatan *winning the hearts and minds of the people*, dengan izin, di mana kerajaan telah berupaya memenangi hati rakyat sehingga pihak musuh tewas dan menyerah kalah. Oleh itu dalam menentang ancaman keganasan dan penculikan seperti yang berlaku di Sabah sekarang ini, kerajaan perlu menggunakan pendekatan yang sama. Masalahnya banjir PATI dan rakyat asing yang begitu ramai di Sabah terutamanya dari Filipina telah mendatangkan masalah besar kepada pasukan keselamatan untuk menjejaki dan membendung gerakan kumpulan penculik dan penganas kerana mereka mendapat sokongan dan perlindungan dari warga dan kaum sebangsa mereka terutama dari kawasan penduduk perkampungan air.

Langkah yang terbaik menghadkan pergerakan musuh. Selain daripada menguatkuasakan perintah berkurung dengan menyusun atur kedudukan perkampungan air ini. Namun begitu, kerajaan memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk menampung keperluan ini di samping banyak masalah lain seperti bagaimana untuk membantu masyarakat menjana pendapatan baru apabila mereka ini dipindahkan ke lokasi perkampungan baru yang boleh dikawal dan dipantau seperti mana kampung-kampung baru yang telah diwujudkan semasa darurat menentang PKM dahulu.

■1700

Oleh yang demikian, kerajaan perlu meneruskan usaha untuk membangun Sabah dengan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui projek pembangunan infrastruktur serta bekalan air dan elektrik, jalan raya, klinik dan hospital serta mengadakan jaringan kemudahan komunikasi seperti talian telefon dan *internet* dalam usaha memenangi hati rakyat.

Dalam pada itu, operasi secara berterusan untuk menangkap PATI dan mengusir mereka ke negara asal hendaklah dilakukan. Inisiatif kerajaan yang menggerakkan operasi bersepadu melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun NBOS adalah antara satu cara tindakan yang terbaik.

Di samping itu, rakyat juga perlu disedarkan bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab membantu kerajaan menentang ancaman penganas dan penculikan dengan menjadi mata dan telinga kerajaan dengan menyalurkan apa juga maklumat berhubung pergerakan musuh. Ini boleh dicapai melalui peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang boleh digerakkan secara aktif di kawasan yang sensitif dan disenaraihitamkan.

Banyak insiden penculikan berlaku pada waktu malam dan awal pagi. Walaupun ESSCOM telah melancarkan perintah berkurung pada tempoh waktu yang telah ditetapkan, kumpulan penculik masih lagi berjaya menyusup keluar dan masuk dalam kawasan operasi.

Kegagalan pasukan keselamatan mengesan pergerakan penjenayah ini perlu dikaji dan menilai semula kelemahan yang wujud. Mungkin ada keperluan pasukan keselamatan menambah perolehan peralatan pengesan yang lebih canggih bagi memantau apa jua pergerakan pada waktu malam.

Dalam pada itu, Unit Respons Keselamatan hendaklah sentiasa bersedia bertindak dalam tempoh masa yang singkat dan pantas terhadap sebarang ancaman penganas dan kumpulan penculik.

Dalam bajet kali ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM957 juta bagi maksud pembangunan kepada Kementerian Dalam Negeri. Oleh sebab bajet yang tidak mencukupi, permintaan terhadap projek pembinaan tembok keselamatan di sepanjang kawasan sempadan khususnya Malaysia-Thailand, khususnya di kawasan sekitar Sungai Golok, Kelantan tidak dapat dilaksanakan buat sementara waktu ini.

Namun begitu, peruntukan bagi pembinaan tembok ini diharap dapat diadakan dalam bajet akan datang memandangkan tahap keselamatan di kawasan Malaysia-Thailand ini semakin meruncing akibat daripada kegiatan penyeludupan migran, penyeludupan senjata dan lain-lain aktiviti haram seperti penyeludupan minyak dan gas, minyak masak, beras, gula, rokok dan banyak lagi. Sekiranya masalah ini tidak dapat dibendung dengan segera, pastinya masalah ini akan menjadi masalah yang nasional yang sukar dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh sedikit tentang kesihatan. Bagi memastikan rakyat Malaysia mempunyai kesihatan yang baik, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM8.58 bilion bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan seperti pembelian ubat, bahan pakai buang, penyelenggaraan dan utiliti. Ini termasuklah peruntukan sebanyak RM4.5 bilion untuk keperluan operasi 340 Klinik 1Malaysia, 11 Klinik Bergerak 1Malaysia, 959 buah klinik kesihatan dan lebih 1,800 buah klinik desa.

Selain itu, untuk menampung keperluan projek pembangunan, kerajaan telah memperuntukkan RM1.52 bilion untuk membiayai projek-projek pembinaan dan naik taraf klinik desa, pusat kesihatan dan hospital.

Sungguhpun demikian, kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang tinggi akibat kegagalan pesakit warga asing menjelaskan bil hospital yang tertunggak. Sebagai contoh, dilaporkan dalam akhbar *Metro* bertarikh 13 Februari 2015 bahawa pesakit warga asing telah gagal menjelaskan bil Hospital Kuala Lumpur sahaja sebanyak RM2.4 juta dari tempoh Julai 2013 hingga Julai 2014. Jadi, apakah tindakan kerajaan untuk mendapatkan kembali hutang yang tertunggak ini?

Dicadangkan juga sudah tiba masanya kerajaan menetapkan sebuah dasar di mana setiap rakyat asing yang hendak mendapat rawatan di hospital atau klinik kerajaan perlu mendapatkan insurans perubatan terlebih dahulu. Perkara ini sememangnya telah dipraktikkan di beberapa buah negara asing seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Akhir sekali- satu isu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon- kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia. Untuk menjaga kebajikan ahli-ahli veteran ATM yang hilang upaya semasa dalam perkhidmatan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM55 juta sebagai bayaran khas *insurgency* secara *one-off* dan pemberian elaun bulanan. Pemberian ini amat memberi makna kepada golongan veteran ATM kurang upaya kerana mereka amat memerlukan bantuan sedemikian untuk menampung kos sara hidup yang memerlukan memandangkan ramai daripada mereka tidak mempunyai pendapatan atau pekerjaan tetap.

Sungguhpun demikian, bagi majoriti veteran ATM yang tidak berpencen dan menerima pencen yang kecil, mereka masih menaruh harapan supaya kerajaan dapat membuat sesuatu bagi membantu mereka. Persatuan Veteran ATM pernah menuntut supaya kerajaan memberi elaun khas kepada ahli veteran yang tidak menerima pencen. Manakala bagi yang berpencen kecil, mereka mengharapkan jurang perbezaan yang besar di antara penerima pencen sebelum tahun 2004 dengan selepas tahun 2004 dapat dirapatkan.

Oleh itu, kerajaan perlu membuat kajian semula pembayaran pencen agar kerajaan dapat membuat tambahan kepada pencen yang sedia ada.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2017. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman. Sudah bercakap panjang lebar dan ada isi yang baik juga untuk diberi perhatian. Saya sangat sukacita, pada petang ini ramai ahli keluarga kita ini hendak bercakap. Ada empat lima orang. Ada setengah jam lagi ya. Jadi separuh itu termasuk juga yang menunggu pun memerhati ya. Ini kita punya presiden pun ada nampaknya.

Saya sekarang ini hendak menjemput saudara kita, Yang Berhormat ini yang baru balik dari Uzbekistan mewakili kita untuk Pilihanraya Presiden di Uzbekistan itu. Jemput Yang Berhormat Datuk Seri Boon Som A/L Inong. Ya, boleh? Sila.

Datuk Seri Boon Som A/L Inong: Tuan Yang di-Pertua, catatan itu untuk esok. Tarikh untuk dibahaskan esok. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, esok tidak apa. Kalau esok, saya jemput tadi Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han. Yang Berhormat Datuk Koh ada? Sila.

5.09 ptg.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Dewan yang mulia ini.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, lawatan ketiga Perdana Menteri kita ke China baru-baru ini banyak membuahkan hasil. Antaranya telah memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan China. Kedua, yang lebih menarik ialah telah dapat menandatangani 14 MoU perniagaan yang bernilai RM144 bilion. Begitu juga 16 MoU Kerajaan *G-to-G* dengan Kerajaan China. Rombongan Perdana Menteri juga sempat berjumpa dengan 33 orang wakil dan, dengan izin, *captains of industry* negeri China. Kesemuanya menzahirkan hasrat untuk mengembangkan dan mempertingkatkan perniagaan dan pelaburan di Malaysia.

Saya di sini berfikir semua Ahli Dewan Negara di sini akan setuju dengan pemikiran saya iaitu usaha kita menarik pelaburan dan perniagaan tidak berpandu kepada pelabur itu berasal dari benua mana, negara mana ataupun apakah warga kulit pelabur tersebut. Sebaliknya kita berpandu kepada kemampuan, keupayaan dan kepercayaan kita terhadap pelabur yang berhasrat untuk melabur di negara kita. Kita tidak kisah pelabur itu berasal dari China, Amerika Syarikat, Arab ataupun India dan mana-mana negara.

Kalau dikatakan kita menarik pelaburan China, maka akan terdapat kedaulatan negara kita. Sehubungan itu, pihak yang mengeluarkan kata-kata sedemikian bolehlah beritahu kita. Pada waktu sebegini, kita patut berniaga dengan siapa ataupun negara mana. Apa yang kita sedia maklum, negara China sekarang yang mempunyai modal yang besar dan negara China juga menggalakkan pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha mereka untuk keluar dari China untuk melabur di merata dunia. Itu sebabnya waktu Perdana Menteri pergi, maka kita berjaya untuk menarik pelaburan yang sebegini besar.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya saya di sini ialah janganlah politikkan semua isu terutamanya pelaburan dan perniagaan. Kita mengalu-alukan FDI yang banyak melabur dari negara China. Namun pada masa yang sama, kita masih menghadapi masalah seperti kadar risiko pertumbuhan ekonomi yang agak rendah dan perlahan, peningkatan kadar pengangguran terutama golongan belia. Begitu juga sentimen *consumer* dan perniagaan yang lemah.

Dalam Dewan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyuarakan pandangan rakyat secara keseluruhan. Rata-rata mereka merasa mereka mengalu-alukan pelaburan China ini tetapi sesuatu yang perlu dipertimbangkan dan juga sesuatu yang agak membimbangkan ialah pada akhirnya, mungkin rakyat jelata tidak akan dapat merasai atau tidak akan dapat faedah sebenar daripada FDI ini. Saya ingin mengambil contoh apa yang diperkatakan oleh Dato' Adam semalam. Ini adalah kerana FDI-FDI ini tidak inklusif bagi memasukan atau melibatkan perniagaan tempatan.

Mungkin tidak ada penambahan pekerjaan sebenar, tidak ada juga pemindahan teknologi, bahan-bahan ataupun material-material dibawa terus dari negara asalnya. Begitu juga mungkin makanan sama ada makanan dalam tin atau sayuran juga diimport dari China, tukang masak pun dari China. Ini merupakan suatu yang kita agak khuatir. Sehubungan itu saya ingin mengingatkan Menteri yang bertanggungjawab agar memastikan faedah dan kepentingan kita akan terjaga. Saya juga ingin menyeru EPU mengkaji bagaimana untuk menyatukan projek-projek FDI ini dengan kepentingan-kepentingan kontraktor tempatan, pembekal-pembekal tempatan dan juga syarikat-syarikat tempatan agar seluruhnya akan terjaga.

Selain itu saya juga mencadangkan agar usaha menggalakkan syarikat China mahupun yang lain untuk menjalankan *Corporate Social Responsibility* (CSR), dengan izin, tanpa unsur-unsur politik demi kebaikan dan pembangunan sosial rakyat Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh sedikit dalam sektor pelancongan. Hubungan erat Malaysia dengan China juga akan membawa kebaikan kepada sektor pelancongan. Saya dapat tahu setiap tahun seramai 120 juta orang rakyat China yang akan keluar ke negara lain untuk melancong. Jumlah 120 juta ini merupakan tiga kali ganda lebih daripada jumlah rakyat negara Malaysia, negara kita. Namun, dari 120 juta ini, cuma dua juta sahaja yang datang ke Malaysia. Itu dikatakan terlalu sedikit. Tidak sampai dua peratus pun.

Maka tiba masanya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan perlu berusaha untuk menarik lebih ramai pelancong China datang ke negara kita terutamanya ke negeri Melaka. Di sini saya ingin bertanya apakah strategi dan usaha-usaha yang akan dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk membawa lebih banyak lagi pelancong China datang ke negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin masuk ke dalam isu perumahan pula. Ini satu isu yang saya hendak bangkitkan dalam Dewan ini iaitu isu bekalan tanah kerajaan dalam tujuan untuk menyediakan rumah mampu milik seperti PR1MA kepada rakyat yang memerlukannya. Sebelum ini, saya ingin memuji kepada usaha kerajaan dalam menangani isu perumahan mampu milik dengan pengumuman baru-baru ini dalam Bajet 2017. Langkah-langkah seperti pengecualian duti setem sebanyak 100 peratus untuk hartanah yang bernilai RM300,000 dan ke bawah untuk mengurangkan kos pemindahan dan memperkenalkan skim baru khas pembiayaan akhir bagi program PR1MA yang akan memberi lebih akses dan membantu rakyat dalam segi pembiayaan.

Akan tetapi kebanyakan daripada langkah-langkah yang diumumkan dalam Bajet 2017 hanya menangani isu perumahan mampu milik daripada segi, dengan izin, *demand*, tetapi tidak dari segi *supply* seperti yang telah ditekankan dalam Laporan Bank Negara 2015. Masalahnya bukan timbul daripada akses kepada pembiayaan tetapi daripada kemampuan pembeli dan kekurangan penawaran rumah khususnya dalam kategori perumahan mampu milik. Punca utama yang melambungkan harga rumah adalah disebabkan oleh kekurangan dan kos tanah.

■1720

Pada masa ini kita menghadapi kekurangan yang parah dalam bekalan perumahan mampu milik berharga antara RM100,000 hingga RM400,000. Menurut angka yang diberikan oleh Jabatan Perangkaan, pada tahun 2014 permintaan untuk rumah mampu milik sebanyak 1,160,535 unit tetapi hanya terdapat 38,089 unit rumah berharga di bawah RM400,000 dalam pasaran buat masa kini. Ini bermakna bahawa bekalan perumahan mampu milik melalui Dasar Perumahan seperti PR1MA belum lagi mampu memenuhi dengan permintaan. Salah satu cabaran yang dinyatakan oleh PR1MA adalah bahawa PR1MA memerlukan lebih banyak tanah strategik, bekalan bank daripada kerajaan negeri dan persekutuan untuk menyediakan lebih banyak unit rumah PR1MA pada harga yang berpatutan.

Keperluan untuk membeli tanah daripada pemilik swasta boleh mewujudkan beban kewangan kepada PR1MA. Bagi mencapai sasaran membina 240,000 buah rumah PR1MA pada tahun 2018, PR1MA menganggarkan bahawa mereka memerlukan 5,961 ekar tanah. Sehingga kini, PR1MA hanya menerima 109.08 ekar sahaja daripada kerajaan dan hanya 39.1 ekar tanah adalah sesuai untuk pembangunan. Sebanyak 1,404 ekar tanah yang dimohon telah ditolak oleh pelbagai kementerian dan agensi.

Oleh itu, untuk mempercepatkan pembinaan dan meningkatkan bekalan untuk perumahan yang mampu milik, terdapat keperluan untuk semua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan, agensi dan GLC untuk bekerjasama dan mengeluarkan pelan yang menyeluruh dan bersepadu dalam mengenal pasti tanah-tanah lebihan untuk membina bank tanah ataupun *land bank* yang mencukupi. Pelan ini umumnya hendaklah meliputi:

- (i) pengukuran selama lima tahun yang akan datang untuk semua bank tanah yang dikumpulkan;
- (ii) sasaran bekalan perumahan dan keperluan perumahan untuk bank tanah tersebut;
- (iii) menyatakan jumlah dan lokasi luas tanah yang harus diperuntukkan daripada bank tanah dan memastikan bahawa keperluan bagi setiap tanah yang diperuntukkan dipenuhi sepenuhnya;
- (iv) menjalankan pemantauan kemajuan penyiapan perumahan melalui Audit Perumahan Tahunan; dan
- (v) menyediakan data penemuan dan maklumat suku tahun kepada awam untuk tujuan ketelusan dan akauntabiliti.

Ini seterusnya akan membantu kerajaan menjalankan ulasan secara holistik dan memperuntukkan bank tanah dengan optimum. Selain itu, kita perlu melakukan satu kajian yang mendalam dan menyeluruh untuk mengetahui kesukaran dan cabaran untuk memperoleh bekalan tanah yang mencukupi. Kajian tersebut perlulah menyediakan analisis dasar yang kompleks dan isu-isu praktikal yang bermain dalam keadaan semasa dan ini akan memberi pandangan kepada kerajaan dan mencari penyelesaian dalam menangani isu tersebut.

Disebabkan urusan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, saya mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk memperuntukkan lebih bajet kepada Kerajaan Negeri sebagai insentif kepada mereka untuk memperuntukkan lebih banyak tanah dengan tujuan membina rumah mampu milik dan kos rendah.

Mungkin juga kerajaan juga boleh mempertimbangkan untuk membeli ke atas tanah terus daripada kerajaan negeri atau memperuntukkan lebih banyak dana kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk mempercepatkan proses pengambilan tanah tersebut. Kerajaan juga perlu secara berterusan mengenal pasti dan mengambil projek-projek perumahan terbenakalai, kembali ke dalam bekalan bank tanah kerajaan.

Selain itu, terdapat juga banyak bangunan swasta yang sudah tua, sudah lama dan usang yang terletak di dalam kawasan bandar strategik utama seperti Sungai Besi yang kerajaan boleh mempertimbangkan untuk membeli secara *en bloc* bagi meningkatkan bekalan bank tanah dengan tujuan memulakan projek-projek pembangunan semula dan menyediakan rumah mampu milik. Walau bagaimanapun pada masa ini, kita tidak ada sebarang fiskal undang, definisi undang dalam Akta Hak Milik Strata 1989 (318) dan Akta Pengambilan Tanah 1960 (486) yang membolehkan penjualan *en bloc*.

Ini bermakna bahawa penjualan *en bloc* hanya boleh dijual jika semua pemilik bersetuju dan sekiranya salah seorang pemilik tidak bersetuju, maka segala urusannya tidak akan dapat dijalankan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan untuk meminda Akta Hakmilik Strata dan Akta Pengambilan Tanah untuk memberikan definisi undang penjualan *en bloc* yang membolehkan bangunan lebih tua daripada 20 tahun hanya memerlukan 80 peratus majoriti setuju untuk meneruskan penjualan tersebut.

Ini akan dapat meningkatkan bekalan bank tanah kerajaan yang kita kini ada terutamanya di kawasan bandar yang berkepadatan tinggi seperti Lembah Klang. Jika saya tidak silap, Menteri KPKT pernah memikirkan untuk mengkaji kemungkinan untuk mewujudkan sebuah bank tanah untuk membina rumah mampu milik sejak dua tahun yang lalu. Saya meminta agar Menteri KPKT dapat memberi maklumat perkembangan dengan kajian tersebut dan proses mewujudkan sebuah bank tanah demi membina rumah mampu milik. Ini kerana...

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mencelah, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua. Disebut tadi ialah soal *land bank* ataupun stok tanah di peringkat kerajaan negeri. Adakah wajar pihak Kerajaan Persekutuan juga memberi bekalan tanah ini kepada agensi-agensi GLC untuk memajukan tanah ini bagi rumah mampu milik iaitu tanah-tanah persekutuan selain daripada meletakkan bebanan kepada kerajaan negeri untuk menyediakan tanah-tanah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya sebut tadi, disebabkan urusan tanah itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dalam usaha untuk memajukan projek perumahan mampu milik, kerajaan negeri juga menghadapi masalah dana-dana. Maka sebab itu saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi lebih bajet ataupun dana kepada kerajaan negeri untuk memajukan projek perumahan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Koh Chin Han: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Di mana saya berhenti tadi pun saya dah lupa. Ha, di sini.

Saya meminta agar Menteri KPKT dapat memberi maklumat perkembangan dengan kajian tersebut dan proses mewujudkan sebuah bank tanah demi membina rumah mampu milik. Ini kerana sejak pengumuman yang dilaporkan dalam surat khabar dua tahun yang lalu, tidak terdapat sebarang susulan atau perkembangan tentang berita tersebut. Kesimpulannya, kekurangan dan kos tanah pemacu utama dalam harga rumah yang melambung. Dalam agregat masalah kemampuan perumahan boleh memberi impak makro ekonomi terhadap inflasi dan kos sara hidup rakyat. Oleh itu kita perlulah menjadi komited dalam usaha untuk satu pengakhiran kepada kekurangan bekalan tanah dan defisit bekalan rumah mampu milik.

Satu lagi titik yang ingin saya tingkatkan berkenaan dengan isu perumahan adalah sebahagian populasi meningkat terutamanya di kawasan bandar seperti Lembah Klang. Terdapat keperluan untuk bandar berkembang terhadap pinggir bandar dan pembangunan perbandaran baru. Masalahnya peranan pembangunan perbandaran baru tersebut selalu diletak dalam tangan pemaju hartanah dan kurang pada tangan agensi kerajaan dan pihak berkuasa yang berkenaan.

Justeru itu, untuk perancangan bandar bagi pembangunan satelit dan perbandaran baru, kita seharusnya tidak boleh sentiasa bergantung kepada pemaju-pemaju hartanah swasta dan sepatutnya memainkan peranan yang utama dalam perancangan bandar. Kita memerlukan bandar baru tersebut untuk menggabungkan pembangunan PR1MA dan Skim Rumah Mampu Milik.

Walaupun perancangan bandar adalah terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri namun sebagai Kerajaan Persekutuan, kita sepatutnya mengambil inisiatif dan langkah proaktif sebagai teladan untuk kerajaan-kerajaan negeri dalam memulakan pelan perancangan bandar baru yang terletak di Wilayah Persekutuan di mana bandar baru tersebut tidak hanya menyediakan bekalan rumah mampu milik yang mencukupi tetapi juga membawakan komuniti dan gaya hidup yang *vibrant* dan *livable*, dengan izin, yang seterusnya menjadikan menarik dan wajar untuk rakyat tinggal di sana.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengakhiri perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat iaitu Senator Datuk Koh Chin Han telah memberi penerangan yang paling cantik mengenai lawatan Perdana Menteri kita ke China. Syabas ya dan saya ingin memberitahu bahawa saya senang hati hari ini ramai keluarga saya hendak bercakap. Bagus. Hari esok sambunglah lagi dua tiga orang itu termasuk Yang Berhormat Presiden kita ya. Satu perkara yang saya hendak pesan bahawa jangan lupa apa kehendak kerajaan kita iaitu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hendak kita hidup dalam harmoni berpaksi kepada, "*Yang tua dihormati, yang muda dikasih*". Itu dia. Bak kata bahasa kita bagus,

*Yang kurik kundi,
Yang merah saga.
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa.*

Itu kita peganglah, itu yang penting sekali ya.

Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya berterima kasih banyak kerana hadir termasuk rakan-rakan saya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa sudah cukup ya. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 8 Disember 2016. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]